

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid V

Bil. 2

Rabu

7 April 1999

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Usul Ordinan No. 22, Kuasa-Kuasa Perlu Darurat 1970. (Ruangan)

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

USUL:

- Kertas Putih Mengenai Status Semasa Ekonomi Malaysia. (Ruangan)
- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
 - *Y.B. Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang)* (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

“ **Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)**

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N.
(Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)

“ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

“ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P.,
D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

“ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K.
(Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

“ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

“ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

“ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)

“ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

“ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

“ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
- : Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- : Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
: Rosnani binti Ahmad
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 7 April 1999****Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi****DOA**[Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**USUL ORDINAN NO. 22, KUASA-KUASA PERLU DARURAT 1970**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah membuat siasatan berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Teluk Intan yang dikemukakan pada pagi semalam, 6 April 1999 berkenaan dengan Usul Ordinan No. 22, Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1970. Menurut Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan, satu ordinan yang dibuat di bawah Perkara 150(2b) yakni semasa proklamasi darurat sedang berlaku, berkuasa, dan Parlimen tidak bersidang, akan terhenti berkuatkuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen.

Usul yang tersebut di atas telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 22 Oktober 1998, tetapi belum lagi diluluskan oleh Dewan Negara. Ini kerana kerajaan belum lagi mengemukakan Usul itu ke dalam Dewan Negara. Berbeza dengan rang undang-undang, tidak ada peruntukan Perlembagaan seperti yang terdapat dalam Perkara 66(3) Perlembagaan Malaysia yang menghendaki Usul sedemikian yang serupa diluluskan oleh mana-mana satu Dewan, Dewan terpaksa menghantar kepada Dewan yang satu lagi untuk ditimbang.

Oleh demikian, satu Usul yang berasingan hendaklah dibawa di Dewan Negara bagi maksud membuat ketetapan bagi maksud ini. Inilah sebabnya Usul itu belum lagi diluluskan oleh Parlimen, dan yang demikian berkuatkuasa undang-undang itu adalah terus seperti yang ada sekarang, *status-quo*. Sekian, harap maklum.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, Yang Berhormat. Tidak boleh berhujah dalam perkara itu.

Tuan M. Kulasegaran: Perkara ini ada berkaitan dengan kes Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, Yang Berhormat. Saya tidak ada kuasa berkenaan dengan kes itu.

Tuan M. Kulasegaran: Semua caj di mahkamah adalah berkenaan dengan Ordinan 22.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya tahu kerana Ordinan 22 itu masih berkuatkuasa.

Tuan M. Kulasegaran: Tetapi pada 22 haribulan mengikut *Hansard*, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan, dengan izin, saya boleh baca apa yang dikatakan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh kerana keputusan kalau sekiranya satu usul itu tidak dibawa ke dalam Dewan Negara, maka kuatkuasanya masih kekal. Itu kedudukannya.

Tuan M. Kulasegaran: Adakah ianya telah lapse dengan....

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan lapse atau tidak lapse itu lain perkara. Saya ingat tidak lapse mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat tidak lapse. Bahkan rang undang-undang pun tidak lapse walau pun selepas daripada satu sesi kepada satu sesi. Yang ini tidak lapse pada fikiran saya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PEMULIHAN EKONOMI NEGARA – RINGGIT DIDAGANG SEMULA

1. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-
 - (a) kemajuan program memulihkan ekonomi negara, terutama sekali pertumbuhan KDK, kadar inflasi, pelaburan-pelaburan asing/domestik, kadar faedah bank, rizab asing,

kadar pengangguran, harga-harga saham di BSKL dan sebagainya; dan

- (b) sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk membenarkan Ringgit didagang semula di dalam pasaran wang antarabangsa.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari SibU yang dijadualkan untuk dijawab pada hari ini dan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Alor Gajah yang dijadualkan untuk dijawab pada 19 April 1999 memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari SibU telah pun terjawab dalam Kertas Putih yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari Selasa.

Tuan Yang di-Pertua, objektif penetapan kadar pertukaran ialah untuk mewujudkan keadaan yang lebih stabil bagi menguruskan aktiviti ekonomi benar. Oleh itu, kerajaan tidak berhasrat untuk mengubah kadar pertukaran dengan kerap. Memandangkan masih wujud ketidakstabilan dalam pasaran kewangan antarabangsa, Malaysia akan terus mengekalkan regim kadar pertukaran tetap sehingga wujudnya keadaan normal di pasaran kewangan dan pertukaran mata wang asing antarabangsa serta mengukuhkan pengukuhan sistem kewangan global untuk menjamin keadaan yang lebih stabil.

Justeru itu, kadar pertukaran tetap tidak akan diubahsuaikan selagi paras tersebut adalah selaras dengan asas-asas ekonomi negara dalam jangka panjang.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kedudukan terkini KLOFFE sekarang dan apakah kesan ekonomi kepada negara jikalau saham KLOFFE didagang semula?

Dato' Wong See Wah: Pihak BSKL masih mengkaji untuk menyelesaikan masalah KLOFFE dan memang kerajaan sedar kesan yang besar atas ekonomi kita kalau perkara ini tidak dapat diselesaikan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat manakah kerajaan berjaya mengesan pasaran gelap Ringgit Malaysia setelah percubaan menyeludup keluar Ringgit. Jika ada, berapakah jumlah wang yang terlibat dan wang denda yang dikutip?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyeludupan mata wang Malaysia itu adalah tidak serius oleh kerana setakat ini maklum balas yang kita terima itu kalau berlaku pun segelintir sahaja.

PENANAMAN SEMULA KELAPA SAWIT – RANCANGAN

1. **Tuan Abdul Aziz bin Yassin [Muar]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab mengapa kementerian itu enggan mengadakan rancangan menanam semula kelapa sawit untuk pekebun-pekebun kecil sebagaimana yang dijalankan untuk menanam semula getah dan pekebun-pekebun getah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkenaan sedang mempertimbangkan beberapa opsiyen untuk mengadakan skim bantuan tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil individu termasuk wujudnya satu skim pinjaman mudah atau soft loan, dengan izin. Pada masa yang sama kerajaan menerusi PORIM sedang dan akan terus berusaha membantu pekebun-pekebun kecil berkenaan untuk menanam semula kelapa sawit melalui perkhidmatan pengembangan dan juga pemindahan teknologi supaya golongan ini dapat meningkatkan produktiviti dan mutu pengeluaran mereka, yakni melalui penggunaan biji benih yang bermutu serta teknik dan amalan pengurusan perladangan yang baik.

Sehubungan dengan ini juga, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan rancangan menanam semula kelapa sawit mengikut cara ses yang dijalankan bagi pekebun-pekebun getah. Ini memandangkan bahawa golongan pekebun kecil individu merangkumi kira-kira 9% atau 264,361 hektar sahaja daripada kawasan keseluruhan

tanaman kelapa sawit negara berbanding dengan lebih 80% bagi tanaman getah. Oleh demikian, didapati bahawa pembiayaan menggunakan ses bagi penanaman semula sawit adalah tidak praktikal dibandingkan dengan penanaman semula getah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana industri kelapa sawit di negara jiran kita menurun akibat daripada kegawatan ekonomi, apakah jangkaan kerajaan terhadap kesan permintaan kelapa sawit negara dan apakah langkah-langkah yang akan kita ambil?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih, Yang Berhormat. Akhir-akhir ini memang bekalan kacang soya sebagai contoh dari negara-negara pengeluar utama seperti Brazil dan Argentina telah meningkat ekoran 'bumper harvest', di samping itu juga di Indonesia telah mengumumkan sedikit kelonggaran bagi eksport CPOnya, maka apa yang telah berlaku ialah penurunan harga dan nilai minyak sawit kebelakangan ini. Tetapi untuk jangka panjang dan sederhana kerajaan yakin bahawa dengan peningkatan produktiviti, pengurangan kos pengeluaran dan juga kita memperhebatkan industri-industri hiliran. Sektor ini boleh memainkan peranan yang amat penting kepada pemulihan ekonomi negara.

Untuk jangka masa pendek, harga yang turun ini tidak membimbangkan. Hari ini saya difahamkan bahawa harga minyak masak nilainya 1,896 per metrik tan. Ini menunjukkan bahawa harga masih lagi di tahap dan paras yang boleh kita banggakan dan memberangsangkan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kejatuhan harga pasaran kelapa sawit, ramai di antara pekerja di ladang-ladang dan estet-estet telah mengalami beberapa kesusahan. Tambahan lagi dengan kebenaran kerajaan untuk membawa pekerja-pekerja dari luar negeri. Jadi dari segi pandangan kerajaan, apakah pertolongan yang tertentu yang akan diberi kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang dan estet-estet supaya mereka dapat mengtasi masalah ini?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, bagi industri kelapa sawit, sektor estet swasta FELDA dan FELCRA serta skim kerajaan yang lain merangkumi lebih 90% daripada keseluruhan kawasan kelapa sawit, maka pihak-pihak

inilah yang akan memikirkan pendekatan yang paling wajar untuk merangka pelan-pelan untuk menangani isu-isu semasa.

Keduanya, hujah yang mengatakan bahawa mereka yang terlibat dalam sektor ini sedang dilanda dengan kerugian begitu besar atau dalam kesusahan, ini memang tidak benar. Kerana saya menyatakan tadi harga yang dikecapi beberapa bulan kebelakangan ini adalah satu nilai yang begitu luar biasa dan cukup membanggakan, dan penurunan sekarang ini dengan nilai 1,896 per metrik tan masih lagi pada tahap yang tidak kritikal atau membimbangkan kita.

PEPIJAT ALAF (Y2K) – PROGRAM MENGATASI

3. **Tuan Hoo Seong Chan [Kluang]** minta Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang diluluskan untuk program pematuhan masalah pepijat alaf (Y2K) bagi agensi kerajaan dan apakah perkembangan terbaru terhadap masalah ini; dan
- (b) adakah kerajaan memerlukan pinjaman Bank Dunia untuk menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia

[Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi agensi-agensi kerajaan untuk menangani masalah Y2K adalah sebanyak RM200 juta. Kerajaan sedang mengambil tiga langkah penting dalam usaha menangani masalah ini, iaitu;
 - (i) melantik beberapa syarikat perunding untuk menjalankan kerja-kerja verifikasi ke atas agensi-agensi awam dan swasta bagi tujuan mengesahkan status sedia Y2K mereka;

- (ii) sedang berusaha menyediakan pelan kontigensi negara bagi menangani krisis yang timbul supaya tidak merebak menjadi krisis negara; dan
- (iii) meningkatkan usaha berkongsi pengetahuan dan pengalaman menangani masalah ini melalui strategi komunikasi yang berkesan.

Agensi-agensi awam dan swata juga sedang giat mengambil langkah-langkah tertentu bagi menangani masalah ini.

- (a) Ya. Kerajaan memerlukan pinjaman Bank Dunia. Pinjaman ini akan digunakan bagi membiayai keperluan agensi-agensi kerajaan menangani masalah ini serta memperhebatkan
- (b) usaha kerajaan memantau usaha-usaha ini.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ke tahap mana pejabat-pejabat kerajaan yang strategik seperti Jabatan Pertahanan, airport-airport yang telah bersedia supaya 'Y2K ready' dan apakah sambutan industri kecil dan sederhana terhadap seruan kerajaan supaya mereka 'Y2K ready'?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, semua pejabat kerajaan adalah dianggap sebagai agensi kritikal di bawah pelan Y2K negara. Dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, hampir semua pejabat kerajaan telah mengambil langkah yang amat positif untuk menangani masalah Y2K. Setakat ini boleh dikatakan hampir 70% daripada pejabat kerajaan telah sampai ke tahap 70%, iaitu tahap internal testing untuk menangani masalah ini. Misalan kata ada juga agensi

kerajaan telah pun sampai 100%, semua 10 steps di bawah standard yang kita ambil, iaitu standard yang dipraktikkan oleh Shell, ada agensi telah sampai ke 100%, misalnya EPF telah 100% ready.

Bagi sektor SMI ataupun industri kecil dan sederhana, respons daripada mereka masih tidak memuaskan. Sungguhpun SMI ini tidak dianggap sebagai sektor kritikal kerana tidak akan mendatangkan ancaman kepada keselamatan awam, tetapi oleh kerana peranan mereka yang amat penting dalam perindustrian sektor industri negara, kerajaan juga mengambil berat tentang atau sektor ini dan berbagai-bagai usaha telah pun dijalankan dan akan dijalankan supaya pihak industri kecil dan sederhana akan mengambil berat tentang perkara ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kerana kementerian telah membuat usaha yang baik dan soalan saya adakah industri perbankan juga dikatakan sektor kritikal oleh kerana industri perbankan melibatkan kontrak kerajaan sama ada national- level contract ataupun international contract – masa pembayaran, jumlah bayaran, takut rekod-rekod industri bank itu nanti hilang apabila sampainya Januari 2000. Jadi, kalau perbankan adalah satu industri kritikal memandangkan soal ekonomi yang begitu besar sekali, apakah langkah kerajaan dan arahan daripada kementerian agar pihak perbankan mempunyai satu backup supaya kalau ada masalah Y2K berlaku pada ketika itu, backup mereka sentiasa wujud untuk menyediakan perkara secara manual sebelum menggunakan komputer dahulu.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, industri perbankan dan juga insurans adalah dianggap salah satu daripada lapan sektor yang dianggap kritikal dan kerajaan memang sangat-sangat mengambil berat tentang perkembangan penyediaan sektor-sektor yang dianggap kritikal ini dalam penyediaan mereka untuk menangani

masalah Y2K dan boleh dikatakan termasuk industri perbankan telah mencapai satu tahap yang memuaskan. Untuk memastikan bahawa semua sektor kritikal ini boleh menangani masalah Y2K apabila tiba masa yang kita tetapkan iaitu bulan September tahun ini, kita tidak tunggu sampai bulan Disember.

Bulan September semua mesti seratus peratus Y2K-ready dan industri perbankan memang merupakan salah satu sektor yang telah mencapai satu kejayaan dalam Y2K-ready sangat-sangat memuaskan dan untuk memastikan bahawa semua agensi dalam semua sektor kritikal ini adalah Y2K-ready, kita akan mewujudkan satu pasukan varifikasi supaya kita akan menjalankan usaha varifikasi kepada semua agensi, baik agensi dalam kerajaan mahupun agensi di pihak swasta. Kita akan menjalankan varifikasi sebanyak tiga round supaya memastikan semuanya ready dan kita juga akan mengadakan plan contingency central dan juga plan contingency negara. Maka, dengan semua persediaan ini pihak kerajaan yakin bahawa masalah Y2K ini akan ditangani dengan memuaskan.

PENDERMAAN ORGAN – KEMPEN/PROGRAM

4. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kempen/program yang diadakan bagi menggalakkan pendermaan organ-organ tubuh badan; dan
- (b) kadar kejayaan operasi pemindahan organ-organ tubuh-tubuh yang dijalankan di hospital-hospital tempatan antara 1995-1998.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha yang dijalankan untuk menggalakkan pendermaan organ ialah pelancaran kad penderma organ nasional pada 16 Disember 1998. Pelancaran kad ini bukan sahaja menyaksikan satu kad yang seragam sebagai identiti nasional

tetapi juga memudahkan bakal penderma organ untuk menyatakan hasrat mereka. Selain daripada usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan, terdapat banyak organisasi yang mengendalikan aktiviti mendaftar penderma organ seperti Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, Pusat Sumber Transplan Kerajaan dengan kerjasama Kelab Rotary, Hospital Mata Tun Hussein Onn, Kementerian Kesihatan Malaysia juga membekalkan maklumat kepada akhbar/media mengenai penderma organ yang menerbitkan risalah-risalah serta poster untuk pengetahuan orang ramai.

(b) Kadar kejayaan pemindahan organ bergantung kepada jenis organ tisu yang dipindahkan ataupun yang ditransplan. Jumlah pembedahan organ yang telah dijalankan di Malaysia semenjak Program Pemindahan Organ Transplantasi dimulakan adalah seperti berikut:-

- (i) Buah Pinggang - 672 semenjak tahun 1975 hingga 1998. Kejayaan untuk hidup setahun lebih adalah 97%;
- (ii) Jantung - 5 daripada tahun 1997 hingga 1998. Kesemuanya berjaya dan masih hidup sihat;
- (iii) Kornea - 534 daripada tahun 1987 hingga 1988. Rata-rata transplan kornea ini berjaya;
- (iv) Tisu-tisu lain - 1500 iaitu daripada tahun 1993 hingga 1998, juga rata-ratanya berjaya dan transplan hepa ataupun hati (liver) sebanyak 25 telah dilakukan daripada tahun 1995 hingga 1997 dan kesemuanya berjaya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai organ-organ tubuh ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah dakwaan yang menyatakan apabila sesuatu post-mortem dibuat ke atas mayat-mayat terutamanya mayat-mayat orang yang mati kerana accident, apabila post-mortem ini dibuat, ada dakwaan yang mengatakan pihak

hospital akan mengambil organ-organ dalaman daripada mayat yang dipost-mortem ini. Ini menyebabkan ramai orang terutamanya orang-orang Islam tidak rela mayat-mayat mereka ini dipost-mortem. Jika perkara ini benar, apakah usaha kementerian untuk mengatasinya kerana ianya bertentangan dengan hak asasi manusia.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan bahawa doktor yang membedah siasat telah mengambil organ tanpa kebenaran adalah tidak benar. Jika ada pun organ yang diambil adalah untuk mengkaji sebab-sebab kemalangan ataupun sakit-sakit yang berlaku. Selepas itu organ itu akan dimasukkan balik dalam badan. Jika pesakit telah meninggal dunia tentulah akan ditanam bersama. Walau bagaimanapun, jika ada yang sudah bersetuju hendak menderma organnya sebelum dia mati, dia telah tandatangani untuk menderma organ, maka organ itu akan diambil kerana telah pun mendapat persetujuan. Jadi, tidak ada pengambilan organ tanpa kebenaran seperti yang didakwa.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha yang dicapai yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan menggunakan kemudahan telekomunikasi untuk mendapatkan organ-organ tubuh badan yang sesuai daripada penderma dari dalam dan luar negara?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan telekomunikasi ini masih lagi dalam tindakan untuk dilaksanakan pada masa hadapan ketika semua sistem telekomunikasi perubatan telah pun sedia diadakan. Untuk ketika ini kita masih lagi menggunakan sistem yang sedia ada.

[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran] tidak hadir]

SYARIKAT SWASTA MEMPERDAYA BAKAL HAJI – BILANGAN

6. **Datuk Wira Abu Seman bin Yusop [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan syarikat swasta yang memperdayakan bakal haji sehingga gagal ke tanah suci Mekah, telah dapat dikesan oleh pihak berkuasa bagi tempoh 1996 hingga 1998 dan tidakkah kerajaan bercadang mengkaji undang-undang untuk

mengadakan peruntukan yang lebih tegas lagi bagi membendung gejala yang kurang sihat ini berlaku berleluasa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji tidak mempunyai perangkaan yang tepat berhubung dengan syarikat-syarikat yang telah memperdayakan bakal haji kerana bakal haji terlibat tidak membuat aduan rasmi kepada Tabung Haji. Walau bagaimanapun, Tabung Haji telah mengenal pasti sebanyak 16 syarikat yang mengendalikan jemaah haji tanpa kebenaran Lembaga Tabung Haji. Dalam hal ini, pihak kerajaan akan mengkaji semula undang-undang yang ada dan akan bertindak lebih tegas terhadap mana-mana pihak yang terlibat bagi tujuan membendung gejala yang kurang sihat ini daripada berterusan berlaku.

Datuk Wira Abu Seman bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua, bakal-bakal haji yang menggunakan syarikat swasta ini besar kemungkinan disebabkan visa haji yang diperolehi oleh Malaysia tidak mencukupi berbanding dengan permintaan tetapi kita dapati juga bahawa terdapat banyak bakal haji yang pergi ke Tanah Suci telah beberapa kali pergi membuat haji. Di sini persoalannya, apakah faktor utama dalam memilih bakal-bakal haji dapat sampai niatnya untuk ke Tanah Suci.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, visa yang kita keluarkan kepada orang yang mengerjakan haji adalah mengikut kuota yang dibenarkan kepada kerajaan kita oleh Kerajaan Saudi Arabia, sedangkan pendaftaran untuk mengerjakan haji adalah melebihi. Jadi, sebab itulah kita hanya mengeluarkan visa kepada yang mengikut kuota dan sudah barang tentu kalau mengikut orang yang hendak pergi visanya tidak cukup sebab kita tidak mengeluarkan mengikut siapa yang hendak pergi. Kalau ada di antara mereka yang pergi kadangkala terpaksa membuat bermacam-macam cara dan sebab itu kita dapati ada di antara mereka yang pergi ke Mekah adalah dengan melalui visa ziarah dan juga visa yang didapati di luar negara tetapi mereka ini akan mendapat kesukaran semasa di Mekah ataupun di Medinah kerana pihak muassasah tidak menyediakan tempat-tempat mereka sebab mereka ini tidak pergi melalui Tabung Haji.

Mengenai bakal-bakal haji yang pergi dua kali - memanglah kita utamakan kepada sesiapa yang tidak pernah pergi pertamanya, kedua kita utamakan orang yang umurnya agak sudah lanjut kerana kita mengerjakan haji ini yang banyak ialah bekerja menggunakan kudrat ataupun fizikal, sebab itulah kita utamakan kepada mereka yang umurnya agak lanjut tetapi kalau ada orang yang sudah pernah pergi menunaikan haji pergi juga, dia tidak boleh pergi berturut-turut, dia mesti ada jangka masa yang ditentukan, kalau dia memohon, maka kalau dipertimbangkan, adalah memenuhi sebagaimana syarat-syarat yang kita kehendaki tetapi kita menyatakan bahawa keutamaan adalah kepada mereka yang belum pernah lagi pergi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan masalah yang sama berulang di masa-masa yang akan datang, bolehkah pihak Lembaga Tabung Haji atau kerajaan berunding dengan Kerajaan Arab Saudi supaya mengeluarkan visa atas urusan kerajaan dengan kerajaan (G-to- G basis) tetapi tidak pengeluaran visa kepada individu-individu atau syarikat-syarikat tertentu kerana inilah yang menyebabkan masalah yang berlaku begitu besar sekarang.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita benarkan syarikat untuk mengelolakan pemergian kita ke Mekah, kita berikan hak kepada mereka untuk menguruskan tetapi kita menyelia ataupun kita memberi kelulusan. Mana-mana mereka yang tidak memenuhi kelayakan untuk menguruskan kita tidak akan benarkan. Sebab itulah kita juga memberi kelonggaran kepada mereka supaya mereka ini juga bekerjasama untuk menghantar mereka pergi ke Mekah. Jadi, setakat ini kita merasakan apa yang kita buat sekarang adalah memuaskan dan perkara itu kerajaan akan siasat sekiranya perlu kita akan pertimbangkan.

KADAR TOL LEBUH RAYA – KAJIAN SEMULA

7. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai kajian semula kadar tol lebuhraya baru-baru ini:-

- (a) adakah Kerajaan merancang untuk membenarkan penelitian umum bagi perundingan perjanjian-perjanjian konsesi; dan

- (b) sudahkah PLUS Berhad mewujudkan program perhubungan awam untuk menjelaskan kepada rakyat mengapa ia mesti menaikkan kadar tol.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak merancang untuk membenarkan penelitian umum bagi perundingan perjanjian-perjanjian konsesi di antara kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi.
- (b) Pihak PLUS telah pun melantik sebuah syarikat perhubungan awam bagi membantu PLUS dalam hal ini. Sebahagian daripada kempen PLUS telah pun berjalan melalui iklan-iklan di media elektronik dan media cetak.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan kutipan tol di Jalan Kuching Kuala Lumpur, Dewan yang mulia ini telah diberitahu dahulu bahawa kerja-kerja mempertingkatkan mutu jalan yang berkenaan sebagai justifikasi untuk memanjangkan jangka masa kutipan tol tersebut selama tujuh tahun lagi. Soalan saya ialah jika peningkatan jalan tidak dibuat, adakah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya akan mencadangkan supaya kutipan tol itu dihapuskan?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini semenjak pemanjangan tempoh selama tujuh tahun sehingga tahun 2003, kerja-kerja penyelenggaraan jalan telah dijalankan dengan baik dan kerajaan berpuas hati dengan kerja-kerja yang telah dijalankan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab di mana kadar tol bagi jalan raya begitu tinggi atau perlu begitu tinggi kerana kos pembinaan adalah tinggi berbanding dengan kos pembinaan yang dianggarkan oleh Kementerian Kerja Raya. Jadi, saya hendak bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk mengkaji semula atau mengkaji dengan lebih teliti kos pembinaan bagi projek-projek penswastaaan jalan raya bagi projek yang akan datang.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, kerajaan bersikap telus sebelum membuat sebarang keputusan mengenai sesuatu projek penswastaan. Sehubungan dengan ini, setiap projek penswastaan jalan yang telah dikenal pasti oleh kerajaan untuk dibina perlu mendapat maklum balas daripada orang awam serta bakal-bakal pengguna projek berkenaan terlebih dahulu. Ini terutamanya dari segi penentuan jajaran jalan serta kadar-kadar tol yang akan dikenakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan hanya akan meneruskan projek berkenaan jika pihak yang berkepentingan benar-benar memerlukannya.

PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG PILIHAN RAYA - LANGKAH-LANGKAH MENGAWAL

8. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan segala peraturan-peraturan, undang-undang pilihan raya dipatuhi oleh semua parti dalam pilihan raya. Bagaimanakah SPR boleh mengawal parti pemerintah sebagai “Caretaker” selepas pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri tidak menyalahgunakan kuasa alat-alat, kemudahan dan jentera-jentera Kerajaan untuk berkempen.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, semua pihak adalah bertanggungjawab mematuhi undang-undang ketika pilihan raya. Jika ada pihak yang melanggar undang-undang, tindakan boleh diambil terhadap mereka. Pemerintahan sementara (caretaker) selepas Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan adalah mempunyai bidang kuasa yang serupa sebagaimana sebelum pembubaran. Oleh itu pemerintah atau sesiapa yang berkaitan boleh menjalankan kerja-kerja rasmi mereka seperti biasa pada bila-bila masa sebelum dan semasa pilihan raya diadakan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, dalam Pilihan Raya Sabah baru-baru ini dan bukan sahaja di Pilihan Raya Sabah bahkan di merata-rata tempat jikalau ada pilihan raya kecil, maka ramai menteri, timbalan menteri, ketua menteri, setiausaha Parlimen, pegawai penerangan – semua dikerah ke tempat pilihan raya itu. Saya ingin bertanya sama ada menterikah, timbalan menterikah, mereka ini pergi ke

sana untuk berkempen untuk parti sendiri, adakah mereka meminta cuti dan segala perbelanjaan iaitu tambang kapal terbang, penginapan di hotel-hotel, adakah semua ini ditanggung olehnya sendiri atau ditanggung oleh kerajaan?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jelaskan menteri-menteri kita yang menjalankan kerja di sana adalah menjalankan tugas rasmi, pertama. Yang kedua, mereka bukan sahaja datang ke Sabah ketika pilihan raya, bahkan sebelum dan dalam masa lima tahun ini mereka sentiasa pergi ke Sabah untuk memberi penerangan kepada rakyat supaya jangan tersalah memilih kerajaan. *[Ketawa]* Secara tidak langsung kerana kita menjelaskan kerajaan telah membuat berbagai-bagai kepada rakyat untuk faedah kepada rakyat, melainkan orang yang tidak faham sahaja apa yang kerajaan buat ini tidak berfaedah kepada rakyat kerana mereka ada kepentingan tertentu.

Jadi, janganlah kita menjadi syak-wasangka yang bukan-bukan, bahkan pihak parti pembangkang sekalipun masa dekat pilihan raya pun kerap juga datang, walaupun mungkin dia tidak menggunakan perbelanjaan kerajaan – perbelanjaan sendiri tetapi mana-mana pihak yang lain bagi pihak yang membantu di sana semasa kempen pilihan raya mereka semua menggunakan perbelanjaan sendiri dan tidak terlibat dengan perbelanjaan kerajaan. Kalau sekiranya ada itu terpulanglah kepada sesiapa yang membuat laporan. Jadi, setakat ini nampaknya kita berjalan dengan baik dan Alhamdulillah Sabah diperintah oleh Barisan Nasional sekali lagi. *[Tepuk]*.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah meletakkan poster dan bendera sebelum pilihan raya ditetapkan menyalahi undang-undang? Jika salah daripada segi undang-undang, kenapa tidak ambil tindakan kepada parti PAS yang penuh dalam kawasan saya macam esok hendak pilihan raya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apabila mana-mana orang atau mana-mana parti ada kelemahan, dia memang ada sesuatu cara hendak menunjukkan kekuatan. Sebenarnya, bukanlah baru-baru ini berlaku dan

dahulu dia buat ini awal daripada pilihan raya sebenar tetapi Alhamdulillah mereka tidak mendapat kemenangan apa-apa.

Yang kedua, mana-mana bendera yang diletakkan di tempat-tempat harta kerajaan, kerajaan berhak membuang misalnya diletakkan pada tiang elektrik. Kerajaan tempatan boleh menguatkuasakan undang-undang, diletakkan di mana-mana harta kerajaan kita berhak, sebab itulah kita kerajaan ini, kerajaan cukup baik yang sederhana, kita sentiasa menasihatkan tidak usahlah buat kerja macam budak-budak macam itu. Nampak sangat yang diletak pada pokok kayu terlalu tinggi, kalau jatuh siapa yang letak bendera, kadangkala bukan orang PAS yang menolong, kadangkala kita wakil rakyat UMNO yang menolong mereka. Jadi tidak usahlah, kita tunggu masa pilihan raya kita buatlah betul-betul tetapi kadangkala yang buat kerja itu bukannya ramai, kumpulan itulah. Saya ingat biarlah dia buat begitu, apabila sampai pilihan raya sebenarnya semua bendera mereka telah pudar, jadi kita naikkan hak kita, lebih cahaya, ceria dan insya-Allah, orang akan menyokong kita. Terima kasih.

BEKALAN MAKANAN – KELEMAHAN PIHAK PENGUAT KUASA KAWALAN KEMENTERIAN

9. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjelaskan:

- (a) kenapa barang-barang keperluan sentiasa tidak mencukupi terutamanya tepung gandum tidak ada di Kelantan jika harga tawaran RM28.29 tetapi jika harga tawaran RM31.00 sekampit bekalannya ada; dan
- (b) tiap-tiap kedai bila hampir dengan hari-hari perayaan didapati tidak ada barang-barang. Adakah ini mainan pembekal atau kelemahan pihak Penguat kuasa Kawalan Kementerian.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan bagi memastikan bekalan barang-barang keperluan sentiasa mencukupi di pasaran pada setiap masa dan boleh diperolehi dengan harga yang berpatutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, harga tepung gandum yang dikawal secara pentadbiran oleh kerajaan adalah dari gred serbaguna. Harga jualan runcit tepung gandum gred tersebut ialah RM1.20 sekilogram, manakala harga ex-kilang bagi beberapa jenama yang popular di negeri Kelantan ialah RM28.40 setiap kampak 25 kilogram. Hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh kementerian ini menunjukkan tiada masalah bekalan.

- (b) Pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum dan saya membuat andaian bahawa barang-barang yang dimaksudkan adalah barang-barang kawalan. Kementerian ini tidak mengesan masalah pengguna mendapatkan bekalan barang-barang kawalan menjelang hari-hari perayaan, kecuali bagi bekalan minyak masak kegunaan domestik berikutan peningkatan permintaan kerana harganya lebih murah. Dalam hubungan ini, manipulasi peniaga ataupun kelemahan penguatkuasaan tidaklah berbangkit.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah penguatkuasaan kawalan harga barang-barang ini masih kita pertikaikan mengenai kekuatan ataupun penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh kementerian Yang Berhormat. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai pengawalan harga ayam, oleh kerana masalah industri daging babi pada hari ini, permintaan ke atas ayam 30% telah pun meningkat. Jadi bagaimanakah usaha yang akan dilaksanakan bagi memastikan harga kawalan ayam ini terjamin?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian, satu mengenai keberkesanan penguatkuasaan. Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa pegawai-pegawai penguat kuasa sentiasa menjalankan penguatkuasaan. Bagi tahun ini pun daripada 1 Januari hingga 20 Mac

1999, kementerian telah menjalankan pemeriksaan dan dalam tempoh singkat ini barang-barang yang dirampas oleh kerana peniaga melakukan pelbagai kesalahan adalah sebanyak RM1.3 juta dan kompaun yang dikenakan terhadap peniaga-peniaga yang melakukan kesalahan adalah sebanyak RM251,000 iaitu kompaun, dendanya pun adalah sebanyak RM38,630 terhadap mereka yang telah didakwa di mahkamah. Jadi ini adalah sebagai bukti bahawa pemeriksaan dan penguatkuasaan sentiasa dijalankan.

Mengenai harga ayam seperti kita telah membuat beberapa kenyataan, memang benar bahawa dengan JE yang telah menular permintaan terhadap ayam telah meningkat. Kita sedar bahawa bekalan ayam pada masa ini agak genting tetapi masih lagi mencukupi. Pengeluar-pengeluar ayam telah memberi jaminan bahawa mereka mampu membekalkan keperluan negara dan dengan harga yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM6 sekilogram bagi peringkat runcit.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga telah mengambil langkah-langkah awal untuk menentukan pengimportan ayam jika perlu. Sebenarnya NAFAS telah pun mengambil tindakan mengimport ayam dari negara China dan Thailand. Bekalan sebanyak dua kontena dijangka sampai pada akhir bulan ini dan tambahan pula Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) telah membenarkan pengimportan “day old chick” dan keratan ayam bagi menambahkan bekalan. Daripada bulan Mac 1999 hingga 5 April lebih kurang 1.9 juta ekor ayam dan 878 tan keratan ayam telah diimport ke negara.

Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian - sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, harga barang ini dikawal dan sebagainya tetapi keseluruhannya kalau kita tengok, bulan demi bulan, harga barang itu naik walaupun bukan ‘control item’, ia naik. Tetapi adakah kerajaan ingin mencadangkan supaya membuat satu kajian menyeluruh iaitu barang-barang keperluan dan penggunaan orang-orang yang berpendapatan sederhana ke bawah ini mesti dikawal dan barang-barang yang sedap dimakan, sihat dimakan, itu gasaklah hendak naik harga, berapa hendak naik. Tetapi barang-barang kita kata macam sayur, sawi, kangkung dan sebagainya di ‘control’. Ikan begitu juga, ikan

kembung, ikan ini di 'control' tetapi kalau ikan bawal putih biak pi lah ia hendak naik, itu orang kaya-kaya makan. Ini hak orang miskin makan pun naik, jadi teruk kita di kampung....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, soalnya Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Ketawa]* Ini orang kampung pesan, Tuan Yang di-Pertua, suruh khabaq. Jadi adakah pihak kementerian akan mengkaji keseluruhan barang keperluan dan penggunaan rakyat sederhana ke bawah perlu dikawal supaya jangan barang-barang ini naik. Kadang-kadang sabun basuh naik sekotak naik dua kupang, tiga kupang, jadi kita tidak sedar, Tuan Yang di-Pertua, jadi hujung bulan kos perbelanjaan kita melebihi.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya soalnya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soalnya tadi adakah pihak kerajaan hendak kawal atau tidak kawal? Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak kawal dah! *[Ketawa]*

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai barang-barang pihak kerajaan tidak bercadang mengawal keseluruhan barang-barang, baik barang-barang keperluan atau tidak. Oleh kerana pasaran kita adalah satu pasaran bebas tetapi kita mengawal harga terhadap 12 jenis barang sahaja buat masa sekarang. Itulah yang difikirkan, yang paling penting dan boleh dikawal iaitu di bawah Akta Kawalan Bekalan, macam gula, garam, simen dan clinker, tepung gandum, minyak masak dan sebagainya adalah barang-barang harga kawalan. Ini sebagai contoh, termasuk daging ayam dan sebagainya. Tetapi lain-lain barang seperti ikan tidak boleh dikawal oleh kerana pengeluaran itu tergantung kepada musim, kalau musim itu nelayan tidak tangkap banyak, harganya meningkat.

Jadi dalam masa itu kita memerlukan kerjasama daripada pengguna untuk mengelakkan pembelian barang-barang keperluan, oleh kerana permintaan begitu mendesak dan pengeluaran ataupun tangkapan kurang. Begitu juga sayur, pengeluaran kita tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan negara, maka dari semasa ke semasa kita membenarkan pengimportan sayur-sayuran. Jadi, satu daripada langkah ialah untuk menambahkan pengeluaran, satu lagi adalah kerjasama daripada pengguna untuk mengurangkan atau mengelakkan pembelian barang-barang pada masa pengeluarannya kurang, satu lagi mengenai barang-barang keperluan pun kadang-kadang bukan semua

barang keperluan kita keluarkan, macam tepung gandum 100% diimport, gula hampir 90% lebih diimport. Barang-barang itu walaupun barang-barang keperluan tidak boleh dikawal harga oleh kerana ia diimport dari negara asing dan oleh kerana itu harganya terpulanglah kepada harga pasaran.

GULA DALAM MAKANAN DAN MINUMAN - MENGURANGKAN

10. Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bagaimanakah respon pengilang-pengilang terhadap arahan kementerian untuk mengurangkan gula dalam keluaran makanan dan minuman dengan menggantikannya dengan pemanis tiruan; dan
- (b) adakah kementerian bercadang menguatkuasakan arahan ini demi kesihatan rakyat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab bersekali soalan ini dengan soalan No.17 yang bersamaan.

- (a) Pihak pengilang-pengilang minuman ringan sedia diminum telah memberi maklum balas mengenai cadangan peraturan mengurangkan penggunaan gula. Secara keseluruhannya pihak pengilang-pengilang bersetuju dengan pengurangan gula dalam minuman ringan yang sedia diminum tanpa penggunaan bahan pemanis tiruan. Ini adalah kerana dengan penggunaan bahan pemanis tiruan akan menjejaskan *shelf life*, dengan izin, minuman tersebut.
- (b) Kementerian Kesihatan bercadang untuk menguatkuasakan arahan Jemaah Menteri bagi mengurangkan gula dalam minuman ringan. Draf peraturan bagi pengawalan penggunaan gula dalam minuman ringan telah pun disediakan dan sedang dikaji sebelum diwartakan dan dikuatkuasakan. Di dalam cadangan tersebut adalah dicadangkan supaya kandungan gula tidak melebihi 6 gm bagi setiap 100 ml minuman. Manakala bahan pemanis bagi pemanis aspartami tidak melebihi 18 ml bagi

100 ml. Bagi bahan akisalfamin 18 mg bagi 100 ml dan sagralusi tidak melebihi 6 mg bagi setiap 100 ml minuman.

(c) Kementerian Kesihatan telah mengambil makluman bahawa beberapa buah syarikat tidak akan menukar resepi atau fomulasi minuman ringan dan mereka mungkin menutup kilang-kilang yang akan menyebabkan beribu-ribu pekerja hilang pekerjaan. Namum begitu pengawalan bagi penggunaan gula adalah dibuat atas sebab-sebab kesihatan dan merupakan langkah pencegahan bagi mengelakkan obesiti iaitu kegemukan, penyakit diabetes iaitu kencing manis, darah tinggi dan juga penyakit jantung. Ini adalah kerana pengambilan gula yang berlebihan meningkatkan risiko bagi penyakit-penyakit yang disebutkan tadi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Kalau orang selalu minum di kedai kopi, dia selalu mengalami iaitu kedai kopilah pembazir yang banyak sekali membuang gula. Oleh kerana tiap-tiap satu cawan kopi dia bagi dua tablespoon gula, jadi apabila orang itu hendak minum, dia buang gula daripada cawan itu baru dia minum kerana mengurangkan manis. Jadi persoalan saya, kempen kerajaan mengurangkan penggunaan gula adakah melibatkan pekedai-pekedai kopi seluruh negara, kalau kita cuba dari Johor ke Perlis, Perlis ke Sabah dan Sarawak, kita lihat semua menggunakan sukatan tablespoon bukan teaspoon, jadi adakah kempen kerajaan menumpu perhatian kepada mereka ini yang menggalakkan orang menggunakan gula dan membazirkan gula sebanyak-banyaknya dan mendatangkan penyakit kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kempen kerajaan menggunakan gula ini juga sampai ke kedai-kedai kopi di mana poster-poster kita pasang dan juga forum-forum ataupun perjumpaan-perjumpaan di balai raya dan sebagainya dengan persatuan-persatuan peruncit diadakan.

Saya suka memaklumkan memang orang ramai selalunya tidak mengambil kisah pengambilan gula ini kerana itu penyakit kencing manis ini telah memberi kesan yang banyak kepada penduduk negara kita. Kerana itu kita harap penggunaan gula di

kedai-kedai kopi dapat dikurangkan satu teaspoon bersamaan 5 gram, jadi kalau orang ramai hendak tahu satu camca tea yang besar itu ia lebih kurang sama dengan 3 atau 4 teaspoon. Jadi ini telah berlebihan daripada sewajarnya. Sepatutnya setiap cawan tea mereka cuma menggunakan satu teaspoon sudah cukup.

Dalam kempen yang telah diadakan oleh kerajaan nampaknya penggunaan gula domestik telah menurun, ini menunjukkan ada kejayaan bagi tahun 1997 penggunaan gula domestik 668,057.16 tan tetapi sehingga Disember 1998 ia telah turun kepada 571,989.9 tan, ini menunjukkan kefahaman orang ramai nampaknya meningkat.

Walau bagaimanapun penggunaan industri, naik pula kepada 5.4 % iaitu daripada 268,204.59 kepada 282,596.42 tan kerana itu maka undang-undang untuk industri patut diadakan kerana setakat ini industri nampaknya tidak memberi respon yang baik kepada kempen mengurangkan gula demi kesihatan rakyat.

Jadi Yang Berhormat bolehlah bantu di kedai-kedai kopi supaya orang ramai mengurangkan gula dalam minuman.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebagaimana yang dijelaskan sekejap tadi bahawa ada pengurangan penggunaan gula mengikut statistik yang telah dilaporkan tetapi sebagaimana yang dilaporkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dari segi penyakit kencing manis itu meningkat. Saya tidak faham penggunaan gula berkurangan tetapi penyakit kencing manis adalah meningkat. Apakah sebab-sebab hal ini berlaku?. Bagi pandangan saya kalaulah kempen....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh beri pandangan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat bukan Menteri, soalan, soalan

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah ada faktor-faktor lain yang menyebabkan seseorang itu berpenyakit kencing manis?. Sebab bagi pandangan saya....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat, soalan sudah cukup dah itu, sudah cukup faham, saya pun faham. Sila jawab.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa pihak kementerian perlulah membuat satu penyelidikan yang lebih detail lagi daripada apa yang ada sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kempen kita ini sedikit ada berjaya tetapi yang kurang berjaya kerana ahli-ahli daripada PAS, pembangkang tidak pernah bantu. Kita kempen mengurangkan gula tetapi dalam kempen dia yang saya dengar semuanya mengumpat dan menaburkan fitnah, jadi kerana itulah kempen ini kurang berkesan. Jadi kalau boleh diperbaiki daripada kempen fitnah kepada kempen mengurangkan gula, saya percaya kementerian saya bekerja senang sedikit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rakyat Malaysia yang kena diabetes lebih kurang 6% hingga 7% kerana itulah untuk mengurangkan masalah ini kita harap wakil daripada Tumpat dapat bantu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata berapa percent tadi?.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Enam ke tujuh peratus rakyat Malaysia mengidap diabetes.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan 67% ya..

Dato' Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam: 6% - 7%, bukan 67%.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

GURU – LANGKAH MENGURANGKAN BEBAN KERJA

11. **Tuan Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengkaji beban kerja guru, terutama dalam melaksanakan kerja-kerja perkeranian agar proses pengajaran-pembelajaran tidak terganggu; dan

(b) langkah kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan guru dalam pengkhususan tertentu seperti Matematik dan Bahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada;

(a) Kementerian Pendidikan amat peka terhadap masalah beban tugas yang dihadapi oleh guru-guru. Sehubungan itu pihak kementerian senantiasa berusaha untuk menambah bilangan kakitangan sokongan di sekolah-sekolah seluruh negara. Setakat ini terdapat 23,285 jawatan staf sokongan di sekolah-sekolah. Dari jumlah itu 19,633 jawatan tersebut telah diisi. Usaha berterusan dibuat untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut mengikut keupayaan kerajaan. Selain daripada itu kajian yang lebih terperinci dan menyeluruh sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara bagi meneliti beban tugas sebenar yang dipikul oleh guru.

Dalam masa yang sama jua apa sahaja tindakan yang boleh mengurangkan beban tugas guru yang melibatkan tugas-tugas perkeranian dikurangkan dari satu masa ke satu masa, misalnya Jemaah Nazir Sekolah-sekolah baru-baru ini telah pun mengedarkan pekeliling pada 16 November 1998 ke sekolah-sekolah untuk tindakan selanjutnya berkaitan dengan pengisian rancangan pelajaran tahunan, mingguan dan juga harian yang telah yang telah dipermudahkan.

(b) Bagi mengatasi masalah kekurangan guru Matematik dan Bahasa Inggeris di sekolah menengah dan rendah, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) menambah unjuran pengambilan calon pengkhususan Pengajian Matematik dan Pengajian Inggeris bagi Kursus Diploma Perguruan Malaysia untuk mengatasi masalah kekurangan guru sekolah rendah dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah bagi sekolah menengah;
- (ii) menumpukan pengambilan untuk pengkhususan Pengajian Bahasa Inggeris daripada kalangan pemohon dari

negeri-negeri kekurangan guru Bahasa Inggeris khususnya di kawasan-kawasan pedalaman; dan

- (iii) bagi Program Khas Pensiswazahan Guru, tumpuan pengambilan juga diberi kepada bidang-bidang Matematik dan TESL (Teaching English as a Second Language).

Tuan Yang di-Pertua : Ya, sila.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada masalah kekurangan guru di dalam beberapa bidang pengkhususan ini pihak kerajaan telah juga pada masa yang sama menamatkan Skim Guru Sandaran ataupun mengurangkan penempatan mereka khusus di negeri Sabah dan Sarawak. Saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan sedar bahawa dengan penamatan ataupun pengurangan guru-guru sandaran ini maka banyaklah dari kalangan mereka yang tersingkir dan pada masa yang sama pula kekosongan di peringkat sekolah bertambah teruk dan pada masa yang sama pengambilan calon-calon guru di maktab-maktab perguruan tidak dapat menampung mereka yang tercicir ini.

Jadi masalah keseluruhannya ialah bertambah teruk dari segi keadaan guru-guru termasuklah guru yang khusus mengajar Matematik dan Bahasa Inggeris. Adakah pihak kerajaan sedar mengenai perkara ini dan adakah pihak kerajaan ingin melonggarkan supaya situasi ini tidak pula berterusan teruk tetapi diperbaiki. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kedudukan guru-guru GSTT terutama sekali bagi negeri Sabah dan apa yang sebenarnya kita buat ialah kita seboleh-bolehnya hendak mengambil guru-guru ini dijadikan guru-guru tetap tetapi mereka terpaksa mempunyai ataupun memiliki syarat-syarat seperti yang dikehendaki. Saya maklum ramai daripada guru-guru tersebut telah memohon untuk memasuki perkhidmatan ini malangnya apabila kita teliti syarat yang dikehendaki itu tidak cukup.

Jadi macam mana boleh kita menampung ataupun mengambil guru-guru yang tersebut. Namun demikian, mana-mana guru yang mempunyai syarat-syarat

kelayakan, biasanya seboleh-bolehnya kita cuba menampung ataupun mengambil mereka ini. Walaupun kita ada hasrat untuk mengurangkan guru-guru demikian tetapi kita membuat ataupun melaksanakannya dengan cermat supaya tidak timbul perkara-perkara sampingan dan saya maklum perkara-perkara sampingan yang tercetus daripada kedudukan guru-guru GSTT khususnya di negeri Sabah ini terutama sekali waktu pilihanraya yang baru lalu, satu.

Yang kedua, tentang soal pengambilan guru pun sama. Yang kita teliti misalnya dalam permohonan pengambilan yang baru ini kita teliti ramai di antara calon-calon ini, mereka memilih opsyen ataupun bidang-bidang yang lain daripada yang kita perlukan seperti yang amat perlu seperti bidang Matematik, Sains dan juga Bahasa Inggeris. Kita senantiasa menggalakkan mereka ini kalau boleh supaya mengambil opsyen ataupun memilih mata pelajaran tersebut supaya dapat kita atasi ataupun mengurangkan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah dari segi guru-guru berkaitan terutama sekali bidang-bidang mata pelajaran teras seperti Bahasa Inggeris, Matematik dan juga Sains.

Tuan Yang di-Pertua: Selesai masa Jawapan Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 12 hingga 30 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

KERTAS PUTIH MENGENAI STATUS SEMASA EKONOMI MALAYSIA

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan ke atas Usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

Menyedari akan perlunya diberi penjelasan yang sebenar mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menangani krisis ekonomi serta kedudukan semasa ekonomi negara kepada semua lapisan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa;

Menyokong kerajaan melaksanakan dasar-sasar dan usaha-usaha yang diperkenalkan untuk menangani krisis ekonomi yang dihadapi;

Merestui dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenal untuk memulihkan ekonomi seperti dibentang dalam Kertas Perintah Bil. 6 Tahun 1999;

Dalam merestui Kertas Putih Mengenai Status Ekonomi Malaysia, Kerajaan dengan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka untuk bersama-sama membantu memulihkan ekonomi negara. *(6 April 1999)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, sila sambung. Panjang lagi Yang Berhormat?

11.07 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sebenarnya kalau hendak satu, dua jam pun tidak cukup. *[Ketawa]* Saya akan padatkanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Kita hendak habiskan pada hari ini juga, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat kita kena habiskan pada hari ini juga kerana masa kita mesyuarat kali ini tidak berapa panjang, hanya satu bulan sahaja dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berucap lagi di dalam perkara yang sama di dalam Titah Diraja.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan buat beberapa cadangan. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah mencadangkan supaya kedudukan pinjaman tidak berbayar NPL diumumkan bagi setiap bank, setiap bulan serta jumlah NPL yang sebenar. Dengan setelus yang boleh kerajaan mestilah berikhtiar untuk mengatasi jalan buntu dengan keazaman untuk menyelesaikan masalah-masalah pokok seperti cara-cara bagi menjamin dan menyelamatkan syarikat-syarikat bailout, penguncupan ekonomi dan pasaran memerlukan penyusunan dalam penguncupan ekonomi dan pasaran ini.

Kertas Putih ini mengatakan bahawa prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 1999 sebahagian besar akan bergantung kepada kepantasan dan keberkesanan pelaksanaan langkah penstabilan dan penyusunan struktur ekonomi sebenar dan sektor kewangan. Walau bagaimanapun perkembangan luar negara mempunyai kesan yang penting terhadap prestasi ekonomi Malaysia. Kenyataan ini memang berasas.

Tuan Yang di-Pertua, pertama kita perlukan kemahuan atau keazaman politik untuk menyelesaikan jalan buntu ekonomi ini. Kedua kita harus menyusun semula pelbagai sektor termasuk sektor perbankan, hartanah dan sebagainya. Ketiga, usaha yang lebih untuk membereskan masalah-masalah monopoli, korupsi dan pilih kasih.

Istilah-istilah nepotisme, kronisme dan bailout akan terus didengar tetapi yang pentingnya ialah langkah-langkah yang diambil adalah untuk menghapuskan tuduhan-tuduhan seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya mula membangkitkan penyusunan semula hutang korporat semacam gabungan Commerce Asset Holding Berhad (CAHB) dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Entiti ini akan menjadi kumpulan bank yang kedua besar di negara ini selepas Malayan Banking dengan aset RM65 bilion dan kira-kira 240 cawangan di dalam dan luar negara.

Penyusunan hutang dan struktur korporat wajib diadakan, ini tidak dipertikaikan. Apakah sebenarnya berlaku, apakah masalah akar umbinya dalam lebih 12 tahun ini, peristiwa demi peristiwa terjadi dengan Bank Bumiputra daripada skandal BMF di Hong Kong sampai sekarang? Pada zahirnya penyusunan tersebut merupakan pertalian dengan UMNO, CAHB, Renong dan New Straits Times. Semua ada pertalian dengan UMNO.

Danaharta dengan modal RM16 bilion akan membantunya, ada mengatakan bahawa hampir separuh atau RM8 bilion daripada RM16 Danaharta ini akan digunakan untuk bela Bank Bumiputra. Satu anggaran ialah dalam lebih kurang 12 tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, lebih RM10 bilion wang rakyat telah dibelanjakan untuk menyelamatkan bank tersebut. Lebih RM10 bilion dalam 12 tahun. Apakah kebuntuannya, adakah mentality sebelum krisis masih wujud, pemimpin-pemimpin yang terlibat boleh membuat kesalahan, kemudian kerajaan akan menyelamatkannya? Adakah mentality ini masih benar?

Saya sedar bahawa walaupun kita buat betul ada juga orang yang menuduh tetapi asalkan kita lakukan yang ikhlas, kita dapat mempertahankan imej, yang saya takutnya ialah selepas krisis ini amalan tidak sihat dalam sistem kewangan awam dan swasta akan kembali sehingga kita ditimpa kemelut kelak. Inilah, saya pun ada sebutkan mengenai bidang pendidikan dengan Timbalan Menteri Pendidikan sekarang, saya bersama-sama dengan beliau di dalam satu seminar. Ini tidak kena mengena dengan pendidikan. Ini adalah serupa wabak Encephalitis virus, saya beri satu contoh

sahaja, Tuan Yang di-Pertua, entahlah beberapa tahun JE sudah menjadi endemic di situ, di sini ada satu, dua orang yang menghidap JE secara ketara. Ini perkara yang biasa. Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan tidak begitu mengambil perhatian, apabila bilangan orang yang terkorban bertambah barulah berasa panik.

Walaupun Menteri Kesihatan masih degil dengan istilah JE tetapi beliau mula menyebutkan virus baru, virus yang disyaki hampir sama dengan Hendra yang pernah dikenali di bandar Hendra di Australia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah pada biasanya walaupun ada kesalahan, ada benda yang tidak betul di dalam sistem kewangan kita tetapi pihak yang tertentu tidak mengambil perhatian yang cukup, tidak mengambil pusing yang cukup untuk mengendalinya sehingga berlaku wabak baru sahaja panik.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi saya akan padatkan semua ini dan mengenai penyusunan semula tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu beberapa pengumuman sudah pun dibuat oleh Danamodal, Danaharta dan di dalam Kertas Putih pun saya seronok juga menengok beberapa angka mengenai Danaharta, Danamodal di dalam lampirannya. Tetapi yang penting sekali kita pada zahirnya lihatkan penyusunan untuk syarikat-syarikat yang besar, korporat-korporat yang besar seperti Arab Malaysian Bank Berhad, Arab Malaysian Finance Berhad, BSN Commercial Bank Malaysian Berhad dan RHB Bank Berhad, yang patut kita buat ialah bukan sahaja untuk menyusun semula syarikat-syarikat yang besar, seperti korporat bahkan juga syarikat-syarikat yang kecil termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) dan sebagainya. Kita meluaskan penyusunan ini kepada syarikat-syarikat yang kecil bukan sahaja untuk syarikat terbesar yang boleh dan seringkali dianggapkan sebagai bailout.

Memang satu hakikat yang kita memang hendak insaf mengenainya. Dan di sini saya anggap walaupun

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat dari Kepong. Bailout dengan menyelamatkan ini, apa perbezaannya, minta Yang Berhormat beri penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, itu perbezaan di antara Bukit Jerai dan Gunung Jerai. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, apa kena mengena dengan Kertas Putih ini, termasuk gunung pagi-pagi ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Yan bertanya mengenai perbezaan, saya beri jawapan perbezaan di antara Gunung Jerai dan Bukit Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sebagai ibarat, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sebagai ibarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebagai ibarat, memang bahasa ini kaya dengan ibarat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan saya supaya kita mengambil perhatian mengenai penyusunan kerana saya tidak mempunyai masa, saya hanya menyebutkan keperluan kita untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kecil kerana seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa kebanyakan syarikat Malaysia ini tidak ada disenaraikan di BSKL, tidak. Kebanyakannya ekonomi kita adalah tidak terdedah kepada pasaran dan sebab itulah kalau mereka ini menghadapi kesusahan kita mesti teliti dan memberi bantuan yang secukupnya.

Itulah maksud saya mengenai penyusunan dan satu sektor lagi iaitu hartanah. Dalam tahun-tahun 80an dan sebelum tahun 1997, wang digunakan untuk melabur di dalam sektor hartanah yang terlalu banyak, hampir RM80-RM90 bilion. Ini memang satu angka yang besar untuk melaburkan di dalam satu sektor hartanah yang tidak begitu produktif.

Saya setuju memang sektor pembuatan sektor-sektor hartanah ini kita perlu juga tetapi tak payah kita melaburkan hampir RM90 bilion ke dalamnya kecuali di sektor rumah kos rendah dan sederhana. Kalau kita kirakan pelaburan ke atasnya sangat kecil sekali, sangat kecil sekali di sektor rumah kos rendah dan sederhana. Dan sebab itulah saya percaya dengan kebuntuan ekonomi sekarang kita mesti menyusunkan sektor-sektor seperti hartanah. Dan di dalam hal sektor seperti hartanah pun ada pemimpin-pemimpinnya berkaitan dengan politik parti. Itulah masalah kita, macam mana kita dapat menyusunkan itu masalah di syarikat-syarikat pembinaan, hartanah yang pemimpinnya terlibat dengan politik parti. Itulah bagi saya inilah masanya untuk kita menghapuskan segala gejala yang di mana pemimpin-pemimpin ada terlibat dengan politik parti. Kerana kalau kita hendak wujudkan ekonomi yang sihat kita tak boleh ada kaitan di antara politik parti dengan sektor-sektor seperti hartanah dan perbankan. Bagi saya ini salah satu gejala yang paling buruk yang boleh disebutkan sebagai salah satu faktor yang menyebabkan krisis hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai beberapa perkara lagi termasuk di dalam Kertas Putih ini ada sebutkan pertumbuhan ekonomi mungkin satu peratus, ada pakar-pakar yang mengatakan mungkin tiga peratus pada tahun ini. Saya tak tahu sama ada kita boleh capai satu pertumbuhan ataupun negatif growth saya pun tak tahu. Cuma saya bersama-sama dengan semualah termasuk Menteri Kewangan kita berharap kita akan mencapai satu kadar pertumbuhan mungkin 1.5 peratus - mungkin. Ini kebaikan untuk semua di negara ini. Walau bagaimanapun itu laporan memang baik di dalam akhbar-akhbar tempatan kita dengar misalnya angka daripada Gobenor Bank Negara Tan Sri Ali Abu Hasan Sulaiman yang mengatakan mungkin pengurus-pengurus dana yang membuat ramalan bahawa pertumbuhan ekonomi negara ini mungkin mencapai tiga peratus.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat masalah monopoli seperti pembinaan struktur-struktur yang besar, kompleks yang tinggi. Saya beberapa kali sudah mengatakan bahawa Malaysia memang boleh mempunyai

kemampuan untuk membina struktur yang tinggi seperti menara Petronas kita. Memang berapa bulan kita boleh menjadi satu bangunan yang tertinggi di dunia dan dua tiga bulan lagi bangunan di Shanghai mungkin jadi lebih tinggi dan seterusnya di Tokyo dan Melbourne akan menjadi lebih tinggi buat beberapa bulan ataupun satu dua tahun. Saya setuju kita mesti memberi semangat kepada negara untuk menunjukkan kebolehan ini memang baik, tak ada salah cuma kita mesti fikirkan kalau sistem kesihatan misalnya saya sebutkan kesihatan ini kerana satu kementerian yang menghadapi krisis sekarang, krisis ekonomi, krisis Kementerian Kesihatan kerana wabak selang dua tahun dia ada wabak, wabak virus coxsackie pula, itu entero virus....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, penjelasan, Kepong

Dr. Tan Seng Giaw: Yan hendak coxsackie.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Adakah Yang Berhormat bila bercakap pasal virus apa semua, JE ini dengan penyakit kulit, kulit babi ini samakah, Yang Berhormat? Adakah minyak atau ubat krim Yang Berhormat jual itu boleh sapu di kulit babi supaya dia jangan berjangkit kepada orang. Yang Berhormat pun bercakap banyak sangat pasal virus ini, orang lain pun nak bercakap juga ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya kata ini mengenai krisis kita, krisis kita kerana itu pengurusan yang kurang efektif. Sama ada khinzir, kulit khinzir dan kulit Yan pun saya tak tahulah, apa perbezaan sekarang. Cuma kita hendak pengurusan yang cukup baik untuk menyelesaikan masalah kita.

Saya sebutkan mengenai menara yang tertinggi, kita tunjukkan kebolehan, saya percaya kalau kita nak adakan temasya Olympic Games kita ada kemampuan, kita mesti boleh. Tetapi sementara itu kita mesti fikir sektor kesihatan, sektor kebajikan rakyat, sektor pendidikan. Saya hendak tekankan di sini bahawa walaupun kita mengalami kemelutan ekonomi, peruntukan untuk pendidikan masih tinggi lebih RM12 bilion, memang satu perbuatan yang baik, peruntukan yang cukup menarik. Kalau kita boleh daripada sekarang menumpukan perhatian kepada sektor-sektor bukan sahaja bangunan yang tinggi, projek yang besar itu memang dari masa ke

semasa kalau kita mampu kita boleh buat. Tetapi sekarang kita mesti menumpukan perhatian kepada perkara-perkara seperti saya sebutkan tadi iaitu kesihatan, kebajikan dan pendidikan untuk menjadikan sistem pendidikan yang terbaik di dunia, sistem kesihatan terbaik di dunia yang dapat mengatasi segala wabak dengan cepat, dan sistem pendidikan yang terbaik di dunia. Ini memang kita boleh berjalan dengan gaya dan cara yang lebih tinggi di dunia. Itu saya tekankan dan di sini memang kita mestilah berusaha dengan sedaya upaya untuk mengatasi tuduhan demi tuduhan mengenai monopoli.

Saya tak akan meneliti dengan panjang lebar mengenai bagaimana UEM Lebuhraya Utara-Selatan cara monopolinya. Ini memang tak baik, kita berhentikan semua ini dan gunakan cara yang lebih terbuka, lebih adil, lebih liberal. Sebab saya tidak mahu hal monopoli dan hal pembinaan struktur yang prestige ini berulang, misalnya mungkin 10 tahun akan datang berulang lagi. Sebab ada setengah-setengah pemimpin dikorporat dan mungkin ada segelintir di dalam kerajaan, di dalam kementerian-kementerian masih mempunyai mentaliti yang lama. Mentaliti nak besar-besarkan sahaja untuk prestige. Memang ada gejala macam ini dan kita mesti hapuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari Kepong menentang perubahan dasar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai dengan pergolakan politik di negara kita masa kini. Adakah mungkin timbulnya satu political force yang baru iaitu parti keadilan akan dapat merubah dasar ini dan kalau Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan itu apakah saranan Yang Berhormat untuk Ahli-ahli Parlimen di Semenanjung ini, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan mesti mengambil kira perubahan-perubahan di negara ini, kehendak dan cita-cita dan aspirasi rakyat, kerajaan mesti mengambil perhatian, kalau tidak, akibat itu tidak baik. Dan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, yang ke berapa Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya nak guna 35(7), minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua, Wakil Rakyat dari Kepong ini dia merapu daripada kelmarin, Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun nak bercakap juga. Jadi saya minta Yang Berhormat ini, PBS kalah ini jangan bisinglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua untuk....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: 37.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, hak yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sebutkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 35(7), Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, sebutkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: "Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap jika perlu". Jadi yang ini saya minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua kerana Kepong, Tuan Yang di-Pertua taulah dia macam rekord player - non stop.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, bila Kerusi hendak menghadkan masa, Ahli Yang Berhormat biasanya tidak suka, ini pula Yang Berhormat yang bangkitkan...[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak akan mengambil masa yang lebih panjang tetapi saya berharap bila Yan berucap kelak menumpu perhatian kepada masalah yang

dibentangkan ini. Jangan merapu-rapu, merayau-rayau lagi dan Yan mesti mengambil perhatian juga kerana kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai masalah krisis kita dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudahpun pergi keluar negara untuk mempertahankan beberapa langkah termasuk kawalan tukaran asing termasuk perjumpaan demi perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin negara luar misalnya semasa forum ekonomi dunia di Davos, Switzerland dan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Kumpulan Lima Belas di Monte Gobe, Jamaica dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah menerangkan kepada dua puluh ketua ekonomi APEC mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ke arah memulihkan ekonomi Malaysia semasa Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC pada bulan November 1998 di Kuala Lumpur dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Kumpulan Lima Belas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengutuskan surat kepada Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Kumpulan Tujuh bagi menyatakan pendirian Malaysia. Saya percaya Yan pun berminat dengan perkara-perkara seperti ini. Jangan bangun dengan itu peraturan-peraturan mesyuarat lagi, ini memang saya bincangkan secara serius kerana masalah kawalan pertukaran asing ini.

Saya setuju bahawa kawalan terpilih ini memang memberi peluang kepada peniaga-peniaga, pedagang-pedagang kerana mereka tidak lagi khuatir mengenai nilai ringgit kerana negara kita sangat kecil kalau berbanding dengan Negara China atau negara Amerika Syarikat, kerana kita kecil dan peratusan perdagangan kita ialah 70%, 80% dengan negara luar kerana faktor-faktor seumpama ini kita mesti adakan satu jadual yang terus terang bagaimana kita boleh menggunakan kawalan ini dengan baik dan sementara itu gejala-gejala ataupun kesan-kesan negatif dapat dielakkan dengan jadual pada suatu hari kelak kita boleh menghapuskan kawalan seumpama ini.

Tetapi kalau ikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak akan mengubah pendirian kita, dasar kita terhadap kawalan tukaran asing kecuali ada perubahan pokok, perubahan utama di dalam sistem kewangan dunia. Reka bentuk ataupun architecture sistem kewangan dunia mesti diubahkan ataupun ada perubahan

dasar ke arah perubahan dunia, maka kita barulah hendak fikir untuk menghapuskan kawalan pertukaran wang asing kita. Saya bangkitkan hal ini bukan satu kali, pada masa yang lampau pun saya pernah bangkitkan kita mesti pertimbangkan dengan serius, sebagai sebuah negara yang kecil bagaimana kita dapat mengubah architecture sistem kewangan dunia. Ya, sudah hendak habis dah, dan saya berharap Yan pun akan menumpukan perhatian kepada tema yang sama.

Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya, semua Menteri dapat pergi ke seluruh dunia untuk membangkitkan masalah ini supaya kita dapat menyaksikan perubahan di dalam architecture sistem kewangan dunia untuk memelihara bukan sahaja sistem kewangan ekonomi Malaysia bahkan negara-negara membangun yang lain.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak habis lagi kah?

Dr. Tan Seng Giaw: Apa ni? Dia Timbalan Menteri Kewangan sekarang. Kita mesti ubah sikap itu, kalau pergi ke forum antarabangsa semacam itu mati semua. Walau bagaimanapun kita berharap pihak Kementerian dapat menerangkan lebih lanjut bagaimana kita akan buat satu jadual untuk mengurangkan kawalan dengan matlamatnya pada suatu hari kelak kita dapat menghapuskan. Kalau hendak tunggu perubahan architecture sistem kewangan dunia, saya ingat mungkin lima tahun lagi pun tidak sampai, mungkin. Ini tidak bermakna kita tidak berikhtiar, kita mesti berikhtiar sama ada daripada Yan, Tasek Chenderoh dan sebagainya, kita mesti ikhtiar. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ramalan daripada berbagai pihak seperti daripada Bank Dunia, Moody's Investors Service dan sebagainya memang ramalan tidak begitu baik untuk Malaysia. Sebaliknya ada beberapa pihak termasuk Morgan Stanley Dean Wittier & Co., Credit Suisse First Boston (CSFB) yang mempercayai bahawa langkah-langkah di dalam Kertas Putih ini akhirnya akan mempercayakan pelabur-pelabur asing begitu menariknya Malaysia untuk mereka membuat pelaburan di sini. Saya tidak tahu keadaan sebenarnya sekarang, walau saya menggalak semua rakyat Malaysia bekerjasama untuk kita sama-sama menyelesaikan masalah, tetapi bagi saya angka-angka yang lebih membayangkan keadaan sebenarnya mestilah diberikan oleh

pihak kementerian, kita berusaha dengan ketelusan yang lebih untuk menyelesaikan masalah kita sekarang ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebutkan mengenai keperluan untuk menyelesaikan kebuntuan ekonomi kita dengan usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah pokok seperti penyusunan semula dan cara-cara untuk menghadapi ekonomi dan pasaran yang menguncup ini. Pertamanya saya ada sebutkan mengenai kemahuan dan keazaman politik untuk menghadapi kebuntuan ini dan yang kedua melalui benar-benarnya kita mestilah menyusun semula sektor-sektor seperti perbankan dan hartanah dan ketiga kita perlu mempertimbangkan dan mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk mengelakkan daripada berlakunya monopoli dan mentaliti untuk terus membina struktur-struktur yang berprestij sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua[Datuk Ong Tee Keat]: Bukit Bendera.

11.40 pagi

Tuan Chia Kwang Chye[Bukit Bendera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah atas usaha kerajaan untuk mengemukakan Kertas Putih Status Ekonomi Malaysia dalam Dewan ini. Kesimpulan Kertas Putih ini menunjukkan bahawa negara kita sedang menuju ke arah pemulihan ekonomi yang jelas terpapar dengan pelbagai petunjuk-petunjuk ekonomi.

Tanda-tanda pemulihan ekonomi telah pun disokong dan diumumkan oleh badan-badan agensi seperti ACCM (Associate Chinese Chambers of Industry and Commerce Malaysia) dan lain-lain pertubuhan dan agensi kewangan antarabangsa. Kita berasa bangga atas kejayaan negara kita dan mengenai kegawatan ekonomi dalam masa yang agak singkat. Langkah-langkah yang diambil dalam bulan September tahun lalu terbukti berkesan dan menurut ramalan Kertas Putih ini, ekonomi negara kita akan tumbuh dengan kadar positif tahun ini. Walaupun pertumbuhan yang dijangka ini setakat 1% sahaja tetapi ianya sudah mencukupi untuk menyakinkan kita bahawa negara kita sedang menuju ke arah pemulihan ekonomi.

Akan tetapi harus kita sedar sedang kita berasa lega dengan kejayaan dan pencapaian ini, cahaya di hujung terowong yang kita nampak masih belum begitu cerah dan perjalanan untuk menangani kegawatan dengan sepenuhnya masih agak jauh. Kerajaan dan rakyat harus berusaha dengan lebih tekun dan sabar untuk menghadapi cabaran pada masa depan dan kita mungkin perlu satu jangka masa yang sederhana. Krisis kewangan, Tuan Yang di-Pertua, yang bermula dengan serangan spekulasi ke atas mata wang negara-negara Asia Timur, ini telah memberi satu pengajaran yang pahit kepada kita. Ia mengingatkan bahawa dalam pengendalian ekonomi negara, kita harus berhati-hati apabila berdepan dengan spekulasi dan spekulator jangka masa pendek.

Mereka yang membawa masuk jumlah modal yang pada jangka pendek yang banyak mungkin membawa sedikit keuntungan kepada kita pada peringkat awal. Tetapi apabila mereka ini membuat keuntungan besar dan berundur, ekonomi negara akan mengalami kerugian besar dan kesannya memang buruk untuk perkembangan ekonomi negara pada masa yang panjang.

Demi pertumbuhan ekonomi yang sihat, dasar ekonomi negara kita haruslah berteraskan dari konsep pembangunan mampan (sustainable development) yang mengambil kira semua aspek ekonomi termasuk penggunaan sumber semula jadi secara optimum, latihan sumber manusia yang berkesan dan pemuliharaan alam sekitar yang lebih serius. Langkah-langkah kawalan modal yang diambil oleh kerajaan telah membuktikan bahawa ekonomi negara kita tumbuh dengan lebih sihat tanpa spekulasi modal asing.

Maka dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara, kita harus mengamalkan dasar yang ramai orang mengatakan bahawa kita perlu kembali kepada yang asas (return to basic) yang mengingatkan kita bahawa aktiviti-aktiviti ekonomi yang paling kukuh untuk membangunkan ekonomi ialah melibatkan diri dalam pengeluaran sebenar (real production) atau pun dalam aktiviti yang lebih produktiviti dan bukan dalam aktiviti yang spekulatif.

Tuan Yang di-Pertua, masa kegawatan ekonomi ini merupakan masa yang terbaik untuk kita memperkukuhkan asas ekonomi kita mahupun dalam bidang pertanian, perindustrian, perkhidmatan, teknologi maklumat dan sebagainya. Keperluan sebenar dalam pelbagai bidang ekonomi ini ialah yang banyak membantu kita dalam masa kita dilanda kegawatan ekonomi. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua bidang perusahaan utama yang pernah satu ketika dahulu dipandang rendah oleh sesetengah pihak telah membawa masuk pendapatan yang berpuluh bilion ringgit dalam pertukaran asing melalui eksport.

Seperti contoh, eksport bagi minyak kelapa sawit pada tahun lalu berlebihan nilai RM22.5 bilion jika berbanding dengan jumlah semua pengeluaran komoditi utama yang berjumlah RM49.8 bilion. Jika kita meneliti kesan kegawatan ekonomi bagi kali ini agak jelas bahawa yang paling teruk menerima akibatnya ialah golongan yang melibatkan diri dalam bidang yang berunsur spekulatif khususnya mereka yang meminjam berjuta ringgit untuk melabur dalam pasaran saham tetapi bagi mereka yang melibatkan diri dalam pengeluaran sebenarnya khususnya dalam bidang pengeluaran utama, mereka sebenarnya menikmati keuntungan yang lebih besar dari susutan nilai ringgit ini.

Tuan Yang di-Pertua dalam masa kita mengkaji semula perkembangan ekonomi negara kita, kita juga harus menanamkan nilai-nilai yang betul supaya rakyat digalakkan melibatkan diri dalam usaha yang benar-benar akan mengukuhkan asas ekonomi negara. Maka saya mencadangkan bahawa kita harus tumpukan usaha untuk mengukuhkan bidang ekonomi yang produktif, khususnya lebih tumpuan harus diberi kepada pembangunan industri sederhana dan kecil serta pertanian dan penternakan yang kebanyakan dimiliki dan dijalankan oleh rakyat tempatan.

Galakan dan insentif yang lebih harus disalurkan untuk membangunkan sektor-sektor ini supaya eksport hasilnya akan terus membawa keuntungan besar kepada negara. Kita hidup dalam zaman yang begitu kompetitif, para pengusaha kita terpaksa menghadapi saingan yang hebat dari seluruh dunia. Kerajaan boleh membantu usahawan kita dengan menyediakan suasana yang membolehkan mereka menghasilkan

barangan bermutu tinggi dengan kos yang lebih rendah supaya produk-produk tempatan kita menjadi lebih kompetitif dalam pasaran dunia. Selain bantuan dan tenaga dari pakar, kerajaan kita harus memerhatikan bahawa kos pengeluaran dikurangkan seberapa banyak yang boleh melalui langkah-langkah seperti pengurangan cukai, penurunan tol jalan, pengeluaran kadar elektrik, kos pengangkutan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kegawatan ekonomi ini selalu kita menyeru rakyat jelata untuk berkorban supaya bersama-sama kita dengan kerajaan dapat menangani kegawatan ekonomi. Pengorbanan ini perlulah dipraktikkan oleh semua pihak termasuk pengusaha tol, pembekal tenaga elektrik khususnya IPP dan lain-lain perkhidmatan yang kritikal. Mereka yang terlibat haruslah menyedari tanggungjawab sosial dan kepentingan negara dalam masa kegawatan yang memerlukan pengorbanan dari semua pihak dan mudah-mudahan dengan usaha dan kerjasama dan termasuk pengorbanan semua pihak, kita berharap bahawa ekonomi negara kita akan pulih dalam masa yang secepat mungkin. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Batang Lupar.

11.50 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit untuk membahaskan Kertas Putih yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya mengalu-alu serta mengucapkan tahniah atas langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi yang melanda negara kita. Tetapi kalau kita lihat langkah-langkah ini memang telah memberi kesan yang baik kepada kita, walaupun telah dikatakan semalam oleh Yang Berhormat dari Tanjong iaitu negara-negara lain di sekitar Asia juga sedang mengatasi masalah yang sama dengan tidak menggunakan mekanisme-mekanisme yang kita gunakan. Jadi, bahasan yang sedemikian saya belum boleh menerima, oleh kerana kita perlu melihat di South East Asia, dengan izin, iaitu negara jiran kita bagaimana Thailand telah jatuh dan bagaimana keadaan di Indonesia juga telah jatuh, lebih menyedihkan lagi keadaan di Indonesia di

mana segelintir kawasan di mana law and order telah berkecai. Government telah hilang kawalan dan keadaan anarki telah menular dan kita kluatir keadaan yang sedemikian mungkin menggugat di sempadan kita. Kerana baru-baru ini kita melihat ada segelintir pendatang dari Kalimantan masuk ke kawasan Sarawak iaitu kawasan kita Malaysia, oleh kerana lari dari keadaan di mana law and order itu tidak lagi terkawal.

Jadi, alhamdulillah, negara kita walaupun ada anasir-anasir dan kumpulan-kumpulan yang cuba mengadakan masalah yang sama tetapi telah dapat dikawalkan. Ini bukan sahaja kita telah dapat menunjukkan kemampuan kita mengatasi soal ekonomi, tetapi juga telah berusaha dan mampu mengatasi masalah sosial yang mengekori masalah ekonomi yang melanda negara kita. Jadi, dalam keadaan yang sama saya ingin menyarentan supaya kita tidak sepatutnya berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua, kalau lihat keadaan ekonomi kita sekarang ialah berlandaskan barang-barang eksport, value-added atau barang-barang elektronik. Jadi, barang-barang elektronik ini adalah barang mewah, barang mainan negara maju dan kalau kita menumpukan sangat untuk mengeluarkan barang-barang ini ada pada masanya nanti barang-barang mewah ini, barang mainan ini tidak digunakan lagi oleh negara pengimport barang yang kita buat dan dengan sendirinya kita juga akan tergugat. Oleh itu, saya mencadangkan beberapa langkah yang sepatutnya kerajaan buat untuk mempelbagaikan ekonomi kita dan jangan menumpu kepada elektronik, jangan menumpu kepada pengeksporan kelapa sawit, minyak dan jangan menumpu sangat kepada benda-benda lain, walaupun kita mengeluarkan minyak tetapi belum mencukupi untuk mempelbagaikan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan ekonomi kita banyak bergantung kepada banyak faktor seperti buruh yang murah, cekap dan berdisiplin, infrastruktur yang mencukupi, undang-undang perniagaan yang teratur, kerajaan yang business friendly, dengan ini barangan kita menjadi kompetitif di pasaran dunia. Tetapi jikalau negara kita mahu terus menguasai ekonomi kita sendiri dengan berterusan, kita mestilah mempelbagaikan ekonomi kita.

Keluaran kita sekarang ialah hanya gas, petroleum, minyak sawit, barang consumer electronic. Industri perkhidmatan belum lagi mencukupi, belum cukup cekap, besar dan bertahap dunia, terutama sekali di bidang kewangan, insurans, guaman, kejuruteraan dan kepakaran-kepakaran lain. Kita masih menjadi negara assembler, dengan izin, pengeksport barang elektronik dan jentera temuan ciptaan dan kepunyaan orang lain. Industri kereta dan jentera berat mestilah diperkuatkan dan dibesarkan.

Industri pendidikan belum mencapai tahap dunia yang boleh memberi hasil yang besar, walaupun sedang menghala ke arah ini. Industri kesihatan dan perubatan belum berjinak lagi, walaupun banyak bahan dan tumbuhan negara ini mungkin boleh dijadikan bahan perubatan. Kita sepatutnya banyak membuat research dan development di bidang ini hingga mencapai tahap penggunaan dan pengeluaran tahap dunia.

Industri pertanian selain daripada kelapa sawit masih belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Begitu juga industri makanan masih bertahap tradisional dan belum menjaminkan makanan jauh lagi daripada mengeksport ke luar negara, bahkan kita mengimport makanan bernilai berbilion ringgit, dalam masa yang sama kita mempunyai tapak tanah yang luas belum diterokai, jelapang yang besar dan perairan yang besar mampu mengeluarkan hasil darat dan lautan yang belum diterokai, bahkan perairan kita masih menjadi tempat nelayan negara lain 'mencopek' ikan.

Dengan itu saya menyarentan penangkapan ikan di laut dalam diperhebatkan, tangkapan dipunggahkan di pelabuhan Malaysia untuk meneruskan pembekalan untuk industri hiliran perikanan yang menghadapi ketandusan bekalan. Dengan itu juga saya menggesa supaya permohonan rakyat Sarawak untuk mendapat lesen perahu pukat tunda dan laut dalam, diproses dan diluluskan dengan segera. Sumber kewangan yang dikhusus dan disediakan tanpa banyak kerenah dan prasyarat diberi oleh bank komersial. Kerajaan sepatutnya memberi galakan agar industri pertanian dan makanan boleh berkembang meluas dan mendatangkan hasil kepada negara

seterusnya menyelamatkan pertukaran asing dan mengelak dari bergantung kepada negara dalam soal makanan.

Tuan Yang di-Pertua, industri aviation yang sudah mula berjinak itu mestilah digalakkan dan diberi insentif untuk membesar dan berkembang. Industri perkapalan dan pengangkutan kita bukan sahaja mesti dikukuhkan, tetapi perlu dibantu untuk mendapat daya saing di tahap kompetitif di pasaran terbuka. Industri petroleum dan gas mestilah dipelbagaikan untuk pengeluaran produk merangkumi semua peringkat upstream dan downstream, dengan izin, cari gali hingga produk consumer.

Di samping kita mempelbagaikan produk keluaran negara, kita juga perlu membuka pasaran serantau Asean. Negara Afrika, negara Timur Tengah, negara-negara Komanwel (independent states), Eropah dan negara-negara Amerika Selatan supaya kita tidak bergantung sangat dengan pasaran Amerika Syarikat. Pengawasan mestilah lebih inovatif untuk mencari produk yang boleh dijual di pasaran-pasaran tersebut di samping kerajaan berusaha membuka pintu pasaran di negara-negara tersebut. Pihak industri juga mestilah membuat satu inovasi yang baik untuk menjualkan produk-produk mereka di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Sekarang kita boleh berbangga kepada pengeluaran barang-barang elektronik yang dijual di pasaran Amerika Syarikat, tetapi mestilah berhati-hati kerana keadaan boleh berubah oleh kerana tiga faktor.

Yang pertama, umpamanya keluaran China mungkin akan menembusi pasaran yang sama dengan produk yang sama dan kauliti yang setara, tetapi mungkin dengan harga yang lebih murah.

Yang kedua, barang-barang elektronik bukanlah essential goods, tetapi benda luxury. Jikalau ekonomi Amerika tergugat ataupun dasar protectionism berlaku kita akan mengeluarkan barangan yang tanpa pasaran dan apabila ini berlaku ekonomi kita akan tergugat dan terjejas. Dalam segi ekonomi kita mesti menghala ke tiga tujuan iaitu mempelbagaikan keluaran pengeksportan kita, membesarkan pasaran supaya tidak bergantung kepada pasaran tradisi di Amerika Syarikat.

Yang ketiga, keluaran makanan untuk memberi jaminan (food security), dengan izin, kerana banyak negara pengeluar makanan pada ketika ini telah mengalih hala mereka untuk mengeluarkan barang produk-produk sebagaimana yang kita buat sekarang ini dan tidak mampu lagi mengeluarkan barang makanan, dengan keadaan sedemikian negara kita juga akan mendapat kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai soal pendidikan kerana pembangunan negara terbantut jikalau rakyat tidak mempunyai pendidikan yang sempurna dan teratur. Dalam konteks inilah maka banyak negara di dunia telah menumpukan banyak masa dan kewangan untuk merancang, membangun dan memperbaiki sistem tahap infrastruktur pendidikan, di samping membaharui ilmu dan pelajaran di tiap-tiap peringkat. Kalau kita lihat negara yang maju dan mempunyai daya saing di dunia ini nescaya kita mengambil iktibar iaitu kejayaan dan kemampuan mereka bukan datang bergolek, bahkan mesti dirancang dengan teliti dari bangku sekolah hingga ke universiti.

Pendidikan dan ilmulah menjadi nadi penggerak kejayaan ekonomi Amerika yang dikatakan berlandaskan budaya dan kecerdikan atau culture and intellect, dengan izin. Kalau kita lihat sebagai latar belakang perbahasan saya, negara-negara asing dari segi Research and Development, Amerika Syarikat adalah setanding dengan Jerman dan Jepun, peruntukan sumber amat tinggi, umpamanya dalam R&D untuk industri pertahanan Amerika ialah 60%, dengan itu kita boleh melihat pendapatan eksport dari military hardwarenya. Pendidikan keseluruhan Amerika berbelanja sebanyak 5% dari jumlah Keluaran Negara Kasar (GDP). Walaupun pencapaian keseluruhan pendidikan di Amerika pada peringkat sekolah menengah amat kurang, tetapi institusi pendidikan tinggi mereka banyak mencapai 'world class'. Begitu juga negara Britain setahap dengan Amerika, walaupun latihan di peringkat teknikal dan pengurusan adalah berkurangan.

Statistik menunjukkan iaitu hanya 24% pengurus kanan di Britain mempunyai kelulusan ijazah, 85% di Amerika, 65% di Jepun dan 62% di Jerman. Soalan saya, berapa peratuskah di peringkat pengurusan di negara kita ini orang yang mempunyai

ijazah di korporat-korporat yang tertentu. Jerman pula mempunyai institusi pendidikan tinggi yang tidak bertahap 'world class' seperti Amerika dan Britain, bahkan tidak ada 'world class university' di Eropah, tetapi sebaliknya mempunyai latihan teknikal dan teknologi yang terbaik setanding dengan Britain. Jerman juga mempunyai pencapaian produktiviti dan tambahan nilai (value-added) yang tinggi. Masalah Jerman ialah pendidikan memakan masa yang panjang, kadang-kadang 7 tahun, ijazah pertama yang boleh dibuat dalam masa 3 ataupun 4 tahun di Britain dan Amerika, tambahan pula mahal harganya pendidikan di Jerman. 40% pelajar terus ke peringkat doctorate, dropoutnya tinggi, inilah yang menyebabkan the best brain tidak masuk ke pasaran hingga umur mereka mencapai 32 tahun dan mencetuskan keadaan berkurangan mereka yang masuk ke pasaran masih muda.

Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, di negara kita, kita masih mengikut amalan tradisi yang kita warisi dari negara Britain iaitu peringkat ijazah yang pertama mesti dibuat dalam masa 3 tahun dan bercuti selama 3 bulan masa summer di Britain dan kita mengadakan cuti 3 bulan juga dengan tidak ada sebab dan alasan yang tertentu. Kalau study hours difikirkan, degree yang 3 tahun ini boleh dibuat dalam masa 2 tahun dan memendekkan pengajian kita di universiti untuk mempelajari ilmu yang sama dan menggunakan masa yang sepanjang summer di universiti selama dua tahun.

Saya menyarentan supaya kementerian memikirkan keadaan ini untuk memendekkan masa kerana tidak ada perlunya kita membuat break yang panjang di pertengahan tahun untuk tidak menggunakan masa sedemikian dengan bergunanya. Kalau kita lihat masalah pendidikan di Eropah hanya boleh mengeluarkan 50% nisbah pelajaran teknologi dibanding dengan Amerika dan Jepun. Sistem pendidikan pula membeza aliran sains, teknologi dan kemanusiaan, dengan itu para saintis dan teknologi tidak boleh menjelaskan dengan terang pendapat dan idea-idea mereka untuk difahami ramai dan graduan sendiri tidak memahami dan menghargai potensi teknologi dan sering membuat kesalahan apabila menggunakannya.

Sekarang kita berbalik kepada sistem pendidikan di negara kita, adakah kita telah melaksanakan program-program yang tertentu supaya universiti-universiti kita

ataupun sebahagian daripada universiti-universiti di negara kita untuk dibimbing dan digalakkan untuk mencapai 'world class university'. Seperti universiti-universiti 'Evelic' di Amerika dan Oxbridge di England, kecekapan pentadbirannya, tahap pelajarannya, galakan pemikirannya, kualiti dan tenaga pengajar pensyarahnya, kuantiti dan kualiti kemudahan dan geran penyelidikannya dan yang paling utama sekali ialah perlantikan pegawai dan anggota turus kanan berlandaskan merit, kemampuan akademik mereka bukan other consideration, dengan izin. Peruntukan untuk research dan development yang mencukupi supaya aktiviti-aktiviti pencarian ilmu tidak terbendung dan tersekat. Sistem pelajaran dan pembelajaran yang menggalakkan inovasi dan kreativiti.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita membuat dorongan dan persediaan untuk meninggikan tahap universiti ke tahap dunia seperti Amerika dan England, kita juga mesti belajar dari Jerman dan Jepun untuk memberi latihan yang mencukupi di bidang teknikal dan teknologi tinggi, dalam masa yang sama kita mesti peka kenapa Jepun boleh mengatasi Jerman dalam bidang pengeluaran barangan komersial, seperti kereta dan barangan canggih. Walaupun mempunyai kemampuan teknikal dan teknologi yang memihak kepada Jerman umpamanya kereta BMW, Mercedes yang terancang di dunia, tetapi kecanggihannya ditandingi oleh Toyota Lexus dari Jepun, lebih dari itu Lexus adalah bermutu, lebih canggih dari spesifikasinya, ketahanan dan dengan kos pengeluaran yang rendah.

Kita mesti bertanya kepada diri sendiri kenapa Bill Gates pergi ke Jepun untuk mengeluarkan dan seterusnya memasarkan Microsoft Window Programme ke seluruh dunia dan tidak menerusi Amerika. Dalam konteks negara kita di samping melihat pendidikan sebagai satu industri yang boleh memajukan negara juga perkhidmatan yang boleh dieksport, dalam keadaan yang sedemikian kita mesti belajar dari pengalaman seperti negara Amerika dan Britain, walaupun boleh menubuhkan universiti-universiti bertahap dunia, tetapi gagal mendidik warganegara mereka sendiri keseluruhannya kerana di Amerika 65% sahaja yang boleh masuk ke universiti, Finland - 63%, Perancis - 44%, United Kingdom - 28% yang tamat high

school, yang lain dropouts. Walaupun mereka berjaya mengeluarkan graduan universiti yang kreatif dan inovatif bertahap dunia, di manakah letaknya kegagalan mereka memotivasikan murid-murid negara mereka sendiri untuk menamatkan pengajian di peringkat high school.

Kita mesti berazam agar sistem pendidikan kita boleh mengeluarkan bijak pandai yang bertahap dunia seperti saintis dan jurutera keluaran Universiti Oxford, Cambridge England, Harvard and MIT, Cornell Amerika, tanpa keciciran di peringkat sekolah menengah.

Kita mesti mampu mengeluarkan para pemikir dan pakar seni seperti Britain untuk memperkayakan ilmiah dan khazanah bangsa di samping boleh melatih teknologis dan pakar teknikal seperti di Jepun dan Jerman untuk memajukan industri membangun negara, inovasi dan kreativiti seperti graduan dari Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, berjaya mendidik dan membimbing pelajar dari peringkat tadika ke sekolah menengah hingga masuk ke universiti dan mengeluarkan graduan dengan banyak adalah setengah dari kejayaan, tetapi graduan yang tidak inovatif dan tidak kreatif akan menjadi tenaga manusia yang kurang berdaya saing dan tidak kompetitif untuk mempertahankan lonjakan zaman teknologi maklumat yang serba laju dan tangkas. Dengan itu saya menyeru agar kementerian mengkaji semula syllabus dan sistem pengajaran semua peringkat sekolah hingga ke universiti supaya pemikiran kreatif dan inovatif disemai, digalak, dibimbing sepenuhnya bermula dengan syllabus sekolah dan universiti dengan banyak sangat prepared note, dengan izin, dan objective test ataupun soalan peperiksaan bercorak sedemikian. Jangan spoonfed pelajaran terutama di peringkat universiti dengan nota, contoh soalan dan jawapan, buku pelajaran secara note-form, contoh jawapan dan spotting soalan mestilah diharamkan di universiti-universiti sebagaimana universiti-universiti di England, melainkan menjadi rujukan semasa makan di kedai KFC dan McDonald sahaja. Jangan cepat berbangga dengan lulus peringkat kelas satu dan 'A' jikalau pelajar memberi jawapan dengan menghafal dan melafaz jawapan standard answer tanpa merujuk quality research dan pemikiran yang individu dan bernas.

Di sini kita perlu belajar dari sistem pengajian Amerika kerana di situlah letaknya budaya inovasi dan kreativiti menyerlah dengan ketara. Pada masa hadapan negara yang kurang mengeluarkan original invention ataupun original ideas, dengan izin, akan kurang saing dan standard.

Walaupun masyarakat perdagangan dunia berakhir dengan dekad tahun 1999 boleh menerima klon secara modification dan cosmetic changes, dengan izin, atas barangan temuan dan keluaran negara seperti England dan Amerika dengan membuka dan menyelidik barang tersebut sebelum diubah suai, dibungkus, dispesifikasi dengan jenama baru sebagai barang keluaran mereka. Ini berlaku di Jepun dan di Taiwan sekarang tetapi dasar dan undang-undang perdagangan dunia global dimasa akan datang di mana kawalan paten dan pertemuan original lebih ketat, maka penemua dan paten original sendiri adalah lebih selamat, lebih diterima di samping boleh memberi prestij kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti peka dan bertanya sendiri kenapa negara kita dan rantau ini tidak pernah menjadi pemenang Nobel Natural Science. Dalam jangka masa sehingga 1991 walaupun sebanyak 410 pemenang yang telah tercatat; researchers Amerika 159, United Kingdom 65, German 60, Perancis 23, Jepun 5 orang. Persoalan boleh ditanya di mana saintis Asia, Arab, Afrika, Timur Jauh dan saintis China. Walaupun kita menerima hakikat yang Yayasan Swedish ini serong kepada para saintis Eropah tetapi tidak boleh dinafikan bahawa kita belum membuat penemuan yang bertaraf dunia untuk manusia sejagat yang boleh diberi pengiktirafan. Adakah kita kurang inovasi, setujukah kita dengan pemikiran Barat bahawa dunia ini milik mereka? Atau orang kita tidak pandai berfikir. Kita mendengar hujah-hujah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini adalah tidak benar. Begitu juga oleh pemikir dari Singapura, Kishore Mohbani tidak bersetuju yang kita tidak boleh berfikir atau sistem pendidikan kita perlu di 'overhaul' untuk menggalakkan kreativiti atau kerajaan atau institusi pengajian tinggi kurang membantu bijak pandai membuat research memberi geran dan memudahkan keperluan untuk membuat research.

Kalau ini berlaku saya mencadangkan agar kerajaan bertindak segera supaya melabur dalam R&D dengan sebanyaknya. Pihak syarikat besar disaran dan diberi insentif bukan sahaja membuat penyelidikan dalaman demi kepentingan komersial syarikat mereka sendiri seperti di Jepun tetapi menyalur bantuan kepada universiti-universiti dan yayasan-yayasan tertentu untuk research and development terutama sekali di bidang natural science.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa mengambil kira pengaruh dan kepentingan luar selain daripada kepentingan pendidikan negara, saya cukup yakin bahawa Kementerian Pendidikan berkemampuan memainkan peranan yang begitu mencabar untuk memilih yang terbaik di dunia untuk menjadi modal dan panduan kita. Bukan sahaja untuk menjadi pusat pendidikan di rantau ini tetapi meletakkan asas pembangunan yang kukuh untuk mencapai tahap negara maju. Untuk merentas hala ini faktor pendidikan adalah menjadi garis pengukurnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita mencecah ke zaman komputer, zaman teknologi maklumat, zaman yang perlu mendidik Matematik dan Sains ternyata negara-negara yang mampu menguasai ilmu matematik dan sains di peringkat sekolah masa kini akan lebih berkemampuan dan mempunyai daya saing dan lebih maju di masa akan datang. Pelajar-pelajar Korea dan Taiwan umpamanya boleh mencapai kecemerlangan dalam bidang Sains seperti juga Switzerland, Hungary dan Rusia. Pelajar China mendapat cemerlang dalam bidang matematik walaupun di belakang Rusia. Mereka ini akan menguasai teknologi dunia komputer, yakni teknologi maklumat. Dengan ini merekalah bakal mewarisi alam teknikal dan teknologi di masa hadapan. Dengan penguasaan ini mereka akan mewarisi dunia teknologi keseluruhannya. Amerika dan Britain walaupun mencapai tahap sederhana dalam bidang matematik dan sains tetapi tahap inovasi dan kreativiti mereka amat tinggi, maka mereka sentiasa mempunyai daya saing.

Saya percaya kita tidak mahu ketinggalan dalam gelutan untuk menguasai dunia teknologi ini. Dengan ini kementerian boleh menghantar para guru kita ke China, Korea dan Taiwan untuk mempelajari bagaimana mempelajari motivasi murid-murid

dan menguasai ilmu matematik dan sains. Hantar penyelidik ke Amerika untuk belajar mencungkil bakat inovasi dan kreativiti mereka. Kita jangan berasa megah dengan sistem yang baik jikalau keputusan belum boleh mencapai matlamat keseluruhannya. Kita boleh bertanya kenapa pelajar China, Korea, Switzerland, Hungary dan Taiwan boleh menguasai mata pelajaran Sains dan Matematik. Alasan mengatakan pelajar China belajar 251 hari, Korea dan Taiwan 222 hari berada di bangku sekolah tidak boleh diterima kerana Switzerland hanya 207 hari, Rusia dan Hungary kurang daripada 200 hari setahun boleh mempelajari ilmu ini di sekolah-sekolah mereka sebagaimana Malaysia di antara 205 hingga 207 hari di bangku sekolah setahun.

Saya mengesyorkan agar kita jangan berasa malu dan terhina untuk meminta tunjuk ajar dari negara-negara ini bagaimana mereka boleh mempelajari dan menguasai matematik dan sains. Mata pelajaran ini asas ilmu teknikal dan industri teknologi, maklumat masa hadapan. Kita semua mesti percaya barang siapa yang menguasai ilmu maklumat akan menguasai dunia di masa hadapan. Inilah kata saintis dari Pentagon, Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pendidikan kita tinggi, kalau kesihatan kita rendah namun kita tidak juga kompetitif. Kesihatan juga satu faktor yang amat penting untuk negara melonjak ke hadapan. Kesihatan dan pendidikan adalah saudara kembar. Satu tidak selesa jikalau yang satu lagi terbiar. Ini adalah pendapat bijak pandai, inilah kenyataan. Daya saingan dan produktiviti bergantung bukan sahaja kepada kebijaksanaan dan kecekapan rakyat tetapi boleh dan kemampuan rakyat ini menumpukan perhatian dalam keadaan senang, sihat dan sejahtera. Inilah kenapa negara-negara di Eropah berbelanja daripada 4 ke 9 daripada keluaran negara kasar mereka untuk kesihatan. Ini bukan sahaja untuk memastikan rakyat boleh menerima perkhidmatan kesihatan yang baik, menyeluruh, murah dilaksana dengan sistematik dan mempunyai akses yang senang, ini boleh memastikan keselesaan hidup rakyat di samping boleh menjamin competitive edge negara mereka kerana rakyat yang sihat dan pendidikan lebih bersedia menimba kekayaan ilmuan dari yang kurang terpelajar dan kurang sihat.

Di samping itu, kesihatan juga boleh menjadi satu industri dalaman dan dieksport. Di dalam kita mencari cara dan mekanisme yang sesuai untuk mengendalikan dan membiayai kesihatan negara, kita mestilah mengkaji dan meneliti secara dekat apa yang berlaku di Amerika dan kenapakah kos kesihatan begitu melambung tinggi. Kita mesti melihat negara Britain dan Jepun manakala jangka kos sederhana dan menggunakan perbelanjaan hanya 6.6 GDP dan mendapat status penyeliaan yang baik dan memuaskan. Kedua-dua negara ini menjaminkan health care secara monopoli sebagai kerajaan negeri kita. Laporan telah menunjukkan iaitu kerajaan kita telah mencapai tahap yang begitu baik sekali dalam mengurangkan infant mortality rate tetapi di peringkat orang tua kesihatan masih dicuaikan.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat supaya semua sektor, semua kawasan, semua peringkat umur mestilah diberi health care yang berpatutan dan baik kerana kalau kita lihat di negara-negara maju di Eropah, walaupun keseluruhannya di antara 9 dan 4 GDP digunakan berbelanja untuk health care, mereka tidak boleh dapat mencapai pelaksanaan sebaik Jepun. Jadi, dengan itu kita sepatutnya kalau kita hendak melaksanakan health care system di negara kita ini, kita mestilah belajar dengan Jepun, Finland dan England, macam mana hendak melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengkaji dan meneliti system health care di negara kita ini untuk diambil sebagai model kita mesti melihat dengan dekat dan penuh keinsafan keadaan dasar sistem pengambilan, perlantikan skim gaji dan syarat perkhidmatan doktor dan pakar perubatan yang berkhidmat dengan kerajaan. Saya telah difahamkan bahawa kebanyakan mereka ini tidak berpuas hati kerana doktor asing berkhidmat dengan kerajaan, menerima ganjaran hampir dua setengah kali ganda lebih daripada doktor tempatan yang mempunyai kelulusan yang sama. Ketidakeimbangan ini telah mematahkan semangat para doktor dan pakar perubatan anak tempatan yang berkhidmat dengan kerajaan untuk terus berkhidmat kerana mereka kecewa atas dasar yang tidak seimbang ini. Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat semula dasar-dasar ini supaya anak tempatan, para doktor, para pakar tempatan tidak dianaktirikan..

Saya banyak berjumpa dengan pakar perubatan, doktor dan bijak pandai lain yang berasal dari Malaysia yang berhijrah ke negara lain oleh kerana tidak mendapat memenuhi syarat perkhidmatan, gaji yang lumayan, insentif yang baik dan peluang untuk menimba ilmu di bidang yang sama terbuka luas dengan syarat-syarat yang baik untuk semua.

Umpamanya, seorang medical technologist anak Sarawak, dia telah berhijrah ke negara jiran dan semasa di negara jiran telah diberi satu jaminan beliau boleh melanjutkan perkhidmatan beliau di hospital tersebut di samping memasuki universiti tempatan dengan jaminan iaitu apabila beliau lulus nanti, semua perbelanjaan untuk pergi ke universiti itu akan dibayar oleh pihak kerajaan dan perkhidmatannya akan diteruskan dan bukan itu sahaja tetapi dijamin akan dinaikkan pangkat apabila telah tamat pengajiannya. Alhamdulillah pengajiannya tamat, kedudukannya dinaikkan dan perbelanjaan untuk memasuki universiti tersebut telah dibayar balik oleh pihak kerajaan.

Jadi saya ingin bertanya dengan pihak kerajaan, adakah kerajaan bercadang supaya mana-mana pakar, doktor ataupun pegawai kerajaan yang ingin meneruskan pelajaran mereka di universiti tempatan ataupun di luar negara dan mampu mempelajari ilmu yang mereka masuki dan lulus daripada pelajaran mereka atas perbelanjaan mereka sendiri? Adakah kerajaan bersetuju akan memberi jaminan kos dan perbelanjaan mereka itu akan dibayar semula oleh pihak kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi peluang kepada kawan-kawan yang hendak bercakap. Jadi saya tamatkan, walau bagaimanapun baik [*Ketawa*] pendidikan, kesihatan, infrastruktur, tatacara menyeluruh dan kita menghadapi masalah juga untuk menikmati hikmahnya. Pembinaan, penyatuan dan penambahan sekolah, kemudahan infrastruktur pendidikan di luar bandar mestilah dilaksanakan dengan segera. Kita tidak mahu anak-anak bumiputera di luar bandar akan tertinggal oleh arus pendidikan dan pembangunan yang semakin mencabar. Kita sentiasa peka dengan salah satu matlamat Wawasan 2020 iaitu mencapai dasar 'Malaysia Malaysian' berterajukan 'merit' bukan 'special treatment'.

Jikalau zaman restructuring dan peralihan ini tidak diguna dan dilaksanakan dengan berani dan bersemangat, namun dasar ekonomi baru akan gagal. Jikalau gagal nescaya kecewalah Malaysia, terutama sekali rakyat bumiputera dan orang Melayu, akan tertinggal di bumi sendiri sebagai Red Indian di Amerika, aborigine di Australia adalah bukti jelas. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi yang lain hendak mengambil bahagian? Tidak ada lagi, ada empat. Balik Pulau.

12.02 tgh.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah mewakili kerajaan untuk membentangkan Kertas Putih yang menjelaskan tentang status ekonomi negara sekarang ini yang telah pun berhadapan dengan sedikit masalah sejak 20 bulan yang lampau.

Pada pandangan saya, memandangkan keadaan yang ada pada prevailing circumstances pada penghujung tahun 1997 dan juga awal tahun 1998, maka set polisi yang diketengahkan yang telah dilaksanakan sebagaimana yang telah dilaporkan dalam Kertas Putih ini merupakan satu set dasar yang terbaik yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan impact yang sedang berlaku ketika itu. Walaupun kita tahu bahawa tidak ada satu set dasar yang lengkap, yang sempurna pada semua masa kita yakin bahawa set polisi yang terbaik ialah set polisi yang agak fleksibel yang boleh diubahsuaikan untuk memenuhi tuntutan semasa. Kita juga sedar bahawa mana-mana dasar adalah merupakan pertimbangan dasar ekonomi ini bukanlah satu dasar yang semata-matanya didasarkan kepada pertimbangan ekonomi tetapi juga mempunyai pertimbangan-pertimbangan yang lain.

Hakikatnya bahawa kerajaan terpaksa melibatkan diri secara langsung dalam pemulihan ekonomi menunjukkan bahawa terdapat sedikit kegagalan dalam pasaran kita. Pada pandangan saya apa yang telah berlaku ialah pasaran-pasaran yang ada di negara dan juga di dunia ini, di rantau ini telah berfungsi tetapi ia telah 'over react'

ataupun dia telah melakukan 'over correction' yang menyebabkan terjejasnya keyakinan orang, pelabur, rumah tangga dan sebagainya yang memburukkan lagi keadaan.

Sebagai seorang ahli ekonomi, saya masih mengatakan bahawa pasaran telah bertindak dengan betul dari segi halanya tetapi pasaran telah menjadi terlalu ghairah dalam melakukan pembetulan itu sehinggakan terdapat 'over correction'. Saya telah dalam Dewan yang mulia ini banyak kali bercakap tentang hal ekonomi ini daripada mula dahulu, daripada empat tahun yang lepas dan banyak perkara yang kita cakap, kita lihat ada juga diperkatakan di dalam Kertas Putih ini. Pada pandangan saya Kertas Putih ini agak komprehensif dan juga ikhlas, sebab ia juga mengakui beberapa kelemahan di dalam struktur ekonomi negara kita.

Saya ingin pada pagi ini lebih mahu melihat ke hadapan sebab banyak sangat sudah saya cakap tentang kenapa kita mengalami krisis ini dan sebab-sebabnya dan apakah langkah yang sepatutnya telah kita ambil sejak tahun 1995, 1996 dan 1997 dan sebagainya. Yang menjadi penting ialah kita mempelajari sesuatu daripada pengalaman ini.

Pada saya kita harus sedar bahawa naik turun ekonomi ini bukanlah sesuatu yang pelik, semua ekonomi akan mengalami naik turun. Ini adalah satu realiti dalam ekonomi dunia. Kita telah pun mengalami kejatuhan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an dan 12 tahun selepas itu kita mengalami masalah yang kita hadapi pada tahun 1997 dan insya-Allah, lagi sepuluh, dua belas tahun kita akan mengalami sekali lagi kitaran menurun dalam ekonomi ini. Itu satu hakikat, jadi yang perlu ialah kita mempelajari sesuatu daripada pengalaman ini kerana matlamat kita sekarang ialah supaya kita dapat mulai daripada sekarang mengalami pertumbuhan ekonomi yang stabil dan juga yang sustainable dan juga mengelak daripada berlaku kejatuhan yang terlalu drastik. Kita hendaklah melaksanakan dasar yang boleh menyebabkan puncak-puncak pertumbuhan itu tidak terlalu tinggi dan juga lurah-lurah dia punya kejatuhan itu tidak terlalu dalam.

Jadi matlamat kita dan matlamat kerajaan hendaklah supaya memikirkan tentang pengajaran daripada masalah ini dan kemudiannya melaksanakan dasar yang akan menjana pertumbuhan tetapi juga pada masa yang sama memendapkan kejatuhan ekonomi. Tinggal lagi sekarang ini ada satu dimensi yang merumitkan perkara yang hendak kita lakukan ini kerana kewujudan satu infrastruktur ataupun prasarana pasaran kewangan antarabangsa yang telah memperkenalkan elemen ketidakstabilan di dalam keseluruhan ekonomi dunia. Oleh sebab negara merupakan sebuah negara yang berdagang, sebahagian besar daripada ekonomi kita bergantung kepada ekonomi dunia, maka kita juga ditarik oleh apa juga yang berlaku dalam ekonomi dunia.

Saya sukacita untuk melihat dalam Kertas Putih ini berberapa isu yang saya sendiri telah banyak kali ketengahkan telah juga diketengahkan oleh Kertas Putih ini sebagai kebimbangan dalam kelemahan ekonomi negara. Ada tiga perkara yang telah diperkenalkan, yang telah disebut di muka surat sembilan, sepuluh. Pertamanya kita telah mengalami kadar pertumbuhan yang melebihi kadar potensi ekonomi negara. Keduanya ialah penumpuan kepada sektor hartanah yang berlebihan dan yang ketiganya ialah produktiviti dalam negara yang menurun seperti yang diukur oleh total factor productivity.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Ketiga-tiga perkara ini telah banyak kali disebut di dalam Dewan ini dan ketiga-tiga perkara ini sebenarnya adalah berkait rapat di antara satu sama lain. Izinkan saya pergi kepada faktor yang pertama, dan ini saya harap Jabatan Perdana Menteri, EPU dan juga Bank Negara Malaysia sebagai institusi yang melaksanakan dasar kewangan boleh difikirkan perkara ini secara yang sejelas-jelasnya. Perkara ini bukan perkara baru tetapi benda yang kita agak kalau ada pengajaran yang terbaik inilah pengajarannya.

Kita mengalami defisit akaun sejak daripada tahun 1990 lagi. Tiap-tiap tahun kita mengalami defisit akaun semasa. Tetapi pada masa yang sama kita menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi yang positif malah yang agak tinggi. Jadi ini

menunjukkan bahawa ekonomi negara pada lapan tahun sebelum terjadinya masalah ini sedang berada pada tahap melebihi potensi. Oleh sebab itu kita berhadapan dengan berbagai kekangan penawaran supply constrain dan juga mewujudkan berbagai-bagai fenomena yang lain yang tidak baik yang secara langsung telah menyumbang kepada kejatuhan yang agak mendadak.

Jadi negara kita seperti negara atau syarikat bila orang tanya kepada kita – macam mana bisnes kita, kita kata bisnes kita bagus, kita ada pertumbuhan kapasiti pengeluaran, pasaran yang semakin meluas tetapi balance sheet kita – merah atau rugi. Lepas itu tahun yang berikutnya, kita ditanya bagaimana bisnes kita, bisnes kita lebih besar kita ada install kapasiti yang lebih besar kita telah menguasai pasaran yang lebih besar, tetapi kita punya balance sheet masih lagi merah. Jadi tiap-tiap tahun kalau kita buat macam itu, jadi apa yang berlaku ialah orang pun susah hendak percaya kepada kita kerana walaupun perniagaan kita masih besar tetapi bottom linanya – negatif. Bagi saya pertunjukan defisit akaun semasa ini secara yang in a nut shell, kata orang symptomatic kepada apa yang menjadi masalah dalam negara kita ini.

Kadar pertumbuhan yang terlalu tinggi yang dijana oleh kadar pelaburan yang terlalu tinggi telah menyebabkan berlaku masalah ini dan ia mempunyai kesan ke atas pasaran buruh dan juga pasaran modal dan ini berkaitan dengan dua faktor yang berikut. Yang faktor kedua tentang sektor hartanah dan juga faktor tentang produktiviti tadi dan apabila kadar pertumbuhan yang sebegini disokong oleh dasar kewangan yang agak soft monetary policy, pembekalan kredit yang agak mudah dan juga murah maka berlaku kadar pelaburan yang tinggi dan ini juga membuka ruang untuk berlaku spekulasi di dalam beberapa aset di dalam negara kita ini khususnya di dalam aset hartanah dan juga aset saham.

Kita juga dapati berlaku inflasi aset yang tinggi yang telah memperkenalkan berbagai-bagai distortion dalam ekonomi kita ini dan juga telah menyebabkan agihan sumber yang dilakukan oleh institusi kewangan dalam negara kita ini pun menjadi distorted dan akhirnya kita mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi negara ini lebih banyak dijana dan berlaku di dalam sektor-sektor yang tidak boleh diperdagangkan.

Sektor-sektor non tradeable seperti sektor hartanah, sektor pembangunan, pembinaan yang berhubungkait dengan pembangunan infrastruktur dan sebagainya dan juga penciptaan nilai yang berlaku dalam pasaran saham dan pasaran modal yang mana salah satu daripada kegiatan utama sebelum jatuhnya ekonomi kita ialah perniagaan – the business of selling and buying businesses dan bukannya melakukan perniagaan untuk mengeluarkan sesuatu barangan ataupun perkhidmatan.

Jadi ini yang jadi masalah – kadar pelaburan yang terlalu tinggi dan disokong oleh dasar kewangan yang terlalu longgar dan juga mungkin telah diberi insentif oleh dasar untuk mengalakkan fenomena ini yang menyebabkan kita melihat kepada kadar pertumbuhan sebagai ukuran terakhir dan ukuran mutlak sama ada yang telah berjaya ataupun tidak untuk menguruskan ekonomi ini.

Jadi pada tahun yang lepas, tahun 1998 buat pertama kali dalam dekad 90an ini negara menunjukkan lebihan dalam akaun semasanya. Jadi lebihan ini berlaku oleh kerana berlakunya pengucupan pelaburan yang drastik dan juga kenaikan kos dana dan pada masa yang sama kita dapati bahawa oleh sebab kejatuhan ekonomi menyebabkan nilai import juga telah jatuh. Oleh sebab itu kita lihat pada tahun 1998 akaun semasa kita menunjukkan lebihan dan saya yakin pada tahun 1999 ia juga akan menunjukkan lebihan. Jadi sebagai sebuah ekonomi yang sedang mengalami peralihan daripada krisis kepada recovery, ini adalah satu ciri yang baik yang kita hendak lihat – kalau saya jadi doktor memang saya hendak tengok symptom ini berlaku dan saya yakin lebihan ini akan menyumbang kepada peningkatan rizab negara yang saya harap akan membolehkan apabila rizab negara ini naik akibat daripada pertambahan lebihan pada akaun semasa ini untuk membolehkan kerajaan melihat kembali dasar untuk mengenakan kawalan modal.

Ini kerana bagi saya kita perlu sampai kepada satu tahap yang mana rizab kita cukup besar untuk menyakinkan kita untuk float balik Ringgit kerana satu daripada faktor yang kita kena terima ialah selagi tidak ada pengaliran modal masuk ke dalam negara, sama ada dalam bentuk pelaburan terus ataupun pelaburan di dalam pasaran

modal dan pasaran saham maka kemampuan kita untuk pulih dengan kadar yang agak cepat menjadi agak susah.

Apabila kita pulihkan capital control ini dan juga pegging Ringgit kepada Dollar pada nilai yang tetap ini maka kita juga membuka ruang kepada negara untuk berkemampuan untuk meminjam daripada sumber-sumber yang lebih daripada apa yang ada pada kita sekarang.

Jadi sekarang ini negara sedang melakukan beberapa arrangement untuk meminjam berbagai dana daripada berbagai tempat tetapi saya ingat kalau kita boleh lakukan benda yang saya katakan tadi maka sumber-sumber yang boleh kita pinjam adalah menjadi lebih kerana saya fikir bahawa untuk sustain recovering ini kerajaan terpaksa melakukan perbelanjaan defisit yang agak besar. Pada tahun ini kita akan berbelanja, mengenakan defisit perbelanjaan awam sebanyak RM16 bilion dan kalau tidak boleh tahan juga lagi untuk – orang kata hendak bubuh ‘lantai’ pada ekonomi ini kita kena belanja lebih lagi dan untuk belanja lebih lagi kerajaan kena pinjam lagi. Saya tidak ada masalah seperti beberapa orang rakan dengan masalah pinjam duit ini kerana sebenarnya kedudukan pinjaman awam adalah tidak tinggi. Yang menjadi masalah ialah pinjaman oleh swasta. Jadi kita kenalah gunakan counter cyclical measures ini untuk membekalkan sedikit permintaan dalam ekonomi supaya ekonomi tidak jatuh terus.

Jadi satu cara yang boleh kita buat oleh sebab syarikat-syarikat dan individu semua dalam keadaan yang ‘letih’ sekarang ini sementara mereka hendak sihat balik, kerajaan kena mengembangkan lagi perbelanjaan kerajaan, tinggal lagi kita kena memastikan bahawa perbelanjaan ini tidak membazir dan juga sebenar-benarnya boleh menyumbang kepada pertumbuhan permintaan dan dengan itu juga membantu tolong syarikat-syarikat yang ‘letih’ ini.

Jadi pengajaran yang pertama ialah dari segi mengenalpasti matlamat dasar ekonomi. Saya ingat kita tidak boleh tekankan semata-mata kepada angka pertumbuhan, pergi canang 8%, 7%, saya ingat itu bukan satu dasar yang baik dan sepatutnya dalam kenyataan, saya cadangan supaya EPU melakukan sedikit revision

dalam hal ini even dalam pernyataan quantitative Wawasan 2020 itu. Kita lakukan sedikit perubahan kerana takrif tahap maju yang digunakan dalam Wawasan 2020 itu adalah berdasarkan kepada angka per kapita income sekian-sekian banyak dan saiz GDP sekian banyak. Kita kena berada pada tahap yang tertentu pada tahun 2020, lepas itu kita work backwards lepas itu kita calculate berapa banyak kadar pertumbuhan yang kita perlu ada.

Jadi, pada saya satu pernyataan dasar yang perlu diubah kerana obsession kita untuk mendapatkan pertumbuhan yang begini rupa memerangkapkan diri kita kepada masalah-masalah yang lain kerana bila berlaku pertumbuhan melebihi potensi, memang berlaku spekulasi. Kita tidak payah tengok jauh, kita tengok spekulasi yang berlaku dalam sektor hartanah ini amatlah ketara sekali. Walaupun indeks harga pengguna adalah stabil pada kadar 4%, 5% dalam tujuh, lapan tahun yang lepas tetapi inflasi yang berlaku pada sektor hartanah ialah cukup tinggi.

Apabila berlaku inflasi ini ia juga ada kaitan dengan aset yang satu lagi iaitu saham di pasaran saham dan ini semua menimbulkan unnecessary speculation dan speculation ini setakat speculation sahaja tidak apa tetapi ia mempunyai kesan untuk menjauhkan lagi jurang kekayaan di antara orang yang mampu melakukan spekulasi dengan orang yang tidak mampu melakukan spekulasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada sebelum berlakunya krisis ini pada awal tahun 1997 misalnya, kita lihat bahawa dalam kawasan saya di Bayan Lepas misalnya, sebuah rumah teres adalah berharga dalam RM360 ribu, RM350 ribu, RM370 ribu macam itu. Kita tahu bahawa pendapatan perkapita dalam negara adalah, kalau saya tidak salah, ada tengok dalam Bank Negara report dalam RM11 ribu, RM12 ribu perkapita. Ini menunjukkan bahawa harga rumah iaitu rumah teres bukan rumah bungalow, rumah semi-detached, harga satu aset boleh tahan seperti rumah yang sedemikian rupa menjadi berapa puluh kali ganda pendapatan per kapita.

Kita lihat bahawa harga kereta misalnya, harga kereta dalam negara kita ini misalnya kalau harga Proton Wira RM53 ribu dan ini kalau kita ambil yang itu kita tengok bahawa harga aset seperti barang durable ini, ia lima kali ganda perkapita

income. Ini merupakan satu distortion dan ciri ini bukan hanya terdapat di Malaysia tetapi terdapat di banyak negara-negara Asia Timur ini, Malaysia dan juga di Jepun dan di Singapura. Ini satu distortion yang perlu kita fikir jangka panjang. Mana boleh satu barang seperti kenderaan memerlukan lima tahun perkapita income untuk kita beli. Mana boleh satu investment, satu aset seperti rumah memerlukan puluhan kali ganda perkapita income untuk kita membelinya.

Jadi, terjadinya harga yang seperti ini ialah kerana berlakunya distortion. Distortion mungkin di dalam pasaran kereta ialah mungkin kerana dasar perlindungan kita kepada Proton tetapi distortion dalam pasaran hartanah berlaku kerana speculation. Mungkin di tempat saya itu sebab pulau, kelililngnya air, jadi tanah kurang, jadi harga tanah mahal jadi harga rumah mahal tetapi kalau kita buat accounting yang betul-betul, mana boleh rumah teres di Bayan Lepas, di Sungai Ara harga sampai RM360 ribu, RM370 ribu satu unit.

Jadi ini spekulasi, Tuan Yang di-Pertua. Spekulasi yang dilakukan oleh kita semua, spekulasi yang dilakukan oleh syarikat-syarikat dalam negara kita ini, spekulasi yang didokong juga oleh bank-bank dalam negara kita ini dan akibatnya ialah ia men' distort' harga. Akibatnya yang satu lagi ialah mereka yang tidak ada kemampuan untuk 'naik kapal' spekulasi ini tidak akan mempunyai kekayaan dan tidak akan mempunyai pendapatan untuk mampu untuk beli aset-aset ini. Ini menjauhkan lagi jurang kekayaan, bukan jurang pendapatan tetapi jurang kekayaan (wealth effect) di antara orang yang mampu melakukan spekulasi dengan orang yang tidak mampu melakukan spekulasi.

Jadi, this is the lesson, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua yang perlu kita pelajari daripada pengalaman kita ini tetapi manusia semuanya mempunyai ingatan yang singkat. Kita sudah melalui benda ini pada tahun 1985, 1986 tetapi lepas tahun 1990, 1992 kita terlupa balik.

Yang keduanya, kita senantiasalah kena akur kepada hukum-hukum ekonomi. Hukum yang halal, haram itu satu hal tetapi ekonomi ini ada hukumnya. Memang ada teori banyak tetapi hukum pun ada, tidak banyak yang jadi hukum, yang lain itu banyak

teori dan hipotesis tetapi yang jadi hukum pulangan bertambah kurang mesti ada, hukum penentuan harga oleh pasaran mesti ada. Kalau kita bercanggah dengan hukum ini, hukum ekonomi sebab selagi kita hendak control macam mana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pun tidak boleh control macam mana sebab hukum pasaran ini akan berlaku. Kalau tidak timbul kesan dia dalam pasaran gelap maka dia timbul atau manifestasinya dalam keadaan-keadaan yang berlainan.

Jadi, hendaklah kita fikir tentang masalah ini dan kita juga sekarang ini telah inherit satu masalah sebab kita tumbuh dengan begitu cepat, kita mengalami kekangan modal yang tinggi, jadi kita bawa masuk duit begitu banyak dan duit daripada luar begitu murah dan menyebabkan sekarang ini macam kawan saya daripada Tambun cakap semalam, syarikat-syarikat kita menjadi over leveraged., Gearing rasionya terlalu tinggi dan bukan itu sahaja pada peringkat individu juga oleh sebab kredit pengguna adalah murah.

Kredit kad dulu semua orang dapat, gaji RM800 pun bank beri kredit kad, bagi credit limit RM2000 lepas itu macam-macam skim, kita pun terlupa diri, visa satu, master card satu. Kita ajar kepada pengguna kita nilai yang silap. Itu pada peringkat orang yang gaji dalam RM1000 – RM1,500 yang gaji RM½ juta sampai RM1 juta, dia mendapat tabiat yang tidak baik juga dan pertambahan penggunaan yang menjana pertumbuhan ekonomi, permintaan itu kadang-kadang datangnya daripada perbelanjaan penggunaan yang tidak berapa bagus, yang banyak duit membazir dalam hal yang besar-besar, beli bot mewah, beli kereta mewah.

Yang pendapatan kecil dia berbelanja melebihi daripada kemampuannya untuk beli macam-macam. Dalam kawasan saya sendiri setiap bulan puasa saya pergi, kadang-kadang tengok senarai fakir, kadang-kadang yang khariah bagi itu kita pergi tengok, ingatkan susah, pergi tengok dia punya televisyen yang besar ini [*sambil menggayakan dengan tangan*] dengan console dan sebagainya lebih besar daripada yang ada di rumah saya.

Ini corruption in value yang telah berlaku di kalangan pengguna yang disebabkan oleh kehairahan pertumbuhan ini yang disokong oleh kemudahan kredit yang terlalu senang. Jadi, sekarang ini bila penguncupan itu berlaku dan berlaku dengan secara yang tiba-tiba maka sakitlah semua dan yang sakit paling banyak sekali ialah orang yang besar-besar ini dan apa yang berlaku ialah kita sebagai sebuah negara yang berdagang, sebuah negara yang mana kalau kita tengok angka di sini pun sama ada dari segi sebelah supply ataupun sebelah demand. Misalnya di sebelah permintaan hampir lebih daripada separuh, ekonomi adalah datang daripada eksport barangan.

Kalau kita lihat daripada sebelah penawaran 40% lebih daripada ekonomi kita ialah pada pengimportan barang. Maka kita adalah sebuah negara yang berdagang, sebuah negara yang memang bergantung kesihatannya kepada kemampuan kita untuk bersaing di dalam ekonomi dunia tetapi kita rugi sedikit sebab 7, 8 tahun yang lepas ini semasa kita mengalami pertumbuhan, kita tidak membentuk kekuatan kita dalam persaingan kita dalam pasaran antarabangsa.

Jadi, kita ini macam orang berniaga, kita ada duit kita tambah kita punya gerai bagi cantik, lepas itu ada duit lagi dapat untung, kita bubuh lampu pada gerai kita, lepas itu ada duit lagi kita bagi uniform kepada orang yang tukang jaga gerai kita tetapi kita masih jual mi goreng juga. Kita tidak mahu tambah kita punya menu, kita tidak buat research untuk bagi sedap untuk kita punya menu, kita tidak ada kembangkan kita punya perniagaan, beli gerai sebelah inikah ataupun mempelbagaikan perniagaan kita. Kita belanja banyak duit bagi gerai kita cantik dan orang yang kerja dalam gerai kita nampak cantik, kita lakukan pelaburan juga tetapi pelaburan yang tinggi sebenarnya tetapi kita punya co-competitiveness macam itu lagi.

Jadi, ini satu pengajaran yang saya harap kementerian seperti MITI dan juga Kementerian Pertanian sama-sama dengan Kementerian Kewangan kena fikir bab-bab ini kerana kalau kita jana pertumbuhan yang tidak meningkatkan kemampuan bersaing kita di dalam pasaran dunia maka itu adalah satu yang amat sedih sekali. Saya sedang berfikir semalam, apa hendak cakap, saya tengok telefon, ini telefon kawan saya dari Sipitang, Nokia. Ini satu telefon Nokia, kalau kita tahu telefon ini merupakan satu

produk dalam satu industri masa depan telecommunication, ia berunsurkan teknologi yang tinggi dan boleh digitalis sebahagian daripada agenda MSC misalnya, tetapi kita tahukah tidak bahawa negara yang mengeluarkan Nokia ini, negara yang memiliki syarikat ini, negara yang melakukan R&D untuk mengeluarkan produk ini, yang status 21st Century ini adalah Finland.

Finland adalah sebuah negara Scandinavia yang kecil sahaja. Ia macam panjang sedikit, sejuk pun, orang Scandinavia ini geng Viking sama macam Sweden dan Denmark. Saya ingat population Finland ini ada 5 juta agaknya sebab Sweden pun ada 8 juta, jadi saya ingat ada dalam 5 juta sahaja. Tetapi bagaimana sebuah negara yang kecil macam itu, yang orangnya pun tidak ramai tetapi boleh menjadi satu negara yang unggul dalam satu bidang seperti bidang ke hadapan, bidang of the future seperti komunikasi tanpa wayar macam ini.

Inilah ia punya chip sebesar ini sahaja. Jadi, mungkin sekarang ini nanti tinggal besar ini sahaja lagi. Bagaimana sebuah negara macam Finland boleh menduduki tempat yang semacam itu dalam industri semacam ini, ia tidak riuh pun, orang Finland ini, orang Scandinavia, saya tidak pernah pergi ke semua negara dia tetapi orang di sebelah Scandinavia ini tidak macam orang Slav, orang Slav ini di selatan Eropah yang bergaduh ini, Kosovo, Czechoslovakia, Macedonia semuanya ini, mereka ini riuh sedikit, Italian. Tetapi yang duduk tempat sejuk macam di Scandinavia, di Finland ini, dia pasal sejuk, dia punya winter panjang, dia lebih orang yang senyap, dia makan pun kalau orang Malaysia pergi makan tidak sedap sebab dia very dull punya orang tetapi dia boleh menjadi sebuah negara yang menjadi pengeluar satu produk yang semacam ini.

Jadi, ini adalah pengajaran yang hendak kita belajar dari pengalaman ini kerana kesan yang ketiga, yang datang ialah selain daripada modal kita mengalami kesuntukan tenaga buruh. Lepas itu kita bawa masuk segala Bangladesh dan Indonesia, sampai yang kita mengaku secara rasmi, Menteri sekarang ini, Timbalan Menteri Dalam Negeri dahulu sedang tengok pada saya, saya pun tidak tahu, kalau salah perbetulkan

saya, dekat-dekat dua juta pekerja asing ini. Kalau saya hendak bawa masuk pekerja asing Bangladesh, Mongolia pun tidak apa tetapi pada tahap kemahiran yang tinggi.

Kalau kita bawa masuk pekerja asing, macam Singapura atau Amerika Syarikat, dia bawa masuk mereka yang pada tahap kemahiran yang tinggi maka mereka menyumbang kepada peningkatan produktiviti dalam negara tetapi kita memasukkan dua juta orang di dalam negara kita pada tahap kemahiran yang rendah dan ini tidak membantu untuk meningkatkan produktiviti dalam negara kita dan dalam pada masa yang sama kita telah melakukan pelaburan modal yang tinggi sebab itu bila EPU ukur sumbangan Total Factor Productivity, tiap-tiap tahun dia menurun.

Jadi kalau kita bawa masuk mereka yang produktiviti tinggi, kemahiran mereka tinggi, barulah kita tidak dapat masalah ini. Akibat daripada kekangan penawaran yang telah kita alami yang menyebabkan kita masukkan buruh asing ini sekarang ini kita berdepan dengan legacy mereka berada di dalam negara, jadi problem. Tempat saya lagi problem, tempat saya ada kawasan perindustrian di Bayan Lepas, ada 30,000-40,000 orang pekerja, berapa ribu orang yang pekerja asing pun saya tidak tahu dan campur aduk dengan penduduk setempat. Di Penang pula lagi masalah, kita pun tidak kenal yang mana satu Bangladesh, yang mana satu Indonesia, yang mana satu orang tempatan dan kemasukan yang banyak dalam masa yang suntuk telah menjejaskan keutuhan institusi dalam masyarakat dan itu pula menimbulkan masalah yang lain pula yang terpaksa kita kena kendali dan ini merupakan kos kepada negara.

Kos ini tidak diperakaunkan dalam mana-mana akaun yang kita cakap tetapi kos ini adalah kos keseluruhan, itu sebab bila orang ekonomi cakap pasal kos dan untung dengan orang business cakap pasal kos dan untung dia jadi lain. Orang ekonomi ini, dia cakap sahaja banyak tetapi takrif kos dengan takrif untung kita adalah berlainan. Jadi, nasihat saya yang seterusnya ialah bila EPU misalnya hendak mempertimbangkan proposal yang macam-macam ini, dia dengar sama nasihat ahli ekonomi kerana kalau businessman ini memang kerja dia propose.

Kira alright sahaja, boleh buat untung sebab dia punya takrif, dia punya perakaunan agak sempit, bottom line dia punya sendiri tetapi satu orang ahli ekonomi

misalnya melihat pada takrif kos yang lebih luas, dari segi kebajikan keseluruhannya. Jadi, sekarang ini akibat daripada itu kita punya produktiviti telah tidak naik dan bila produktiviti tidak naik kerana kita labur modal terlalu banyak, terlalu cepat, absorption modal yang kita laburkan itu tidak boleh kita hendak buat cepat-cepat, macam bubuh nasi banyak-banyak dalam mulut dan tidak sempat hendak telan dan kadang-kadang tersedak dan termuntah terus, ini yang berlaku.

Jadi, kerajaan telah menunjukkan satu komitmen terhadap ini dengan menubuhkan satu kementerian yang berasingan, Kementerian Sumber Manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat masa untuk pagi ini sudah cukup.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Okay, boleh saya sambung petang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Balik Pulau, sila sambung.

2.30 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara seterusnya yang saya ingin perkatikan ialah kita melihat kembali kepada dasar pembentukan industri dalam negara kita ini. Satu kelemahan yang nyata daripada apa yang berlaku ialah sektor swasta dalam negara ini, sama ada daripada sektor pembuatan ataupun sektor perkhidmatan, perbankan ataupun macam-macam yang lain ialah mereka ini tidak mempunyai kekuatan yang cukup untuk bersaing dengan baik dalam pasaran regional mahupun dalam pasaran antarabangsa. Kita lihat bahawa model untuk membangunkan sektor swasta dengan menggunakan konsep yang dilaksanakan di Jepun dan juga di Korea berdasarkan pembentukan kelompok-kelompok gergasi yang besar yang mempunyai kepentingan di dalam pelbagai industri yang

berlainan adalah tidak berjaya. Kita lihat bahawa mereka yang berada dalam keadaan yang letih sekarang ini adalah merupakan konglomerat-konglomerat yang besar yang mempunyai kepentingan di dalam pelbagai sektor. Jelas sekali bahawa mereka ini bukan sahaja tidak mampu untuk hidup di dalam ekonomi negara yang masih lagi terlindung ini, tetapi nyata mereka tidak dapat bersaing di dalam pasaran-pasaran antarabangsa. Jadi ini satu perkara yang dalam pada kita buat penyusunan semula latihan, exercise untuk restructuring corporate debt ini dan juga sektor perbankan. Kita ambillah kesempatan ini untuk kita lakukan sesuatu untuk memperbaiki keadaan ini.

Satu perkara yang ingin saya cadangkan ialah kita pisahkanlah secara mengikut undang-undang, secara mungkin kalau perlu perundangan legislation yang baru untuk kita pisahkan kepentingan yang boleh ada di dalam perniagaan dengan kepentingan yang boleh ada di dalam sektor kewangan. Tidak boleh ada konglomerat di dalam negara kita ini kalau kita mahu ada ketelusan, kecekapan yang baik di mana satu konglomerat mempunyai kepentingan dalam sektor perbankan, sektor kewangan, pembrokeran ataupun syarikat kewangan dan pada masa yang sama sektor itu juga mempunyai kepentingan dalam pembangunan hartanah ataupun dalam sektor-sektor yang lain. Jadi incestuous relationship semacam ini yang ada di dalam negara kita ini hendaklah kita perbetulkan sama ada pindaan kepada BAFIA ataupun apa-apa perundangan yang baru.

Jadi, sekarang ini kita lihat syarikat-syarikat besar yang gergasi ini dia ada dua trend. Di masa yang lepas kalau sudah jadi besar, satu yang perlu ada ialah ia kena ada syarikat sekutunya yang terlibat dalam pembangunan hartanah. Mungkin syarikat yang asal itu yang core-business dia ialah pembuatan kita katakan. Tetapi apabila dia sudah besar sedikit dia mesti ada associate company ataupun interest di dalam pembangunan hartanah, dan bila ia besar lagi ia pula membeli kepentingan di dalam sebuah bank ataupun syarikat kewangan ataupun dalam satu syarikat pembrokeran saham. Jadi, bila berlaku walaupun lembaga pengarahnya adalah asing, tetapi pada perspektif syarikat induk kesemua ini adalah satu keluarga. Jadi, bila berlaku macam

ini keputusan-keputusan yang diambil bukan saya nak kata semestinya, tetapi jelas daripada apa yang berlaku keputusan yang diambil tidak dipertimbangkan mengikut kriteria-kriteria yang sepatutnya diikuti. Jadi saya cadangkan supaya kita adakan legislation.

Dato' Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan

Tuan Yang di-Pertua : Ya.

Dato' Affifudin bin Haji Omar: Tuan Speaker, apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau mengenai dengan incestuous relationship itu apakah Yang Berhormat setuju bahawa pada zaman industrialisasi ini, incestuous relationship itu adalah juga dipanggil synergistic relationship. Jadi kalau cadangan Yang Berhormat itu dilakukan, maka satu prinsip di dalam ekonomi iaitu freedom of business akan terhakis. Jadi apakah Yang Berhormat setuju dengan adanya ini tidak akan berlaku satu keadaan yang synergistic yang memungkinkan usaha memaksimumkan pendapatan itu dapat dilakukan setinggi-tingginya, dan juga kalau Yang Berhormat boleh beritahu apakah ada susunan sedemikian di mana-mana negara di dunia ini?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau dari sudut ekonomi kalau terlalu kuat hubungan synergistic itu maka ia akan membekalkan entiti itu dengan kuasa monopoli, kuasa pasaran yang terlalu tinggi, dan apabila satu-satu entiti dalam mana-mana sektor mempunyai kuasa pasaran - market power yang terlalu tinggi maka berlaku unsur-unsur monopoli dan akhirnya kita tahu walaupun ada perdebatan dalam hal ini tidak ada mana satu kajian empirical mahupun penemuan theoretical yang mengatakan bahawa kalau ada monopolistic power tidak ada kecenderungan untuk mengaut keuntungan yang lebih daripada yang sepatutnya. Kerana akhirnya kalau berlaku perkara yang sedemikian yang rugi ialah pengguna, yang rugi ialah kecekapan ekonomi pada keseluruhannya.

Jadi, di satu peringkat memang betul kalau ada unsur-unsur vertical integration dalam satu-satu syarikat, ia membekalkan syarikat itu dengan kemampuan untuk bersaing yang baik. Tetapi kita sebagai pembuat undang-undang dalam Dewan ini senantiasa memelihara kepentingan awam, dan kepentingan awam dari sudut kita

dalam Dewan ini ialah untuk menjaga kebajikan pengguna dan juga kebajikan pengeluar. Jadi, memang ada perdebatan apa dia just price, apa dia just profit.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, justeru itu kalau mengikut hujah Yang Berhormat dari Balik Pulau, apa yang diperlukan ialah anti trust law jikalau kita mempertikaikan soal monopoli dan monopsoni, jadi bukan soal kita differentiate, apakah syarikat ataupun sesuatu firma perbankan itu tidak boleh ada aktiviti di dalam bidang hartanah misalannya. Jadi, apakah Yang Berhormat menjuruskan kepada soal membanteras monopoli dan monopsoni ataupun Yang Berhormat menjuruskan kepada soalan spesialisasi di dalam sesuatu bidang aktiviti sesebuah firma. Jadi, kalau itu saya setuju kalau diadakan anti trust law macam di lain-lain negara kapitalis yang besar di Britain dan Amerika.

Dr. Nungari bin Ahmad Radhi: Terima kasih, sebenarnya kedua-dua. Point saya yang mula ialah kerana pandangan yang sober, yang bukan didorong oleh sentimen dan emosi akan berkata bahawa krisis ekonomi di dalam negara kita ini dan juga di Asia adalah berpunca daripada kegagalan institusi kewangan memainkan peranannya sebagai financial intermediary, maknanya sama ada di Jepun mahupun di Korea, Thailand, Indonesia dan juga pada kadar yang kurang di Malaysia ini yang berlaku ialah kegagalan institusi kewangan, bank dan sebagainya memainkan peranannya sebagai financial intermediary. Jadi, cadangan saya untuk memisahkan antara hak milik bank dan institusi kewangan dengan hak milik perniagaan yang lain adalah bertunjangan kepada fenomena yang tersebut.

Keduanya, sememangnya saya hendak pergi kepada dalam usaha kita membentuk struktur ekonomi ataupun organisasi industri dalam negara kita ini, kita hendaklah menjurus kepada pembentukan specialization yang tinggi dan oleh itu kita kena memperkenalkan, saya setuju, memang saya hendak mencadangkan supaya ada anti trust law. Ada dua pandangan dalam hal ini, kalau mengikut misalnya pengalaman di Amerika Syarikat, akta Sherman dan anti trust law yang dibuat, selepas the great

depression dahulu di sana, dan ada juga fahaman baru yang berlaku di penghujung tahun 70-an misalnya yang lebih didorong oleh pengalaman di Jepun yang mengatakan bahawa yang itu semua tidak apa sebab kita hendak bentuk industri dalam negara, hendak jadikan dia kuat dan besar, jadi kita hendak beri dia lawan di luar, jadi kita hendak dia gemuk, kuat dan baru boleh lawan di luar, tetapi saya berpendapat bahawa model itu tidak betul. Saya lebih berpendapat bahawa, model yang lebih tepat ialah model di mana kita ikut juga setengah daripada hukum ekonomi ini iaitu kecekapan tidak akan berlaku dalam keadaan pasaran yang dikuasai oleh monopoli.

Itu satu, sebab itu ikut macam mana kita buat pun, kalau kita ukur dengan betul memang kita akan terhakis kecekapan ekonomi kalau kita biar kuasa monopoli ada, dan akhirnya yang akan bayar harga ini ialah pengguna sendiri. Cadangan yang berikut ialah supaya kita ada anti trust law yang 'regulate'kan saiz sesuatu syarikat apabila ia terlalu besar, ia kena dipecahkan. Misalnya kita lihat American Telephone & Telegraph (AT&T) pada suatu ketika merupakan syarikat yang terbesar di dunia, yang terlalu besar dan kadang-kadang bila jadi terlalu besar dia mempunyai kuasa-kuasa yang lain selain daripada kuasa pasaran dan ianya dipecahkan dan diasingkan Bell Lab dengan Bell Telephone. Dipecahkan Bell kepada tujuh atau lima anak-anak syarikat telefon yang kecil-kecil ini.

Oleh sebab itu, maka pengguna mengalami harga yang lebih baik. Pada masa yang sama, ada orang kata, macam mana kita hendak dapat ekonomi skala kalau kita tidak beri jadi besar, tetapi bagi saya itu adalah untuk industri yang sudah matang yang bersifat pengeluaran, hujah macam itu boleh pakai, tapi jika dalam industri yang lebih bercirikan teknologi, industri ke hadapan, yang memerlukan inovasi dan juga pertukaran produk yang cepat dan sebagainya, maka kita perlu lebih banyak yang kecil-kecil ini tetapi yang specialised.

Jadi, saya pun hairan sedikit dalam beberapa tahun yang lepas ini, kadang-kadang banyak sangat, kita tengok dalam satu-satu conglomerate itu dia terlibat di

dalam berbagai-bagai jenis perniagaan, tidak ada focal point dia, dia tidak akan membentuk satu competitive advantage yang membolehkan firma itu berjuang di luar daripada negara dan kalau firma kita dapat berjuang dengan jayanya di pasaran antarabangsa, negara juga akan berjaya. Kalaulah Sime Darby, satu conglomerate yang cukup tua, saya ingat board directornya semua orang tua-tua, kira syarikat lama yang cukup konservatif yang sekarang ini dimiliki oleh kepentingan dalam negara..

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, teruk itu, teruk macam mana?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Bukannya kata teruk, maknanya syarikat itu syarikat yang konservatif, maksud saya board directornya konservatif dan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang very prudent . Kalau dia tidak beli bank dulu, dia sihat lebihlah pada hari ini daripada sekarang. Pengkhususan ialah bidang perladangan dan sedikit sebanyak Sime telah memasuki dalam pembangunan hartanah tetapi dengan jayanya seperti Sime UEP, Subang Jaya dan sebagainya tetapi perlahan-lahan dia masuk. Jadi bila dia masuk di dalam satu bidang yang dia tidak biasa - bank, jadi dalam masa setahun setengah, walaupun ia mempunyai lembaga pengarah yang cukup bagus di syarikat induk dia terkena jugalah.

Jadi, kalau Sime Darby betul-betul mengkhususkan kepada perladangan dan juga bergerak sedikit sebab dia ada bank tanah yang besar, sektor pembangunan hartanah, tidak apa dan mungkin Harisson Crossfield, IOI, Guthrie dan sebagainya ke situ dan kembangkan industri itu ke seluruh dunia dalam sektor itu untuk menjadi Nestle Malaysia, menjadi Sony Malaysia, menjadi Matsushita Malaysia - dalam hal itu, maka negara akan mendapat manfaat daripada situ. Ini radio hendak buat - syarikat itu juga, rumah pun hendak buat, telefon bimbit pun hendak buat, jadi dia tidak akan membentuk dalam pengurusan syarikat itu kepakaran pengurusan dan juga kepakaran teknikal yang memampukan syarikat itu hendak bersaing. Jadi, dalam penstrukturan

semula ini, saya mintalah committee on restructuring dan juga kerajaan supaya memastikan perkara ini tidak berlaku.

Saya tengok antara syarikat yang terbaik di dalam dunia ialah CocaCola. Dia bukan ada jual apa pun, dia jual CocaCola saja, diet coke, coke. Dekat India dia tukar sikit, dekat China dia tukar sikit, dekat Siam dia tukar sikit tapi dia jual *coke* dan CocaCola merupakan satu syarikat antara yang terbesar dan paling cekap di dalam dunia ini dalam hal itu. Walaupun ada saingan daripada PepsiCola, daripada Fraser & Neave dan sebagainya tetapi ia menjadi cekap di dalam bidang itu. Jadi, kita kena ada satu kepercayaan, keyakinan bahawa dengan hanya kita mempunyai pengkhususan sahaja dalam dunia yang begini mencabar dalam pasaran antarabangsa yang menghukum syarikat yang lemah begitu cepat hanya dengan specialization sahaja baru kita boleh membentuk competitive advantage kita.

Jadi, ini dapat dicapai kalau kita ada legislation ataupun kita ada dasar-dasar yang menjurus ke arah itu ataupun yang menghalang daripada syarikat pergi ke arah yang kita tidak patut pergi. Jadi, saya harapkan dalam rasionalization exercise ini kita specialise, contoh saya tadi, Nokia misalnya Nokia telefon Finland ini, dia cerita itu sahaja dan dalam bidang itu pun dia tidak larat hendak kekalkan kedudukan dia di hadapan kerana bidang itu berubah dengan begitu cepat dia kena setiap masa melakukan R&D, innovation, product design yang baru, teknologi yang baru, untuk dia kekal di situ.

Jadi, itulah yang kena kita buat dan ini pergi kepada perkara yang kedua yang ingin saya sebut ialah dalam kita lihat keadaan sekarang ini, kita lihat semulalah kepada Industrial Master Plan kita yang kedua yang telah dilancarkan tahun lepas atau pun tahun 1997. Jadi, cluster konsep yang lebih kurang ikut buku Michael Porter sahaja, kita tengok balik, kita tidak mahu buat semua benda. Kita hendak buat benda yang kita boleh buat, benda yang kita boleh peroleh kejayaan di pasaran antarabangsa sahaja.

Jadi, kita lihat balik apakah kelebihan persaingan yang ada pada kita, apakah raw material dari segi infrustructure, raw material dari segi kemahiran buruh kita, raw material dari segi institutional support yang kita ada dan kita kalau hendak buat targetting pun, kita target pada benda-benda yang kita ingat kita boleh jadi world class competitors sahaja dan yang lain itu kita suruh orang lain buatlah sebab lebih murah. Kita beli setengah benda daripada luar daripada kita buat sendiri dan kita specialize yang mana patut kita buat.

Macam saya kata tadi, saya suka model pengurusan ekonomi Scandinavia yang lebih baik modalnya. Negara itu maju, canggih tetapi sektor pertanian pun maju, berteknologi tinggi, tanam bunga, bunga pun world class, lepas itu dia ada sektor perkhidmatan transportation yang baik. Hendak eksport bunga, tetapi pada masa yang sama boleh buat kapal terbang besar dan kereta, dia boleh buat telefon Nokia dan dia boleh buat Erricson dan sebagainya. Jadi, model macam itu bagus. Jadi model yang macam Jepun dengan Korea, saya ingat tidak berapa bagus atas sebab-sebab yang saya sebutkan tadi.

Jadi yang berikutnya ialah setelah saya kata pasal bank tadi saya hendak kata juga pada sektor hartanah. Jadi saya minta supaya kesempatan yang ada ini digunakan untuk melihat semula sektor hartanah ini. Jadi, sekarang ini kalau untuk penyenaian di dalam Bursa Saham, kalau kita hendak disenaraikan di bawah sebagai construction, papan utama, main board itu dalam construction, dia punya syarat adalah rekod-rekod dia, lepas itu dia kena ada land bank yang tertentu dan juga projek yang tertentu, baru dia boleh jadi syarikat yang dikenali sebagai syarikat yang terlibat construction sector tetapi tidak ada halangan pula untuk syarikat mana pun yang disenaraikan di bawah plantation kah, industrial kah yang boleh masuk dalam hartanah balik.

Jadi, kita dapat satu ledakan keterlibatan syarikat dalam satu sektor hartanah ini yang begitu banyak. Jadi tahap professionalism, satu dari segi kepakaran satu hal, tahap professionalism untuk membekalkan produk dalam sektor itu pun agak rendah sebab semua orang boleh terlibat, saya tidak ada kepentingan dalam mana-mana syarikat, saya tengok macam dalam kawasan saya, kalau syarikat yang besar, sebut

nama pun tidak elok jadi, saya tidak sebut. Ia syarikat yang besar dan lama, dia buat rumah kualiti bagus, deliver on time, after sales guarantee service pun bagus, dia tidak ada masalah. Berbanding dengan syarikat-syarikat yang fly by night ini terus jadi developer, buat rumah kualiti tidak elok, tidak boleh deliver on time, bila ada kerosakan dan sebagainya susah dan sebagainya.

Jadi, perlu juga kerajaan melihat kepada mungkin Housing Developers Act ini untuk memastikan kita ada sedikit specialization. Orang yang hendak menjadi developer ini bukan siapa-siapa yang ada tanah boleh jadi developer. Misalnya di kawasan saya, baru sebelum saya mari sini ada satu pemaju, dia buat rumah sudah siap, ikut sales and purchase agreement, lepas itu sudah dapat Strata Title, baru dia cakap kepada pembeli, dia sudah ukur lain tengok-tengok rumah itu besar daripada rumah yang dia janji hendak jual. Jadi, sebab itu dia minta orang itu bayar lebih sedikit.

Jadi, jenis macam ini susah, dulu buat tidak siap, kualiti teruk, ini sekarang ada fenomena baru, sudah buat, jual, lepas sudah jual dan hendak bagi strata title kata rumah yang dibuat itu lebih besar daripada rumah yang hendak dijual. Sebab dia buat terbesar sedikit, dia minta duit lebih pula lepas sudah jual. Jadi benda-benda macam ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga kerajaan kena fikir balik bagaimana untuk menjadikan sektor pembangunan hartanah ini lebih profesional.

Kalau sektor ini lebih profesional dan sektor perbankan lebih profesional, maka kita akan mengurangkan kecenderungan untuk berlaku kelemahan-kelemahan yang antara lain telah menyebabkan kita berada dalam kedudukan kita sekarang ini.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: *[Bangun]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Perkara yang berikut ialah saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang tu.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan. Di awal hujah tadi, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ada menekankan tentang bahayanya kedudukan monopoli dalam sesuatu

industri. Jadi, bersabit dengan industri pembinaan ini, kalau kita hendak tumpukan perhatian cuma kepada syarikat-syarikat yang kuat, yang sudah terkenal jadi secara tidak langsung juga kalau ini dilakukan maka ia akan menggalakkan monopoli sebab syarikat-syarikat yang mempunyai rekod yang baik, pengalaman yang banyak hanya sedikit sahaja. Jadi, dengan tidak secara langsung, kita sudah berbalik kepada fenomena yang Ahli Yang Berhormat takuti tadi. Jadi, macamana percanggahan pendapat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih, kawan saya dari Parit Buntar. Maksud saya bukan kita hendak sekat orang daripada masuk tetapi kita mengenakan kriteria-kriteria yang lebih ketatlah untuk orang hendak masuk. Sebab itu saya sebut dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mungkin dalam Housing Developers Act, kita kena ketatkan syarat untuk orang masuk. Itu agak bercanggah dengan free entry yang saya sebutkan tadi.

Saya tidaklah kata kapitalis teruk sangat macam Milton Friedman atau Ferderick Hayek, kalau ikut macam mereka itu tidak payah lesen pun tidak apa, semua orang free enterprise. Jadi, kita kenalah kenakan minimum standard, macam menjadi doktor, kalau tidak macam saya pun boleh berlakun jadi doktor ubat, dia kena ada licencing piawaian yang tertentu untuk masuk tetapi kita tidak kenakan entry barrier yang terlalu tinggi sehingga menimbulkan kecenderungan monopoli yang saya sebutkan tadi. Saya harap itu okaylah.

Saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana sekarang ini, kita nampak sama ada menerusi Bank Negara atau pun KLSE dan Securities Commission ada penekanan yang lebih kepada konsep corporate governance. Macam-macam seminar sekarang ada tentang corporate governance. Jadi hal ini hendaklah diteruskan kerana kalau kita tidak adakan corporate governance dan transparency dan information disclosure, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua maka susah hendak mendapat keyakinan daripada pelabur untuk melabur dalam pasaran negara kita ini kerana kalau ada corporate governance yang kuat, kalau ada transparency di dalam corporate decision making, kalau ada keyakinan di dalam segala maklumat yang diterbitkan, disclosure ini, maka

kalau ada keyakinan tentang mutunya maka senang orang buat keputusan untuk melabur dan ini hendaklah kita teruskan. Saya juga cadangkan supaya pihak polis (PDRM), tingkatkanlah specialization dalam bab corporate crime ini. Jadi, inipun jenayah juga, Tuan Yang di-Pertua sebab dalam Dewan ini kita luluskan berbagai rang undang-undang, bukan semuanya criminal crime ini bunuh orang, culik orang, curi barang dan sebagainya tetapi juga merupakan satu kesalahan jenayah untuk melakukan fraud yang tertentu.

Jadi untuk membolehkan pejabat ataupun kamar Peguam Negara melakukan pendakwaan maka hendaklah pihak polis mempunyai kepakaran untuk menyiasat dan juga melihat masalah corporate crime dan juga fraud ini. Jadi, saya hendak tanya pada kerajaan, sama ada pihak polis kita mempunyai kemampuan dalam bidang-bidang macam ini kerana kesan negatif kepada masyarakat, kos kepada masyarakat, ekoran dari berlakunya jenayah corporate yang semacam ini adalah tidak kurangnya daripada berlaku jenayah yang lain seperti mencuri ataupun pukul orang dan sebagainya.

Jadi, pihak polis kenalah mewujudkan, memang dia sudah ada dulu, dulu saya biasa tanya dia orang kata ada tetapi kawan saya dari Tambun kata semalam, begitu banyak, berbilion-bilion duit bukanlah hilang tetapi berbilion-bilion yang menjadi non-performing loans ini, takkanlah tidak ada satu, dua kes yang mana ia telah berlaku criminal breach of trust ataupun berlaku jenis-jenis fraud yang boleh didakwa kepada orang yang tersebut.

Jadi, mungkinkah pihak polis tidak mempunyai kepakaran dalam bidang ini atau mungkinkah pejabat ataupun kamar Peguam Negara tidak mempunyai kepakaran untuk meneliti bidang ini seperti kepakaran yang ada padanya untuk meneliti bidang-bidang yang lain, yang lebih bersifat kriminal yang biasa ini. Kriminal yang biasa ini kita ada pengalaman yang panjang. Jadi, kalau kita hendak pergi pada era digital age ini dengan kita punya digital signature dan segala cyber laws yang telah kita luluskan, maka hendaklah diyakinkan golongan pelabur ini bahawa pihak polis dan juga pihak pendakwaraya mempunyai kepakaran di dalam bidang yang ini.

Perkara yang akhir yang ingin saya tekankan ialah selain daripada membentuk daya saing yang tinggi, mempelajari daripada pengalaman ini, satu perkara yang serius yang kita kena tangani secara ikhlas ialah soal pembaziran dan juga soal rasuah dalam negara kita ini. Memang betul kita mengakui bahawa tidak adalah kita ini seteruk orang lain tetapi soal teruk dalam rasuah dan juga pembaziran ini, kita tidak mendapat kepuasan dengan mengatakan bahawa saya tidak seteruk orang itu. Jadi, saya okay, maknanya saya punya kudis kecil sahaja, kudis orang itu besar lagi tetapi saya ada kudis juga.

Jadi, soal pembaziran (wasteage) sama ada wasteage disebabkan kerenah birokrasi, wasteage yang disebabkan oleh kelewatan melaksanakan satu-satu keputusan dan juga soal rasuah ini hendaklah kita lakukan segala usaha untuk menghilangkan perkara ini ataupun mengurangkannya. Kerana ada satu pendapat yang mengatakan - ini berkait dengan faktor yang pertama saya cakap sebelah pagi tadi, di dalam pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat, ia mewujudkan peluang-peluang - yang dalam Bahasa Inggeris di panggil, 'rent seeking'. Jadi, kita banyak dapat orang tidak ada kerja lain, kerja dia 'rent seekers', dia mengejar rent, lobi untuk mendapat projek sebab kalau dapat projek itu, dia dapat kekayaan yang cepat.

Jadi, saya dulu sebelum masuk dalam Dewan ini antara saya punya bidang penyelidikan ialah bab 'rent seeking'. Ia ada satu teori, Tuan Yang di-Pertua kalau hadiah yang orang hendak lobi itu, katakan sejuta, kalau ramai orang hendak lobi dapatkan hadiah sejuta kadang-kadang bilangan duit yang dia belanja untuk mendapat hadiah sejuta oleh semua orang yang lobi pun sejuta juga.

Jadi akhirnya, ekonomi pada keseluruhannya mengalami apa orang kata, kerugian dari segi kecekapan. Ini kita tidak tengok lagi dari sudut moral, dari sudut nilai dan budaya kita juga salah kalau kita buat macam ini dan sesiapa yang percaya pada satu hari kelak kita semua akan mati dan diadili kelak di dunia yang satu lagi yang itu lagilah berat hukumannya. Tetapi ini dari sudut ekonomi sahaja, ketidakcekapan dan distortion yang akan diperkenalkan dalam ekonomi daripada rasuah sahaja. Kalau

ada, saya tidak berpaut langsung pada pegangan moral, kalau ada satu model efficient corruption ataupun efficient 'rent seeking', okay kalau saya tidak ada moral.

Tetapi kalau saya letak moral sebelah pun tidak ada model efficient 'rent seeking' ataupun efficient corruption. Jadi benda ini berlaku tidak seteruk orang lain, tetapi berlaku dan kita hendaklah melakukan segala usaha untuk membentaras hal ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dalam ilmu ekonomi ada satu indikator yang dipanggil investment efficiency dan mengikut kajian tidak berapa lama yang lalu ditunjuk bahawa negara-negara di far East di Timur, investment efficiency adalah sungguh rendah dan satu daripada faktor yang dikatakan menyebabkan 'efficiency'nya rendah ialah corruption. Jadi, Yang Berhormat dari Balik Pulau sebagai bekas profesor ekonomi, saya hendak tanya berapakah 'variance'nya di dalam faktor corruption ini iaitu faktor efficiency in investment yang boleh kita kaitkan dengan rasuah.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Ada, kadang-kadang bila kita invest terlalu banyak pun menjadi inefficient sebab tidak sempat hendak kita absorb macam saya kata tadi kita bubuh banyak sangat nasi dalam mulut tidak sempat hendak telan, pun inefficient juga. Itu inefficiency yang disebabkan terlalu cepat dan terlalu banyak tetapi saya hendak jawab dari segi sumbangan rasuah kepada tidak kecekapan pelaburan itu, peratusannya itu saya tidak pandai, saya tidak tahu kerana tidak ada maklumat itu tetapi yang hendak saya tekankan ialah hakikatnya benda ini berlaku dan hakikatnya kita kena melakukan sesuatu yang serius dan drastik supaya benda ini dapat dibanteraskan kerana akhirnya, Tuan Yang di-Pertua orang macam saya susah hati sebagai seorang Ahli Dewan ini ialah ini masalah khusus, masalah teknikal katakan NPL, masalah teknikal kita perbetulkan, Danaharta, Danamodal buat special purpose vehicle. Ini masalah ayam naik harga ialah satu masalah khusus teknikal, kena import ayam. Hari itu kelapa tidak ada, kena selesaikan masalah itu, company hendak bankrap, gula tidak ada dan macam-macam. Itu semua masalah yang khusus tetapi akhirnya dalam pembentukan sebuah negara bukan pembentukan pembangunan

ekonomi semata-mata. Dalam pembentukan pembangunan negara yang paling penting pada saya ialah pembentukan institusi.

Akhirnya saya datang juga ke situ dalam ucapan saya yang lepas-lepas saya tekankan yang itu juga. Pembentukan institusi-institusi masyarakat sama ada institusi ekonomi, institusi politik, institusi perdagangan yang kukuh dan institusi-institusi sebegini rupa tidak akan terbentuk dan tidak akan jadi kukuh, kuat, tidak boleh membangunkan bangsa dan negara ke satu tahap yang tinggi yang mungkin sejarah kelak akan berkata Malaysia ini merupakan satu tamadun yang tinggi kalau kita tidak sokong institusi ini dengan nilai-nilai dan budaya-budaya yang baik. Benda ini berlaku kerana segala corruption kah, salah buat keputusan kah, pecah amanah kah dan sebagainya adalah kerana nilai, kerana value sistem kita. Jadi akhirnya, kalau kita tolerate, kita layan, kita tidak menghukum dan mengenakan garisan yang jelas maka kita akan memberi signal-signal yang tidak betul kepada rakyat kita dan kepada budak-budak yang duduk di belakang, budak-budak sekolah ini semua, pada golongan yang muda kerana untuk merekalah kita duduk dalam Dewan ini hendak jadi Ahli Dewan Rakyat, kerana untuk masa depan mereka.

Kalau kita tidak membentuk perundangan dan juga dasar yang memelihara dan memupuk nilai-nilai ini dan menguatkan institusi dalam masyarakat kita maka kita tidak akan berjaya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Kita kena tackle problem satu, satu.....

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya amat bersetuju dengan pandangan itu, adakah saudara merasa terdapat satu kekosongan atau vacuum di dalam proses kita dewasa kita dan mencemerlangkan kemakmuran negara ini, terdapat satu vacuum di dalam aktiviti-aktiviti memperkaya, pemupukan budaya dan pemupukan civilization bangsa. Terima kasih.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Betul, saya rasa ada kekosongan sebab penekanan yang saya sebutkan tadi. Kita hendaklah tekan kepada pembangunan fizikal tetapi kita manusia, kita perlu macam-macam benda. Saya susah hati, saya tengok Tuan Yang di-Pertua, walaupun sekarang ini ekonomi tengah gawat, orang cakap pasal korporat-korporat ini semuanya, sebelum gawat ini pun saya tengok macam di Malaysia ini kita sudah tidak ada lagi penekanan soal kemanusiaan. Kita tengok hendak jadi kartunis, tengok lepas Lat, sebelum Lat tidak ada kartunis yang ini dan lepas Lat tidak ada kartunis yang berkaliber. Adalah dua, tiga orang yang, komik adalah tetapi yang macam Lat menerbitkan kartun masyarakat Malaysia, tidak ada.

Kita hendak lihat pelukis Ibrahim Hussin, lepas Ibrahim Hussin saya pun tidak tahu siapa dia yang boleh dibanggakan sebagai terbitan masyarakat Malaysia dalam bidang yang memperkayakan kemanusiaan manusia Malaysia ini. Jadi, budaya, literature dan sebagainya yang memanusiaikan manusia itu kurang.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau mengenai dengan budaya masyarakat Malaysia tentang amalan rasuah. Jadi, saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat tentang amalan politik wang. Adakah ia satu budaya yang sihat di mana politik kini sudah dijadikan satu arena pelaburan oleh pihak-pihak tertentu to boost, dengan izin, projek-projek melalui ADUN ataupun ADR bila dia menang nanti. Jadi, adakah ini budaya yang sihat untuk negara.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tuaran. Saya sudah cakap tadi bab rasuah, jadi Yang Berhormat pun faham apa yang saya hendak cakap, saya tengah seronok fasal soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tentang nilai dan pembentukan budaya ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengakhiri ucapan saya. Memang benar kita kena ingat akhirnya kita ini orang, kalau kita asyik tekan sangat – memang kita kena tekankan soal pembangunan fizikal, kekayaan dan sebagainya tetapi kesejahteraan satu-satu orang, ketenangan fikirannya, pembentukannya sebagai seorang manusia, sebagai satu insan bergantung kepada benda-benda lain. Tuan Yang di-Pertua pun saya tahu tulis buku, buat hobi

seperti fotografi, buat kebun sebab itu melengkapkan pengalaman kita sebagai seorang manusia, lepas itu kita boleh menjalankan tanggungjawab kita dengan baik dengan memahami manusia itu sendiri. Jadi, sekarang di Malaysia ini dan selepas ini saya harap kita tekankanlah soal-soal ini sama.

Kita bukan macam orang Penang kata, bukan kita hendak “belendiak” teruk sangat soal sastera semua ini tetapi *[Ketawa]*.....

Tuan Yang di-Pertua: “Belendiak” itu apa dia? *[Ketawa]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Bukan kita hendak, orang kata terlalu romantik tentang bab ini tetapi kalau tidak ada *[Ketawa]*.....

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: *[Menyampuk][Ketawa]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Asalkan Tasik Gelugor faham. *[Ketawa]* Tetapi kalau tidak ada langsung diperkayakan dari segi budaya dan nilai, golongan remaja kita ini, golongan budak-budak sekolah, golongan di universiti dan juga di sekolah rendah, maka tidak ada langsung kemanusiaannya. Sebab itulah kita lihat sekarang ini remaja yang merupakan majoriti rakyat dalam negara kita ini ada setengahnya – sebahagian besar, bukan kecil yang terlibat di dalam pelbagai masalah kerana ia tidak ada pengisian dari segi yang itu. Ada orang kata kita hendaklah beri pendidikan agama dan sebagainya. Itu saya setuju dan kita kena kuatkan yang itu tetapi penzahiran yang itu juga boleh kita buat dalam bentuk mereka melibatkan diri dalam usaha to humanise the human being ini dan saya yakin kalau seorang yang mempunyai humanity yang tinggi, kalau dia duduk dalam kedudukan yang dia hendak buat keputusan, kalau dia faham tentang sejarah, tentang manusia itu sendiri, dia akan buat keputusan yang baik, lazimnyalah – sudah tentu lebih baik daripada yang tidak ada pedoman dan panduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap semua ini berjaya dan saya juga berharap supaya dialog ataupun Majlis Dewan Rakyat ini lebih dijadikan satu forum untuk kerajaan atau Kabinet dapat datang untuk meminta pandangan rakyat yang disuarakan melalui mulut-mulut Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan yang lain-lain ini supaya kita adakan satu dialog dan kita tingkatkan martabat Dewan Rakyat yang

kita muliakan ini, baru ada satu usaha bersama yang bersatu untuk kita atasi masalah ini. Mengatasi masalah ekonomi ini bukan satu masalah politik, cara hendak mengatasinya boleh jadi political issue tetapi bahawasanya ini satu masalah bukan satu isu politik. Bahawasanya kita hendak mengatasi masalah ini bukan satu isu politik, caranya is the political issue. Jadi, dalam Dewan ini tidak apa kita boleh cakap tentang perbezaan di antara kita untuk mencapai matlamat yang sama iaitu untuk mengatasi masalah ekonomi ini demi untuk kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mendoakan semoga Allah S.W.T. memberi kita kekuatan dan petunjuk untuk kita berdepan dengan masalah ini dan akhirnya berjaya mengatasinya dan lebih daripada itu kita mempelajari pengajaran-pengajaran daripada pengalaman ini. Ada seorang pernah berkata apakah definisi 'stupidity' – bodoh. 'Stupidity is doing the same thing repeatedly but getting the same outcome'. Maksudnya, kita tahu kalau kita terjun kita tenggelam, kita terjun juga; lepas itu esok kita terjun lagi sekali; lepas itu kita tahu kita akan tenggelam, esok kita terjun sekali lagi. Jadi kita tidak mahu yang itu. Jadi, kita doakan semoga kita dijauhi daripada sifat yang itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada sampai pukul 4.30 sahaja. Sekarang ada 6 orang hendak berucap, bolehkah berucap pendek-pendek sedikit. Ya, Jelutong, sila, sila. Pendek-pendekkan sedikit ya.

3.17 ptg.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin dalam Dewan yang mulia ini, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri sebagai satu bahan 'fresh from the oven' ada membawa dua usul. Usul pertama adalah satu usul yang tidak berapa penting tetapi dalam usul itu pun dia buat kesilapan. Itu adalah mengenai KPN untuk menjaga supaya selama Dewan yang mulia ini bersidang tidak ada apa-apa sekatan di jalan raya untuk membolehkan Ahli-ahli Dewan ini menghadiri persidangan tetapi dalam usul itu apa yang dinyatakan adalah Ketua Polis Negara (KPN) walaupun tidak ada seorang yang ada dilantik sebagai Ketua Polis Negara. Bagi Rahim Noor sudah diputuskan 'No to Rahim'. Bagi Pemangkunya, namanya

Norian Mai tetapi sampai hari ini dia tidak 'mai' – tidak dilantik sebagai KPN. Kenapa? Kenapa dia tidak dilantik? Adakah kerajaan ada suspicion bahawa dia adalah orang Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Tidakkah perlu untuk keselamatan negara untuk mengadakan satu jawatan yang tepat? Kesilapan yang pertama bagi Menteri Dalam Negeri.

Kesilapan kedua, beliau membawa satu usul – Usul Kertas Putih mengenai status semasa ekonomi Malaysia – menyatakan ekonomi dalam negara ini pulih.

Beliau menceritakan macam-macam tetapi apa yang penting adalah bukan satu Kertas Putih tetapi satu 'rekod putih' bagi kerajaan, satu rekod putih bagi pemimpin-pemimpin dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan dengan ikhlas bahawa ahli-ahli penting dalam kabinet sekarang adalah orang-orang yang ada 'rekod putih', boleh dikatakan Ahli Yang Berhormat dari Merbok khususnya, dilantik sebagai Menteri Kewangan menggantikan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Adakah orang ini 'rekod putih'?

Tuan Yang di-Pertua, dia dilantik sebagai Menteri Kewangan atas rekod apa? Selepas pilihan raya tahun 1990, dia dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat ini bagi kawasan Merbok. Tidak nampak dia di sini, nama dia Daim tetapi saya ingat dia 'Diam'. Diam sehingga sepuluh tahun, sekarang dia muncul sebagai Menteri Kewangan, di mana dia sekarang? Adakah rekod dia putih dan bagi satu insult utama kepada Majlis Peguam dan badan-badan peguam di dalam negara ini seperti dilantik sebagai menteri untuk menjaga kepentingan undang-undang - Ibrahim Ali. Dia dikatakan seorang 'katak' [Tepuk]. Saya tidak memanggil nama-nama ini kepada dia tetapi bolehkah dia dianggap boleh diterima sebagai seorang yang boleh berdiri dalam Dewan yang mulia ini untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan undang-undang, siapa dia ini?

Baru-baru ini dia menyatakan ada satu badan yang ditubuhkan 'anti menghina oleh UMNO untuk menentukan tidak ada siapa yang menghina kerajaan atau kepimpinannya. Adakah ini untuk menakutkan rakyat dalam negara, bolehkah wujud

dalam negara ini keadaan seperti di Singapura di mana mahkamah-mahkamah diperalatkan untuk menentukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat tidak mengkritik kerajaan dan bagi Tan Sri Rahim Noor, kelmarin pihak Royal Commission ada menghantar laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong tetapi adakah satu keperluan untuk mengadakan satu Royal Commission of Enquiry dan pada 8 Januari tahun ini beliau telah meletakkan jawatan dan sebab yang diberikan oleh beliau adalah kerana dia bertanggungjawab bagi PDRM. Masa itu dia tidak mengakui bahawa beliau ada menghentam Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ketika beliau berada di bawah tahanan ISA.

Tuan Yang di-Pertua, selepas peristiwa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan dalam fikiran beliau, apa yang terjadi adalah atas provokasi atau kecederaan yang dialami olehnya adalah self-inflicted. Kenapa masa itu KPN tidak membetulkan kenyataan Perdana Menteri itu dan menyatakan apa yang disuarakan awak tidak betul, apa yang terjadi adalah provokasi 'saya yang menghentam' Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Kenapa apabila ada satu Royal Commission of Enquiry dan dalam perbicaraan itu baru dia mengakui bahawa dia ada menghentam. Adakah keikhlasan bagi seorang KPN, seorang atasan yang berpangkat tertinggi itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan oleh Yang di Pertuan Agong baru-baru ini apa yang dinyatakannya, di antara lain ialah untuk mempertahankan demokrasi. Baru-baru ini satu memorandum ada dihantar oleh Majlis Peguam kepada Perdana Menteri, yang berbunyi, "Memorandum on the repeal of laws relating to detention without trial".

Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas jika boleh saya membaca apa jadi isi kandungan memorandum itu:-

"The purpose of this memorandum is to urge the government to repeal all laws relating to detention without trial, in particular the Internal Security Act. This is in keeping with Malaysia's pledge to uphold positive universal values in all aspects of national development and for the promotion of the

rules of law, international human rights, standards and established religious values and norms.

Currently there are three major laws enforced in Malaysia which provide for detention without trial:

- (i) the Internal Security Act;
- (ii) the Emergency Public Order and Prevention of Crime Ordinance 1969; and
- (iii) the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985; and under these laws, the Minister of Home Affairs may detain a person for a period not exceeding two years on the suspicion or belief that the detention of the person is necessary in the interest of public order or security. It is significant to note that in law this is an executive detention order and not a detention pursuant to a judicial decision”.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya memorandum ini sangat panjang conclusion, the power of detention without trial remains and exception to the norms of any fair, just, equitable and democratic society. As our Prime Minister Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad is quoted in a book as having once stated dan buku itu dikarang oleh Dato’ Dr. Rais Yatim dan ini ada dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila dia menjadi Ahli Backbenchers dalam Dewan yang mulia ini dan saya, quote “no one in his right senses likes the ISA. This is in fact negation of the principals of democracy” dan orang yang perfectuate undang-undang seperti ini adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Adakah apa yang dikatakan olehnya dalam Dewan yang mulia ini, apa yang saya kodkan tadi, no one in the right senses likes the ISA, apa jadi pada ‘senses’nya sekarang? Kenapa, apabila dia ada peluang semasa dia menjadi Perdana Menteri tidak buat apa-apa untuk menentukan undang-undang ini khasnya Akta Keselamatan Dalam Negeri hendak dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu isu yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai sikap hakim yang membicarakan kes Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim baru-baru ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak membenarkan itu Yang Berhormat. Tidak boleh, Yang Berhormat. Tidak boleh melainkan

Tuan R. Karpal Singh: Bukan mengenai the decision itself tetapi apa yang dibuat olehnya khasnya kepada peguam Christopher Fernandez.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau

Tuan R. Karpal Singh: Ada menyatakan bahawa he should be shoot because he is an animal....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa perkara itu kalau hendak bawa kenalah bawa sebagai satu usul persendirian, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Kenapa Tuan Yang di-Pertua, kerana apa yang telah dibuat oleh hakim itu saya ingat tidak baik dan tidak boleh diterima

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sekiranya

Tuan R. Karpal Singh: Oleh itu saya tidak ada hasrat untuk go upon apa yang dikatakan olehnya. Tetapi saya harap apabila keputusan diberi pada 14 haribulan ini dalam kes Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Saya harap dia memberi satu keputusan yang adil, satu keputusan yang boleh diterima oleh rakyat, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin.

3.28 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyertai rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia seperti dua orang profesor yang berada di belakang ini untuk mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana berjaya meletakkan negara dalam satu landasan dan asas ke arah pemulihan ekonomi negara. Ramai sama ada analisa itu ekonomi itu tempatan atau di luar negara, semuanya rumusan mengatakan the worst is over, dengan izin ataupun, the bottom is out, dengan izin juga.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat dalam keadaan getir ada yang kata darurat ekonomi tahun lalu, kita berhadapan dengan tukaran wang asing yang tidak menentu, kos pinjaman sampai lebih 20%, mana-mana ahli perniagaan berjumpa dengan bank-bank dan bank-bank tidak mampu memberikan pinjaman. Maknanya ekonomi negara dahulu lumpuh, Alhamdulillah marilah kita bersyukur keadaan yang gelap, bermasalah sudah berada di belakang kita.

Syabas kepada Perdana Menteri dan juga kepada Yang Berhormat Tun Daim sebagai Ketua Eksekutif MTEN kerana mencana dan merancang pemulihan

ekonomi negara dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membentangkan Kertas Putih semalam.

Yang Berhormat Tanjong memang pandai dia puji perlantikan, dia pandailah, dia belajar daripada Ketua DAP Pulau Pinang baru Jelutong. Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada perlantikan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Umumnya Tuan Yang di-Pertua, parti pembangkang – saya baru membaca *Hansard* ucapan Yang Berhormat dari Tanjong tebal bermuka-muka, dari awal tidak ada lain cuba dalam suasana sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ramai para analisa politik mengandaikan pilihan raya tidak lama lagi. Bermakna Tanjong sudah sepak mula pilihan raya. Dia akan saizkan the present dalam Dewan ini termasuk daripada PBS itu ke arah pilihan raya. Tuaran telah kalah ini, dia nampak rendah sedikit, kalau dulu garang bercakap tetapi sejak kalah dia rendah sedikit suaranya, kerana sepak mula pilihan raya akan datang termasuk Jelutong, ia terpaksa sebagai ketua DAP Pulau Pinang yang baru.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana berjaya dalam pilihan raya baru-baru ini di Sabah. PBS....

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Memang dia bangun, nanti saya tidak habis dulu, selepas ini saya akan bagi, dia memang tidak boleh terima tadi persoalan yang dibangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dia tidak bagi jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Persoalan yang dibangkitkan kepada Balik Pulau, kononnya dia bukan kalah tetapi menggunakan benda-benda lain. Memang PBS tidak boleh menerima kekalahan beliau. Rakyat telah menunjukkan bahawa rakyat bersama dengan kerajaan, ditunjukkan di Sabah.

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Jelutong duduk dulu. Ketua DAP Pulau Pinang duduk dulu, sampai masa nanti saya akan bagi. Saya rasa

bahawa rakyat akan terus memberikan sokongan kepada kerajaan dalam pilihan raya akan datang di Semenanjung pula.

Mengapa saya kata bahawa ini sepak mula pilihan raya. Perkataan yang digunakan oleh ketua pembangkang – saya baca *Hansard* ini, bahawa dia menuduh kita menipu rakyat. Yang kedua dia kata, “Kerajaan telah merompak bank”, ini what kind of comment, dengan izin. Katanya adalah pertanggungjawaban sebagai bangsa Malaysia tetapi hujah-hujah yang sebegini nampak hujah sepak mula pilihan raya. Betul, it is not even flip, dengan izin, untuk dihujah di Dewan yang mulia ini. Dewan yang mulia ini dianggap hujah-hujah bernas dari Tambun, Balik Pulau dengan falsafah dan teori ekonomi dan lain-lainnya.

Semacam ucapan ini telah disediakan, Tuan Yang di-Pertua, sebelum kerajaan mengumumkan membentangkan Kertas Putih – dia dah standby, sepatutnya digunakan untuk ucapan terima kasih kepada Agong. Ini nampak macam – DAP singkat, ini mungkin Jelutong boleh membelanya misalannya dia menuduh konon-konon yang merosakkan ekonomi negara ini bukan George Soros, saya hendak tahu mungkin DAP terlalu baik dengan George Soros ini, mungkin George Soros ada bagi bantuan kepada DAP ini, tidak?. Dia puja sangat DAP ini, mungkin PBS, Soros ada beri wang, yang memuji-muji....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Peraturan mesyuaratkah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini orang kata kalau tidak makan cili dia tidak rasa pedas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sekejap. Ada peraturan mesyuarat nampaknya. Ya, Tuaran,

Tuan Yunof Edward Maringking: Peraturan 42.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya sebutkan, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(6) “Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain..”

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bertanya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Rompin, duduk dulu, saya akan buat keputusan. 36(6) sangkaan jahat, walaupun tadi saya rasa Yang Berhormat Rompin bangkitkan dua, tiga contoh yang bersabit dengan pilihan raya negeri Sabah dan sebagainya, saya rasa ini bukan perbahasan atas Titah Diraja, saya faham tetapi saya minta Yang Berhormat khususkan ucapan Yang Berhormat kepada isi kandungan Kertas Putih dan usul yang berkenaan, bukannya politik kepartian yang jadi bahan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya akur tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengulas hujah Tanjong, tidak lebih daripada itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau hendak petik sebagai contoh....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:sepintas lalu tidak mengapa, tetapi jangan tumpukan kepada itu sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay, saya setuju, dia ini macam makan cili – rasa pedas. Saya berkata begitu di dalam ucapan Yang Berhormat Tanjong, dia tidak dapat menerima bahawa ekonomi negara kita sudah pulih. Semua unjuran yang ada – yang kita lihat menunjukkan ekonomi kita sudah ke arah pemulihan. Kalau kita tengok dari segi indeks-indeks yang ada tidak perlu saya hendak ulas apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi ini DAP tidak boleh menerima. Sebab itu saya menyatakan bahawa DAP ke arah untuk merancang kepada pilihan raya. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua minta saya pergi kepada isi, saya terus kepada isinya. Kalau tidak nanti, kalau hendak tanya boleh saya beritahu tentang Jelutong – bagaimana dia jadi Ketua DAP Pulau Pinang dengan buang semua orang DAP di Pulau Pinang – mana ada demokrasi, cakap sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak berbalik kepada isi sebab Tuan Yang di-Pertua menasihatkan saya pergi kepada isi, saya hendak pergi kepada isi sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baiklah, dia tidak beri jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh saya hendak sebut nama-nama yang dibuang di Pulau Pinang, boleh, hendak cabar, saya boleh sebut – nama-nama DAP yang dibuang di Pulau Pinang, semuanya ada di sini. Saya malam tadi baca benda ini, tetapi nanti saya bawa dalam Usul ucapan terima kasih kepada Agong. *[Disorak]* Ada semua nama, nantilah saya baca kemudian, habis masa saya sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Jelutong bangun lagi, Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti, nanti, biar sebut nama dulu - Liew Ah Kim, Wee Choo Keong, Fu Ah Kiow, *[Disampuk - bukan dari Pulau Pinang]* ada sebut nama Pulau Pinang, ada, tunggu, Pulau Pinang ada, tunggu ini dia, dia punya State Youth Pulau Pinang, Pengerusi, Biro Politik dan Pendidikan – Bala Sundram – betul tak, baru senyap. Buang-buang semua – dia jadi ketua – ha, itu demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa terus berjalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak berbalik terus kepada asas pelan pemulihan. Saya....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Jelutong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak bagi, lepas saya habis isi, saya bagi kemudian.

Tuan R. Karpal Singh: Ada senarai tadi nama-nama, pertama Liew Ah Kim, Liew Ah Kim bukan dari Pulau Pinang, dia dari Selangor, Bala Sundram bekas pengerusi Pulau Pinang – belum dipecat – tiada apa-apa tindakan diambil terhadap dia. Angka-angka yang disebut tadi tidak tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau hendak beri penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu penjelasan daripada dia sekarang. Ada yang menyatakan tadi Barisan Nasional menang – dia ada menyatakan itu – menang di Sabah. Adakah dia mengetahui bahawa Barisan Nasional tidak menang majoriti, hanya 46.6% sahaja dia menang. Itu bukan majoriti. Majoriti ialah lebih daripada 50%. Adakah mengetahui itu semua?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Lain dia pergi, ingatkan dia tanya hal Pulau Pinang. Saya balik kepada isi kandungan saya. Satu lagi perkara yang cuba dibangkitkan oleh Tanjong ini bahawa apa usaha yang dibuat hanya membela yang besar, yang kecil tidak, ini tidak benar khususnya saya tahu macam peruntukan SMI, peruntukan yang lain-lain ada juga diberikan kepada orang ramai tetapi saya akan hujah selepas ini.

Berbalik kepada pelan pemulihan, seperti yang saya nyatakan tadi semua kita tahu bahawa usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan telah meletakkan asas yang kukuh untuk kita benar-benar pulih dan dijangkakan pada tahun ini kita telah mendapatkan pertumbuhan 1% dan insya-Allah nasib yang baik hingga ke 2% dari segi pertumbuhannya. Memang seperti yang saya katakan tadi umum telah mengetahui bahawa kita telah keluar daripada masalah yang kita hadapi seperti yang kita hadapi pada tahun lalu tetapi kita semua tahu kalau tanya tentang IMF, memang mereka tidak mahu terima bahawa kita telah berjaya. Saya ada sedikit dalam surat akhbar – ini bukan kita yang cakap – Jepun, dengan izin.

Japan slammed IMF for mishandling of Asian crisis. Ini Jepun yang mengatakan cara pendekatan IMF itu salah dan juga ia mengatakan di sini cara kita buat itulah cara yang mungkin unconventional itu telah menyelamatkan kita. Ini yang sebenarnya DAP tidak boleh terima dan begitu juga dari segi ratingnya. Di sini kita ada melihat bahawa rating Malaysia pun sudah dinaikkan daripada dahulu. Ini Malaysia voice for credit rating upgrade. Itu juga menunjukkan satu asas lagi bahawa tindakan kerajaan benar-benar sudah membawa kita kepada asas yang kukuh kepada pemulihan ekonomi.

Kita juga mengucapkan syabas kepada kerajaan strategi untuk menggerakkan ekonomi yang baik ini ialah kita menggunakan cara public sector lapse kind of growth, dengan izin. Public sector lapse kind of growth, ini merupakan satu dasar baru. Kalau dahulunya merupakan Rancangan Malaysia yang dua, tiga pelan yang lalu, kita telah menggunakan dasar di mana pihak swasta yang akan menggerakkan pertumbuhan kita. Oleh kerana sekarang ini swasta menghadapi masalah sebab itulah kita merasakan usaha kerajaan menggunakan public sector untuk menggerakkan pertumbuhan kita kembali supaya benar-benar kita boleh pulih nanti, adalah satu tindakan, satu usaha yang baik.

Sebab itulah kalau kita lihat dari segi statistik yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dari segi jualan kereta, dari segi jualan rumah dan baru-baru ini Tenaga Nasional, ini telah menunjukkan bahawa penggunaan kuasa telah meningkat kepada yang tertinggi dahulu. Ini telah sedikit sebanyak peningkatan juga dari segi bursa saham dan lain-lain jelas menunjukkan bahawa ekonomi kita ke arah pemulihan yang kita semua amat bangga sekali. Tetapi seperti yang saya katakan tadi IMF memang tidak boleh menerima. Ia konon-kononya mengatakan bahawa satu negara di utara, Thailand kononnya lebih baik daripada kita. Apa lebih baik daripada kita sebagai bandingan NPL mereka 40%, 50%, kita hanya 15% sahaja.

Jadi jelas dan begitu juga kita di Malaysia ini mempunyai komitmen yang satu untuk menggerakkan, memulihkan ekonomi kita. Di sana tidak, penyusunan semula bank tidak sebaik prestasi seperti yang kita buat. Tetapi IMF, memanglah kita tidak menggunakan prescriptcy mereka, kita bukan 'darling' mereka sebab itu mereka enggan memuji kita, memuji Thailand, negara-negara yang mereka bantu yang merupakan 'darling' ataupun anak kesayangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada isu tadi bahawa untuk hendak menggerak ataupun to stimulate the supply side of the economy ini, kita mesti bergantung kepada kerajaan, sebab itulah dalam Pelan Pemulihan Ekonomi di bawah Kertas Putih ini disediakan RM7 bilion untuk tambahan peruntukan, RM5 bilion untuk dana

pembangunan infrastruktur. Makna wang sekarang ini sudah disediakan oleh kerajaan untuk dimasukkan dalam sistem ekonomi kita untuk menggerakkan ekonomi kita, alhamdulillah.

Namun demikian, seperti apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam membentangkan Kertas Putih semalam, ia bergantung kepada pelaksanaan. Projek-projek yang telah diketengahkan oleh kerajaan sama ada dibiayai oleh sumber dana tempatan ataupun pinjaman seperti peruntukan yang baru-baru ini kita dapat daripada Bank Dunia (World Bank) sama ada projek ini dapat dilaksanakan. Kalau dahulu penggeraknya swasta sudah semestinyalah productivity efficiency swasta itu penting untuk memastikan penggerakan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tetapi sekarang ini kita beralih kepada cara lama, kadar dahulu iaitu bergantung kepada kerajaan, bergantung kepada public sector untuk menggerakkan ekonomi kita. Bermakna sekarang pegawai-pegawai kerajaan, public service ini merupakan satu instrument yang amat penting sekali. Sebab itulah rayuan saya supaya efficiency dalam pentadbiran kerajaan ini diperkukuhkan supaya dapat dilaksanakan projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan supaya menjana pertumbuhan yang hendak diharapkan.

Saya bimbang sedikit sebab masih lagi kita dengar projek-projek yang sudah ditender tetapi kontraktor-kontraktor masih lagi merayu, terbaca melalui akhbar, payment mereka lambat, progress payment mereka lambat diproses. Saya hendak bertanya sedikit, setakat ini bagaimana pihak kerajaan, berapa peratus daripada peruntukan yang kita sudah lulus itu telah dibelanjakan? Kalau misalannya hanya 2%, 3% sahaja, sepatutnya kita sudah tiga bulan – $\frac{1}{4}$, bermakna hujung bulan tiga sekurang-kurangnya 25% peruntukan kerajaan yang diluluskan sepatutnya dibelanjakan.

Bermakna kalau kita tidak dapat belanjakan hanya kalau 2%, 3%, 4% sahaja bukan 20% ke atas makna kita sekarang tinggal lagi sembilan bulan untuk membelanjakan 100%. Lepas itu kalau kurang tinggal lagi lapan bulan, tujuh bulan,

enam bulan untuk membelanjakan. Ini nanti akan memberikan kesan kepada unjuran pertumbuhan kita sebab kerajaan sudah beri wang, sudah restrukturkan bank, pihak swasta sekarang sanggup ketengah untuk menggerakkan ekonomi negara tetapi kalau peruntukan ini sudah turun ke bawah, saya bimbang nanti kerana dahulu proses pertumbuhan ekonomi menggerakkan projek-projek, menggerakkan ekonomi negara kita bergantung kepada swasta, kita balik semula penggunaan menggunakan kerajaan sama ada di Jabatan Kerja Raya misalnya, cukupkah QS? Cukupkah engineer? Kadang-kadang wang sudah ada tetapi untuk mereka bentukan engineer tidak cukup, sebab QS tidak cukup sebab apa? Ini pun atas kejayaan dasar kita juga.

Kita gerakkan swasta, semua designers yang baik pergi masuk swasta bukan buka syarikat perunding mereka sendiri, mana engineer yang minat berniaga mereka jadi pemborong sendiri, bermakna kehakisan, keupayaan dalam kerajaan itu dari segi kepakarannya bukan salah mereka tetapi oleh kerana dasar yang dahulu membawa mereka ke swasta, saya bimbang nanti orang kata macam ada sedikit kekurangan bukan dirancang tetapi kerana dasar kita yang dahulu.

Oleh kerana itu, saya minta kerajaan mungkin dalam melaksanakan projek-projek ini kalau benar-benar katalah badan pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya tidak cukup tenaganya dari segi mereka bentuk, memproseskan payment mengapa tidak gunakan QS luar, menggunakan perunding, designer luar, kalau benar-benar kita tidak mempunyai jumlah jurutera, quantity surveyor yang mencukupi bukan salah mereka, salah jabatan itu kerana tidak mencukupi dari segi jumlah orang yang mampu untuk mengendalikan kerja ini.

Kalau dapat ditambahkan kekurangan yang mungkin ada dalam keadah kita melaksanakan projek ini, insya Allah nanti kita akan berjaya untuk mendapatkan pertumbuhan 2% yang kita rancangkan, juga saya minta dalam isu permasalahan pelaksanaan ini kalau ada kekurangan tenaga dari segi jumlah, kualiti dan kuantitinya, ia juga memberikan kesan kepada pengusaha-pengusaha sendiri, pemborong, baru-

baru ini saya sempat berbincang dengan Persatuan Pemborong, mereka juga melahirkan bukan sahaja kalau projek itu lambat diterima dia akan menyusahkan dia tetapi juga akan mengakibatkan kos yang lebih tinggi, interest charges, dengan izin, bila lambat dibayar, lebih banyak interest untuk dibayar kepada bank, itu yang pertama.

Yang kedua, akan meningkat kos, merendahkan margin projek-projek mereka ini. Sebab itu saya nampak bahawa kerajaan kita mengucapkan syabas kerana menggerakkan ekonomi dengan pendekatan menggunakan public sector lapse growth ini tetapi saya minta supaya jentera kerajaan itu sendiri, kalau ada kelemahannya, kekurangannya kita tingkatkan dengan menggunakan kepakaran-kepakaran yang ada sama ada di dalam jabatan-jabatan kerajaan yang lain ataupun menggunakan juga kepakaran yang ada di dalam swasta.

Pokoknya kita mahu peruntukan kerajaan yang dirancangkan RM70 bilion masa dalam 2 tahun ini supaya benar-benar dapat benar-benar dilaksanakan, menjanakan pertumbuhan supaya manfaatnya dapat sampai kepada orang ramai, sampai kepada seluruh rakyat sama ada dari sektor pemborong, pekerja binaan, mereka yang terlibat dalam industri pembuatan barang binaan, semua kita hendak supaya triple effect ini, memanfaatkan turun ke bawah ini sampai ke rakyat jelata yang dahagakan pembelaan terutama dalam suasana ekonomi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya menyentuh ialah tentang dasar kewangan

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,
Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan, dengan hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kekurangan jentera kerajaan yang menyebabkan pelaksanaan projek-projek kerajaan nampaknya begitu lewat dilaksanakan. Selain daripada kekurangan jentera, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya prosedur yang wujud di dalam jabatan kerajaan ini dikaji semula seperti prosedur tender sebagai contoh?

Kadang-kadang kelulusannya sudah ada, tendernya 6 bulan baru hendak masuk surat khabar. Sudah masuk surat khabar, 3 bulan tidak jalan lagi, jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan prosedur sebegini dikaji semula dan kalau boleh jabatan kerajaan betul-betul peka sebagaimana arahan pemimpin kita supaya jangan terlalu banyak redtape dalam melaksanakan projek yang telah ada peruntukan ini?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, saya setuju benar dengan Tanjong Karang. Selain daripada guna tenaga itu sendiri kita tingkat kuantiti dan kualiti tetapi sistem proses itu sendiri. Amat baik sekali Tanjong Karang, alhamdulillah, macam ini Tanjong Karang tidak ada masalah dalam pilihan raya akan datang, Ahli Parlimennya amat sensitif dan budaya tinggi, syabas. Tetapi dia tidak dalam Pemuda, kalau Pemuda dia boleh gentar Pemuda, tidak ada takut perasaannya.

Saya bersetuju, terima kasih, Tanjong Karang. Berbalik kepada kita mengucapkan syabas kepada kerajaan dalam menyusun semula, mengukuhkan sistem kewangan negara kita, kita telah kurangkan NPL kepada 3 bulan, kita tambahkan liquidity dalam pasaran dengan kita menetapkan currency kita, semua kos untuk ahli perusahaan, dia tahu kosnya, dia boleh menganggarkan kos mereka, dengan kos yang begitu rendah ini mampu mereka bersaing di pasaran dunia, syukur

alhamdulillah. Tetapi saya hendak bertanya sedikit sebab kita dengar bila negara-negara jiran melihat kejayaan kita dengan menetapkan exchange rate kita, dengan izin, tetapkan pertukaran wang asing kita, kita boleh turunkan interest rate kita, mereka pun turun juga. Saya hendak bertanya sama ada kerajaan akan turut mengkaji semula, adakah ruang untuk melihat kembali tentang kadar BLR kita ini. Saya hendak bertanya sama ada kalau kita kaji kembali dengan persekitaran negara-negara di Asia ini seperti negara jiran, adakah elok kalau kita kaji kembali kalau kita perlu turunkan untuk menggerakkan lagi sektor ekonomi ini di negara kita ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh sedikit, ini tuduhan daripada pembangkang, dia kata kita tidak buat langsung untuk rakyat umum, dia kata yang kita bela 1, 2, 3. PAS pun dia tumpang lagu yang sama, saya tidak tahulah, saya dengar cerita baru-baru ini Jelutong ada minum teh dengan PAS. Betul Jelutong dengan PAS, mungkin ada rancangan untuk PAS dengan DAP bekerjasama, mungkin hendak satukan parti mereka berdua, saya tidak tahulah. PBS pun mungkin hendak bersama sekali dengan PAS, di Sabah pun kita dengar cerita ada kerjasama sedikit PAS dengan PBS ini. Saya menolak sekeras-kerasnya yang mengatakan bahawa kerajaan hanya membantu yang besar sahaja. Ini merupakan tahun pilihan raya, dalam jangka 12 bulan lagi kita buat pilihan raya, memang ini sepak mula politik. Kita terima tetapi hakikatnya bahawa itu tidak benar, bukan saya memihak mana-mana. Misalnya diberikan contoh dia katakan kalau bailout itu, bailoutlah setujulah tetapi yang besar 8, 10 orang disebutkan Renong, apa lagi syarikat-syarikat yang besar. Saya hendak minta penakrifan dalam Bahasa Malaysia, menyelamatkan itu bukan bailout. Bailout itu kalau kita menggunakan wang rakyat, okay. Tetapi apa skim-skim yang dibuat ini tidak menggunakan tax payers' money seperti yang dituduh dalam *Hansard*, dalam ucapan Tanjong mengatakan Renong menggunakan RM8 bilion duit tax payers, tidak.

Ini rakyat menggunakan plus bond itu hak dialah menggunakan untung dia yang akan datang tetapi hakikatnya bahawa Barisan Nasional sensitif kepada semua pihak terutama sekali yang kecil, yang sederhana.

Baru-baru ini satu seminar telah dibuat, seminar yang dibuat khas untuk melihat yang lapan tabung semua sekali yang dikeluarkan untuk membantu pengusaha-pengusaha dan khas untuk SMI kecil dan sederhana RM1.5 bilion. Itu untuk SMI dan satu lagi untuk TIKS Tabung Pemulihan IKS RM750 juta sudah dikeluarkan. Tetapi kerajaan sendiri menzahirkan perasaan tidak puas hati. Walaupun tabung ada tidak sampai. Satu seminar khas telah dibuat dan Tun Daim sendiri mengeluarkan satu kenyataan tidak puas hati bahawa wang ada tak sampai. Sebagai contohnya yang dikatakan tidak sampai ini ada orang kata yang sedap didengar tetapi tak dapat dirasa, ada. Kita pun kritikal juga, tetapi menolak bahawa mengandaikan bahawa apa yang setiap ringgit yang dikeluarkan hanya membantu yang besar yang kecil tidak dibantu, ini cheap politiklah. Tanjong ke Jelutong ke is a very cheap politiklah.

Sebab itu dalam kesempatan ini saya juga meminta kalau peluang yang ada ini supaya dalam tabung SMI ini kerajaan sudah mengeluarkan peruntukan yang besar, saya minta sedikit Kementerian Kewangan kaji kembali cara kita menyalurkannya. Lama nanti DAP kawan-kawan saya sebelah sana kadang-kadang di Rompin pun dia datang dia gendang. Dia gendang kata kita kerajaan tidak buat apa-apa kepada yang kecil dan sederhana, yang dikata tolong ialah ikan besar-besar sahaja. Yang sebenarnya kerajaan tidak buat. Tetapi oleh kerana tidak sampai itu kadang-kadang orang terpengaruh sikit dengan dakyah-dakyah dari belah sana itu. Saya katakan dakyah. Oleh kerana itu saya minta macam contoh tabung TIKS - Jerantut ada di sini. Tabung TIKS ada RM750 juta, tetapi yang dikeluarnya hanya RM20 RM30 juta sahaja. Yang sebenar kerajaan sudah ada duit menunggu RM750, tetapi tidak keluar. Bukan kerajaan tidak buat, sudah buat, tetapi saya minta kalau boleh dikaji kembali proses cara untuk membantu ini. Kalau sistem yang ini adalah melalui bank, dan kalau sudah ditegur oleh Menteri Kewangan I, kalau bank ini masih lagi tidak

dengar-Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada tanda syabas Yang Amat Berhormat, tahniah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Minta calon balik ya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Yang Amat Berhormat dari Tuaran itu suara dia pun tidak tinggi sebab Sabah sudah kalah. Dia malu benar kekalahan Sabah, sebelum pilihanraya bukan main besar cakupannya. Suara sudah tak naik suara dia rendah, slow, kalau dulu nyaring, Yang Amat Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Teluk Intan bangun

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah dulu, saya nak balik kepada SMI tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Peraturan mesyuarat

Tuan M. Kulasegaran: Sebelum ini Tuan Speaker telah memberi arahan bahawa semua yang ingin berucap memendekkan supaya enam orang yang ada itu dapat masa dan yang ini, saya dengar merapu-rapu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Peraturan mesyuarat yang ke berapa?

Tuan M. Kulasegaran: 36, sebelum ini Tuan Speaker telah membuat arahan sedemikian.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tapi dia tak ikut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baik Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Sebenarnya Peraturan Mesyuarat 36 itu tidak ada kena mengena dengan apa Yang Berhormat sarentan. Tadi, Yang Berhormat, saya rasa keputusan yang dibuat sebelum ini memang cukup jelas Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya saya menumpu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Cuba padatkan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya teruskan kepada IKS Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada bersama kita. Keluhan

daripada masyarakat yang kecil dan sederhana mereka amat bangga seronok bila mendengar dana-dana besar yang dikeluarkan. Tetapi kalau misalnya bank-bank ini masih lagi tidak dengar teguran daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang pertama, elok kita salurkan wang itu kepada badan-badan yang lain. Tadi kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, orang kata Pak Lah, kita kena belasahlah. Yang sebenarnya kita buat tetapi yang masalahnya proses itu bukannya apa political will itu ada sudah kita buat tetapi proses perlaksanaannya yang terjejas yang itu dibuat modal oleh sebelah sana. Sudahlah sekarang ini setiap malam berarak ini.

Yang keduanya tentang isu lain, kita ada sosial safety netnya, ini sama sahaja ini. Ini masalah berduanya siapa antara dua ini ambil alih ketua parti DAP ini. Antara Jelutong dengan*[ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun, Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Beralih kepada sosial ...masa tak ada, duduk dulu. Saya rasa Jelutong tidak ada masalah dia mesti ambil orang daripada bangsa China juga saya rasalah. Sebab DAP begitu, Jelutong tak usah harap.

Dr. Tan Seng Giaw: Tertib mesyuarat 36(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya

Dr. Tan Seng Giaw: Saya dengar daripada luar lagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Duduk dulu Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya daripada 36(1) ini seseorang itu mesti menumpu kepada perkara yang dibangkitkan, tetapi di luar merayau-rayau sehingga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak berminat lagi. *[Dewan ketawa]*.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inilah yang buatnya dia selamat dalam DAP itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya rasa masa tidak cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya lima minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Saya rasa masa tidak cukup, kalau kita cuba hendak membolehkan tetapi lain untuk berucap.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya Tuan Yang di-Pertua lima minit sahaja, ada dua perkara sahaja. Saya hendak balik kepada isu sosial safety net, kita ada hardcore poor, dengan izin, ini yang betul-betul miskin. Saya difahamkan satu dasar kita minta satu badan seperti FELDA, badan-badan agensi yang berjaya di negara kita supaya mengadakan skim anak angkat di hardcore poor ini. Ini satu strategi yang baik saya minta supaya dapat diteruskan. Yang hardcore poor yang betul PPRT ini, kita minta target marketing ambil satu persatu letak di bawah agensi tertentu supaya mereka ini dikeluarkan daripada hardcore poor ini.

Yang keduanya, kita masih ingat zaman kemelesetan yang dahulu. Kita ada untuk siswa-siswa kita yang baru balik yang tidak ada kerja ini, kita ada barikan gaji RM500 sebulan untuk mereka sementara ekonomi pulih. Saya minta juga kerajaan timbang adakah skim yang seperti yang kita buat dahulu boleh kita timbang sekarang ini. Seandainya kalau ada anak-anak muda kita yang balik ramai belum dapat kerja dan sementara menunggu ekonomi yang pulih mereka ini diletak di skim yang sama seperti yang kita buat dahulu.

Satu lagi tentang pembangunan usahawan bumiputera ini saya minta juga bahawa dalam suasana begini ada peluang, bukan tidak ada peluang. Ramai bumiputera yang ada kepakaran dalam pengurusan, ada kepakaran dalam pasaran, ada kepakaran dalam produk, mereka ini mahu berniaga tetapi tidak ada modal. Saya minta juga kalau dilihat balik konsep venture capital ini. Mengapa tidak venture capital bawah PUNB atau juga bank-bank komersial mencari mereka ini, pengusaha-pengusaha yang baru menjelma ini di mana mereka mendapat kepakaran 10 - 15 tahun yang dahulu tetapi mereka boleh berusaha kerana mereka ini ada kepakaran pengurusan, kewangan,

pasaran dan produk mereka ini mampu juga dibiayai, dibantu untuk menggerakkan juga sebagai satu kelompok-kelompok baru dalam pembangunan usahawan.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara saya sentuh sedikit sahaja sebab masa sudah banyak. Ini tentang satu lawatan Conventional of EEC, dengan izin, Leong Britain baru-baru ini. Mungkin kita tidak banyak dengar, tentang Multilateral Agreement on Investment. Saya risau sedikit baru-baru ini saya ada baca sikit pandangan-pandangan yang dibuat oleh satu tokoh Martin Khoo namanya, ini bukan orang politiklah, orang Pulau Pinang tahu. Dia sebagai Pengerusi Pengguna Pulau Pinang, saya ingat Jelutong tahu, kalau saya code orang politik Jelutong kata saya ini main politik. Tetapi dia kata, kalau benar kalau kita sign agreement ini, Multilateral Agreement on Investment ini bermakna almost kita hilang sovereign right kita. Bermakna dia akan semua pelabur-pelabur yang datang ke mari kita tidak boleh mengawal mereka. Kalau dia nak beli satu syarikat itu 100 peratus, kita kena beri, lepas itu pula tidak ada pertimbangan tempatan langsung.

Bermakna kita yang menakutkan sekali, ini saya minta penjelasan sedikit daripada MITI bahawa government procurement, sistem pembelian negara kita juga dia kata hendak transparent supaya kalau ada tender, bila dia masuk bersaing dengan kita tidak ada kelebihan diberi kepada tempatan. Juga tidak dibenarkan meletakkan supaya kalau kerja-kerja tender-tender itu digalakan penggunaan barangan tempatan, menggalakan penggunaan tenaga tempatan, tidak ada. Dan yang paling saya membimbangkan Kertas Putih ini, procurementlah. Yang membimbangkan bahawa kalau mereka tidak bersetuju dengan kita, mereka berhak membawa kepada International Court dan kalau kita kalah dia menang dia boleh mengarahkan kerajaan kita ubah sistem procurement kita, ubah kalau kata tender itu dimenang oleh orang ini, dia boleh ubah kepada yang lain. Ini saya minta sedikit mungkin kemudian dapat diulaskan oleh MITI tentang perkara ini yang saya dengar kita amat bimbang kalau kita terpaksa tandatangkan persetujuan kita dalam perkara ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan syabas kepada kerajaan, syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang

membentangkan Kertas Putih. Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana jelas dalam kertas yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat, ekonomi kita sudah mula pulih. Marilah kita betul-betul sekarang kita berdoa supaya kita benar dapat keluar daripada keadaan yang kita ada mulai tahun lalu supaya benar-benar ekonomi kita pulih seperti biasa, supaya dapat kita menggerakkan tenaga kita, peranan kita supaya Malaysia benar-benar kembali pulih sebagai ekonomi negara yang berjaya. Sekian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Saya benarkan seorang lagi berucap sebelum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab. Mengenai masa itu, Yang Berhormat dinasihatkan supaya menamatkan ucapan Yang Berhormat sebelum 4.30 petang. Kubang Kerian.

4.10 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Terima kasih. Kalau saya habis cepat saya beri kepada Teluk Intan sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih ekonomi, status ekonomi Malaysia yang dibentangkan, alhamdulillah dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri mewakili Perdana Menteri yang sedang uzur. Kita berdoa semoga supaya Perdana Menteri agar cepat sembuh dan kembali bertugas seperti biasa untuk mengepalai Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ikhlas, memang dalam mengembangkan ekonomi, keamanan negara adalah di antara faktor yang paling besar, kestabilan politik, keamanan negara adalah cukup penting. Setiap sesuatu yang menimpa sesuatu kaum dia effect kepada kaum lain. Saya tidak setuju misalnya orang menganggap masalah babi, itu masalah orang Cina, ia masalah semua kaum. Dalam *Internet*, kita baca berita bagaimana orang maki hamun Pak Lah, kononnya Menteri 'Babi'. Ini golongan-golongan yang jahat yang meletakkan Timbalan Perdana Menteri begitu hina. Ya, sungguh, [*sampuk*] yang maki itu kita tahu mereka dahulu adalah kebanyakannya UMNO belaka. Kami daripada PAS tidaklah bersikap begitu.

Tuan Yang di-Pertua, ini masalah umum, pelancong kurang datang kerana diberitakan di luar negeri babi berada di keliling KLIA. Tadi saya jumpa orang di Union Hotel, mereka kata pelancong ke hotel sekarang kurang kerana masalah babi diberitakan di luar negeri. Oleh itu ia effect pelancong dan ekonomi, maka ia adalah masalah negara bukan masalah kaum tertentu cuma bahasa sahaja kita ubah dahulu dipanggil 'khinzir' sekarang 'babi', sebab hendak panggil khinzir payah. Kalau 'gila babi' tak akan kita hendak kata 'gila khinzir', begitulah juga 'membabi buta' tak akan 'mengkhinzir buta' [*Ketawa*], akhirnya balik kepada bahasa 'babi'.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan ekonomi menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu bila rakyat semua tidak puas hati, setiap kaum tidak puas hati itu menandakan keadilan atau semua kaum puas hati ia menandakan keadilan. Ini pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bila semua kaum tidak puas hati artinya semua kaum apa yang dia hendak dia tidak dapat, maka itu keadilan menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apa yang kita lihat sekarang ini, dalam usaha pemulihan ekonomi pihak pemerintah lupa asas-asas perdamaian, asas-asas kestabilan, apa yang berlaku di Indonesia, pengajaran kepada kita. Bila sesuatu kaum terlalu kaya, bila sesuatu agama monopoli dalam pentadbiran suatu kaum, suatu puak lain tidak puas hati, akhirnya berlaku rusuhan yang tidak henti-henti sekarang sama ada di Aceh, Ambon dan Kalimantan.

Kita memahami peristiwa itu pada tahun 1969, tidak siapa di antara kita mahu peristiwa itu berulang. Di antara punca peristiwa itu, tidak seimbang pendapatan, sosial dan juga peluang-peluang meningkat dalam ekonomi. Selepas 13 Mei disusun semula perkara itu, lahirnya Dasar Ekonomi Baru di mana dasar untuk membantu golongan yang tertinggal khususnya, kebetulan bumiputera dan juga membantu orang-orang yang tidak maju. Kaum lain berkorban kerana mereka tahu keamanan perlu ada pengorbanan.

Dasar-dasar itu mula dilupai sekarang, kita lihat sekarang pindaan Akta Pendidikan, orang mula merasai peritnya sekarang. Itu baru mukadimah, tiga tahun atau empat tahun ia berjalan. Bagaimana lima, enam tahun lagi, peritnya telah mula

dirasa bila anak mereka masuk masuk prauniversiti ataupun kolej-kolej swasta. Kurangnya biasiswa, bantuan, ini mula dirasakan oleh orang ramai sekarang. Pindaan Akta Tanah untuk cepat maju mula dirasakan hilangnya tanah-tanah FELDA. Untuk maju cepat dihapuskan levi perumahan, kuota dan sebagainya. Ini menyebabkan orang kaya boleh beli sebanyak-banyak mana yang dia mahu. Penghapusan atau mulanya menjual hak-hak bumiputera, ekuiti bumiputera dalam industri mula dirangsangkan sekarang, maka ekonomi yang hendak dipulihkan sekarang ialah ekonomi pra 1969. Pra 1969 ini merbahaya kerana orang kaya sewenang-wenangnya akan monopoli kekayaan yang telah dijelaskan tadi sedikit sebanyak oleh Balik Pulau dan orang miskin akan merasai mereka mula ditindas.

Apabila mereka sudah tidak puas hati suatu perkara, sebenarnya tidak perlu ejen-ejen hasutan, rakyat sendiri akan bertindak. Kami pembangkang boleh hasut tetapi apabila rakyat melihat keadilan orang tidak terima hasutan tetapi apabila keadilan dapat dilihat tidak dilihat oleh orang ramai sendiri boleh bertindak seperti yang berlaku di Indonesia. Kita bimbang pemulihan ekonomi yang melupakan asas-asas kaum, asas-asas bangsa, asas-asas agama menyebabkan kita bukan memulih tetapi kita menjerumuskan suatu keadaan yang tidak baik mungkin berlaku pada masa yang akan datang.

Dalam Parlimen ini perlu diterangkan misalnya Bank Bumiputra ia ditubuhkan hasil daripada kongres bumiputera, dibincangkan semasak-masaknya. Bagaimana perlu sebuah bank untuk menyegerakan bumiputera dalam bidang ekonomi tetapi sekarang kita lihat Bank Bumiputra yang disayangi itu telah ditelan oleh Commerce Bank. Kita bertanya-tanya apa jadi memang Bank Bumiputra telah melakukan banyak, kita lihat yang boleh meragukan, tujuan untuk membantu bumiputera tetapi berlaku skandal BMF yang menggugat politik pemerintah pada waktu itu, kemudian Bank Bumiputra pula diberitakan rugi RM1.4 bilion.

Adakah rugi atau sengaja dirugikan? Kenapa berlaku rugi yang begitu. Kita mendapat juga maklumat bahawa Bank Bumiputra tahun ini boleh untung lebih kurang RM250 juta. Kenapa Bank Bumiputra NPLnya daripada 6 bulan diletakkan kepada 3 bulan.

Adakah Bank Bumiputra dan Commerce Bank ini cara hendak diambil alihnya hanya pengarah-pengarah duduk dalam satu meja menurunkan nilai itu dan menaikkan nilai itu untuk membolehkan satu bank mengambil alih bank lain. Kenapa saham Bank Bumiputra yang dinilainya lebih kurang RM2.75 setelah hutang yang dikatakan rugi RM1,400 juta lebih kurang, NPL daripada enam bulan kepada tiga bulan sahamnya menjunam kepada RM1.56 kemudian selepas itu kira bicara Commerce Bank beli dengan lebih kurang hanya RM0.72 sahaja. Adakah nilai Bank Bumiputra diturunkan dengan sengaja untuk membolehkan Commerce Bank membeli Bank Bumiputra dan kita tidak tahu arah mana pula bank yang dicantumkan ini akan membawa ke arah millenium yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pula disuarakan oleh kawan-kawan dalam Barisan Nasional sendiri, kadangkalanya, pinjaman-pinjaman barangkali tidak mengikut peraturan tidak diambil tindakan oleh Bank Negara. Pinjaman yang berisiko tinggi, syarikat-syarikat single misalnya bagaimana Hottick Investment boleh berhutang dengan NPL dekat RM1 bilion kepada Bank Bumiputra dan siapa yang pinjam lagi, di antaranya ialah seperti Tajudin Ramli, KUB, Berjaya Group, Lion Group, Arab Malaysia dan ahli perniagaan daripada Pulau Pinang. Mereka inilah yang kebanyakannya tidak boleh membayarnya dan susun semula ini di antaranya menyelamatkan mereka ini semua bagaimana RM1 bilion hutang NPL Danaharta boleh beli dengan harga RM1.

Semuanya ini kami perlu penjelasan, sebab Bank Bumiputra adalah bank yang menggerakkan Dasar Ekonomi Baru tetapi sekarang sedemikian rupa jadinya di negara kita sekarang ini. Bagaimana bank yang RM55 bilion harta boleh ditelan oleh bank yang bernilai RM11 bilion untuk menghiburkan orang Melayu dikatakan lahir sebuah Bank Islam yang paling besar. Bagi kita itu adalah hiburan kerana yang sebenarnya yang berlaku itu perlu dikeluarkan Kertas Putih apa yang berlaku terhadap Bank Bumiputra dan bagaimana mereka bermain di atas meja untuk menjadikan Bank Bumiputra yang nilai asetnya hanya tinggal RM0.72 yang sebelum ini hampir kepada RM3.

Perkara-perkara ini adalah serius, memang yang dibisingkan di antaranya pinjaman kepada Kelantan - bekalan air. Itu kita jawab dalam ucapan lain nanti. Tetapi apa yang kita lihat sekarang ini, komitmen untuk menegakkan ataupun mempertahankan kewibawaan dasar-dasar dahulu tidak ada walaupun dalam Perhimpunan Agung UMNO ditimbulkan masalah kroni. Yang ditimbulkan bagus tetapi kadangkalanya bukan bertujuan baik, yang ditimbulkan itu kenapa engkau dapat, kenapa aku tidak dapat.

Kita mesti menentang kroni, menentang rasuah bukan kerana kita tidak dapat tetapi prinsip kita menentang rasuah bukan kerana kenapa projek itu dapat kepada orang itu, kenapa aku tidak dapat, itu bukan satu slogan untuk menentang kroni, untuk menentang rasuah tetapi hanya bising kerana aku tidak dapat, tetapi komitmen untuk menentang rasuah tidaklah begitu ketara di negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu penjelasan-penjelasan seperti ini penting sebab kita lihat sekarang ini tidak dapat dinafikan seperti yang dikatakan oleh Tambun, kelmarin begitu banyak skandal kewangan tetapi tidak ada pendakwaan, seekor pun tidak ada yang diambil tindakan mahkamah. Seolah-olah Malaysia antara negeri yang paling bersih dalam dunia, bukan tidak ada report polis, bukan tidak ada penyelidikan tetapi jarang dibawa ke mahkamah seperti yang dahulunya telah ada siasatan terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tentang pembahagian saham tetapi kita tidak dengar ia dibawa ke mahkamah, begitulah juga dengan yang lain-lainnya

Akhirnya, rakyat makin hari makin hilang kewibawaan undang-undang. Bila rakyat hilang kewibawaan undang-undang tidak payah siapa seru, mereka tolak keputusan mahkamah. Ini amat merbahaya kepada Malaysia pada masa yang akan datang. Walaupun keputusan mahkamah satu ketika dibuat dengan adil rakyat sudah menolaknya, kerana ciri ketidakadilan itu berjalan sudah 10 tahun di Malaysia ini yang dilihat oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada peluang berilah kepada rakan saya sedikit. Sekian.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu hak saya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

4.26 ptg.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana telah mengizinkan kita membahas usul berkaitan Kertas Putih Status Ekonomi Malaysia. Sepanjang perbahasan, banyak pandangan dan soalan telah dikemukakan oleh ramai Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai tajuk ini. Saya akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan itu secara sekali gus kerana isu-isu yang ditimbulkan itu ada persamaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kertas Putih yang telah dibentang dapat menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekalian rakyat Malaysia usaha-usaha kerajaan yang sebenar untuk memulihkan ekonomi negara dengan secepat mungkin di samping memperbetulkan salah tanggapan sesetengah pihak. Walaupun menghadapi kesukaran, sebahagian besar rakyat Malaysia masih dapat bersatu padu dan menggembleng usaha untuk membawa ekonomi negara ke atas landasan pertumbuhan yang mampan agar matlamat pertumbuhan berimbang di bawah Dasar Pembangunan Nasional dan matlamat pencapaian status negara maju di bawah Wawasan 2020 dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengalu-alukan cadangan yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan akan memberi pertimbangan untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang didapati sesuai. Merujuk kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan, saya ingin memberi penjelasan. Nampaknya semua bersetuju termasuk Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa pendekatan IMF dalam menangani krisis kewangan adalah kurang tepat dan telah banyak dikritik.

Pendekatannya memang tidak sesuai terutama bagi yang dilaksanakan di Malaysia di mana asas ekonomi adalah berbeza daripada yang terdapat di negeri-negeri lain di rantau ini yang turut terjejas dengan krisis kewangan.

Ramai juga yang menyatakan keraguan sama ada kita telah sebenarnya keluar daripada kegawatan yang melanda negara sejak awal tahun 1998. Sukalah saya jelaskan bahawa kenyataan ini bukan semata-mata datang dari pihak kerajaan seperti yang dijelaskan secara terperinci dalam Laporan Bank Negara 1998. Soal bottom-up, dengan izin, amat jelas apabila penguncupan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) suku keempat tahun 1998 telah berkurangan berbanding suku ketiga.

Petunjuk-petunjuk terbaru seperti pengeluaran sektor pembuatan telah mula menunjukkan pertumbuhan positif pada bulan Februari 1999 apabila Indeks Pengeluaran Pembuatan meningkat kepada 148.2 atau pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus, pertama kali sejak 12 bulan. Ini satu perkembangan baik memandangkan sektor pembuatan merupakan sektor terbesar dengan bahagiannya mencapai 34 peratus dari KDNK. Peningkatan yang jelas adalah dalam subsektor plastik (92.8 peratus), pakaian (25.9 peratus), kasut (24.1 peratus), getah (20.8 peratus), kaca (15.3 peratus), kimia (15 peratus) dan kayu (11.8 peratus). Selain daripada itu jentera elektrik yang merupakan subsektor terbesar dalam sektor pembuatan meningkat sebanyak 8.2 peratus, termasuk industri semi konduktor dan komponen elektronik yang meningkat sebanyak 17.2 peratus.

Petunjuk-petunjuk lain juga mencatatkan perkembangan positif umpamanya permintaan maksimum elektrik atau peak demand, dengan izin, yang tinggi pada bulan Mac 1999 sebanyak 8,450 megawatt iaitu tahap baru tertinggi dicapai selepas 10 bulan. Peningkatan permintaan ini menunjukkan aktiviti ekonomi kini mulai pulih. Analisis leading index dan coincidence index, dengan izin, juga telah menunjukkan tanda-tanda perkembangan ekonomi yang lebih baik dan menggambarkan pemulihan sedang berlaku.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Malah leading index, dengan izin, ya sila.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Kita tidak ada sesiapa yang meragui bahawa mungkinlah kita sudah sampai bottom-up, bukan sahaja di Malaysia, di negara-negara Asia yang lain. Tetapi soalan yang tepat ialah kenapa negara-negara jiran, negara-negara lain yang tidak menggunakan kawalan modal interest rate mereka lebih tinggi, interest rate negara kita lebih tinggi daripada negara-negara mereka di mana exchange rate kita lebih lemah. Tanda-tanda petunjuk-petunjuk ekonomi recovery negara-negara Korea Selatan, Thailand, Singapura lebih kuat daripada Malaysia. Sungguhpun mereka tidak ada capital controls, kenapa? Selain daripada kita boleh banding mungkin lebih baik daripada Indonesia tetapi ini bukan satu petunjuk yang kita boleh bangga.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita ambil kira apa yang kita perlu lakukan bagi pemulihan ekonomi negara kita, kita boleh buat perbandingan. Yang pertamanya kita telah menggunakan pendekatan-pendekatan mengikut nasihat dan pandangan IMF tetapi nyata pada masa itu berlaku sesuatu keadaan yang menyebabkan kita lebih menghadapi masalah. Dan banyak juga syarikat-syarikat yang menghadapi masalah dan pasaran-pasaran saham kita pun telah menunjukkan bahawa indeksnya turun begitu mendadak dan besar kemungkinan jika sekiranya dibiarkan keadaan begitu khususnya apabila kita telah menetapkan kadar faedah bank itu tinggi, maka lebih banyak lagi masalah yang akan dihadapi oleh peniaga-peniaga kita sama ada kecil atau besar terutama peniaga-peniaga kecil.

Dan apabila kita telah memperkenalkan langkah-langkah baru selepas 1 September 1998 dahulu, nyata sekali bahawa perubahan adalah jauh lebih baik daripada apa yang telah kita lihat sebelum daripada kita memperkenalkan langkah-langkah itu. Ini memberi keyakinan kepada kita bahawa kita adalah in the right track jika kita memberi perhatian kepada apa yang kita perlu lakukan dalam negara kita ini. Negara kita ini, kalau hendak bandingkan dengan negara-negara lain tidak boleh kita

anggap sebagai sama dalam semua hal. Kita mesti mempunyai hikmah dan cara kita. Dan cara yang kita laksanakan pada hari ini, pada waktu ini tidak lagi menimbulkan satu penentangan sehebat yang kita dengar di peringkat awal apabila kita telah memperkenalkan langkah-langkah pada 1 September yang lalu.

Kedua, juga daripada segi sentimen pelaburan yang kita lihat pada waktu ini, ini pun adalah lebih baik daripada masa itu, dan capitalization di pasaran saham kita pun lebih tinggi dan ini pun adalah juga satu tanda yang boleh kita anggap sebagai baik dan simpanan kita, reserve kita bertambah dan kita punya prospect pun bertambah. Jadi kita kena fikir daripada segi apa yang kita boleh capai dalam negara kita ini, tidak semestinya kita mahu ikut sentiasa apa yang dilakukan oleh negeri-negeri lain mengikut hikmah masing-masing.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa selepas memperkenalkan capital control bahawa prestasi ekonomi atau lain yang menunjukkan bahawa sungguhpun tanpa memperkenalkan exchange control keadaan sudah sampai di tahap di mana kedudukan ekonomi akan bertambah baik tanpa exchange control, semacam apa yang berlaku di negara-negara yang lain sebenarnya apa yang berlaku di negara-negara lain tanpa exchange control adakah kedudukannya lebih baik.

Walhal, bank interest kita lebih tinggi, kedudukan exchange rate kita lebih lemah apabila dibanding dengan negara-negara yang lain. Kita tidak menentang capital control tetapi cara dan masa untuk memperkenalkan capital control. Capital control patut diperkenalkan pada awal, bukan kuda sudah lari daripada stable baru hendak memperkenalkan capital control bukannya sebenarnya capital control diperkenalkan masa itu dengan tujuan dan maksud yang spesifik oleh kerana untuk menghadapi suatu senario pemecatan Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri masa itu kerana akan berlaku satu shock besar kepada pelabur-pelabur. Itulah sebenarnya tujuan dan bukan oleh kerana untuk memulihkan kedudukan ekonomi.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat selalu hendak membuat analisa yang saya kira satu analisa yang tidak benar

dan bukan dalam hal ini. Sebenarnya apa yang berlaku adalah boleh kita anggapkan bahawa walaupun tidak ada capital control, Yang Berhormat dari Tanjong sebutkan di negara lain dan nampaknya mereka maju, tetapi kalau kita gunakan pendekatan itu dan kita masih boleh menunjukkan bukti-bukti yang ekonomi kita akan pulih dan sedang pun pulih dan ini pun bukan satu kesalahan ataupun satu kesilapan. Kita mesti memahami persekitaran ekonomi kita dan kita memahami apakah sikap-sikap dan langkah-langkah dan terutamanya sikap-sikap pihak lain daripada luar negeri sama ada yang berkaitan dengan rating agency sama ada dengan rencana-rencana yang bertalutalu telah membuat macam-macam kecaman terhadap kita dan tidak menghiraukan langsung apakah usaha-usaha yang kita jalankan yang kita anggap baik untuk memulihkan ekonomi.

Kita perlu juga mewujudkan satu-satu langkah yang boleh umpamanya menjaga supaya nilai ringgit kita itu tidak turun merudum seperti yang biasa berlaku. Dan tidak ada satu fakta yang boleh kita nyatakan bahawa serangan-serangan tidak akan berlaku lagi terhadap Ringgit Malaysia jika sekiranya ia menunjukkan pemulihan iaitu dalam satu pasaran yang terbuka, yang free, yang telah ditentukan oleh market forces. Kita perlu mengambil satu pendekatan bahawa kita perlu menetapkan kadar pertukaran pada RM3.80 berbanding dengan US\$1. Ada kalanya kita lihat bahawa jika sekiranya kita buat perbandingan pada masa-masa tertentu bahawa kadar pertukaran itu lebih baik daripada 3.8. Jadi kita bayar lebih kurang atau lebih rendah daripada 3.8 tetapi kita tidak berhajat untuk membawa sebarang perubahan terhadap apa yang kita telah putuskan. Daripada segi itu walaupun kita telah tetap pada 3.8 ia telah memberi keyakinan dan kesenangan kepada ahli perniagaan kita bahawa mereka tahu dengan stabiliti nilai wang ringgit yang ada itu lebih mudah mereka membuat unjuran-unjuran, mereka lebih mudah tahu apakah implikasi kewangan, banyak mana hendak belanja, banyak mana yang akan mereka terima dan ini lebih senang mereka membuat rancangan di masa hadapan.

Kita mesti tahu bahawa apabila kita menghadapi kemerosotan ekonomi pada awal tahun 80-an dahulu, masa itu nilai ringgit kita agak stabil – comparatively stable

pada masa itu dan itu lebih memudahkan tetapi dalam hal ini sekarang kita menghadapi satu situasi yang semua orang tahu bahawa nilai itu naik turunnya, kadang-kadang turunnya melebihi-lebih daripada yang kita fikirkan berpatutan. Ini oleh sebab kegiatan-kegiatan pedagang-pedagang mata wang yang begitu aktif dan untuk mencari keuntungan yang besar. Jadi, saya balik juga saya hendak katakan ini adalah soal hikmah. Kalau kerajaan berpendapat bahawa inilah sebaik-baiknya dan kita akan terus dengan cara ini dan kita sebenarnya menangani ekonomi kita on the 'hands-on basis' dan exco MTEN sebenarnya bermesyuarat boleh dikatakan tiap-tiap hari Isnin, Selasa, Rabu - Kabinet, Khamis, Jumaat dan Sabtu – melainkan kalau ada sesuatu hal yang mesyuarat itu terpaksa ditangguhkan dan ini berjalan terus. Maka, dengan cara inilah kita lihat telah ada tanda-tanda yang kita telah pun mencapai kejayaan itu. Kita tidak boleh sentiasa membuat perbandingan dengan apa yang berlaku di tempat lain dalam menghadapi krisis. Masing-masing mesti menghadapi krisis dengan kebijaksanaan masing-masing. Kita dapati ada juga penganalisis yang telah pun membuat analisa mereka yang menunjukkan dalam hal yang berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi mungkin kita nanti akhirnya akan mencapai tahap pertumbuhan yang lebih baik daripada negara-negara jiran.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, masalah capital control bukan sahaja menghalang pemulihan ekonomi tetapi menghalang pemulihan keyakinan pelabur-pelabur dan itulah masalah besar tetapi itu hal yang lain. Tadi Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut mengenai rating agency – bahawa mereka adalah antara komplot yang mahu menjahanamkan ekonomi negara kita. Nampaknya dalam perkara ini satu kala, satu masa kerajaan demonize rating agency bahawa mereka antara konspirasi yang mahu menjatuhkan ekonomi Malaysia tetapi baru-baru ini Standard and Poor yang sudah tukarkan rating Malaysia daripada negatif kepada stabil, nampaknya kerajaan sekarang menggunakan rating Standard and Poor baru-baru ini sebagai alasan bahawa adalah pemulihan ekonomi. Kalau kerajaan mahu demonize rating agency, patutnya kerajaan juga tolak revaluation – menilai semula oleh Standard and Poor yang sekarang tukar daripada negative sovereign risk

Malaysia daripada negatif kepada stabil kata tidak terima. Oleh kerana ini syaitan tidak boleh terima, apa yang mereka buat tidak boleh terima tetapi tidak, apa yang rating agency kata baik, kita puji-puji, kita hebah-hebahkan, apabila mereka buat rating yang tidak favourable kita kata inilah syaitan, bila baik kita kata ialah Malaikat. Bukankah kita perlu satu pendirian yang tegas, bukan berasaskan kepada baik atau tidak baik rating agency itu.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya tidak pernah sebut fasal komplot dan konspirasi, saya hanya katakan sikap-sikap mereka yang tidak membantu kita dalam hal ini dan kita tahu kesan yang boleh berlaku akibat daripada apa yang mereka lakukan. Yang menggunakan komplot dan konspirasi itu nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Yang sebut hal Malaikat dan syaitan ini, itu rhetoric Yang Berhormat, bukan rhetoric saya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu saya ingin menambah sedikit. Kita tahu bahawa sentimen pelaburan lebih baik pada waktu ini jika dibandingkan pada masa dahulu walaupun dengan adanya langkah-langkah yang telah kita ambil yang masih tidak disenangi oleh banyak orang termasuk Yang Berhormat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi yang bertambah baik ini bukanlah perkara yang direka-reka, kita bukan reka-reka. Malah beberapa penganalisis asing sendiri telah membuat unjuran yang lebih tinggi atau lebih bullish. Sachst...apa ya
[menyemak nota]

Tuan Lim Kit Siang: Standard and Poor.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Bukan, bukan Standard and Poor *[Ketawa]*, saya tersasul tadi. Antaranya Goldman Sachs mengunjurkan ekonomi kita akan berkembang sebanyak 2 peratus pada tahun 1999, SG Securities HK 2.5%, International Institute of Finance 3%. Merrill Lynch juga telah menyatakan perkembangan ekonomi kita bertambah kukuh dari segiimbangan akaun luar negara, kestabilan ringgit dan kemampuan ekonomi pulih.

Tuan Yang di-Pertua, ada di antara Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soal samada dasar counter-cyclical dan defisit akaun Kerajaan Persekutuan dapat

dipertahankan. Ingin saya menjelaskan bahawa defisit tersebut adalah dalam lingkungan yang masih boleh diurus atau manageable. Defisit tersebut dianggar meningkat kepada 6 peratus daripada Keluaran Negara Kasar dalam tahun 1999. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2000 defisit tersebut dianggar berkurangan kepada tahap 2 peratus.

Ingin saya menegaskan bahawa kerajaan amat prihatin dalam melaksanakan dasar belanjawan defisit ini tanpa menjejaskan prudence. Kita sentiasa mengawasi tahap hutang negara dan memastikan ianya berada pada tahap yang boleh diurus. Pada penghujung 1999 nisbah khidmat bayaran hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dijangka hanyalah 1 peratus. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka berada di paras 41.6 peratus daripada KNK pada penghujung 1999 berbanding dengan 111 peratus semasa kemelesetan pada tahun 1986. Apabila ekonomi pulih nanti, kita akan kembali melaksanakan belanjawan lebihan dan akan membuat bayaran awal hutang atau prepayment, dengan izin, sebagaimana yang telah diamalkan sebelum ini.

Saya juga ingin melegakan hati Ahli Yang Berhormat dari Tambun dan juga Tanjung yang merasa khuatir dengan apa yang berlaku pada bulan September 1999.

Tuan Lim Kit Siang: 1998.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: 1998. Ya, minta maaf, ini typographical error. Terbaca yang tersilap. *[Ketawa]* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kedudukan short term external debt, dengan izin, Malaysia sebelum berlaku krisis adalah jauh lebih rendah iaitu 51.2 peratus daripada rizab luar negara, berbanding dengan Filipina 88 peratus, Thailand 153 peratus, Indonesia 182 peratus dan Korea 214 peratus. Semasa Mexico mengalami krisis dalam tahun 1994 kedudukannya adalah 173 peratus. Data-data ini jelas menunjukkan kedudukan Malaysia tidak begitu terdedah berbanding negara lain.

Pada masa ini hutang jangka pendek kita adalah di paras RM28.5 bilion atau 10.9 peratus dari KNK. Ia hanya merupakan 17.8 peratus dari keseluruhan hutang luar negeri kita. Manakala hutang luar negeri keseluruhan adalah sebanyak RM159.8 billion atau 60.9 peratus dari KNK iaitu satu paras yang rendah dibandingkan dengan

hutang luar negara lain di rantau ini. Berhubung dengan pelaburan portfolio asing, kerajaan menjangkakan paling tinggi US\$5 billion yang mungkin mengalir keluar. Namun, sekiranya pertumbuhan ekonomi dapat dicapai seperti yang diharapkan, kemungkinan mereka akan terus melabur dalam bursa saham kita.

Dalam keadaan sekarang mereka sememangnya aktif dalam pasaran, samada sebagai penjual atau pembeli. Walau apa pun kita memang lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan berpunca dari pengaliran keluar modal apabila sampai September 1999. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan lebih optimistik dengan langkah exit tax yang telah kita laksanakan dan kedudukan kita lebih baik berbanding dengan negara lain yang terjejas oleh krisis kewangan.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, mengenai sumber pembiayaan pemulihan ekonomi, kerajaan sememangnya lebih cenderung untuk menggunakan dana tempatan kerana dana dalam negeri dianggap mencukupi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Namun kita telah meminjam dari luar negara kerana kadar yang kita perolehi adalah menarik, bertentangan dengan kedudukan rating Malaysia, dengan izin yang diberi oleh agensi penarafan antarabangsa. Ini secara tidak langsung memberi satu lagi pandangan mengenai kedudukan ekonomi sebenar kita dan tidaklah hanya bergantung kepada mereka yang berpandangan serong ataupun berat sebelah sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri tadi sangat tertarik dengan exit tax. Oleh kerana ini sangat mendapat perhatian semua pelabur yang satu ciri utama mengenai sama ada kita akan dalam masa yang singkat untuk memulihkan keyakinan. Berapa kali kerajaan akan modify exit tax daripada sekarang ke September supaya kita boleh mengelakkan apa yang kita tidak mahu

berlaku apabila datang 1 September berbilion-bilion ringgit keluar daripada negara. Adakah modifikasi beberapa jenis diadakan?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sangat prihatin mengenai apa yang mungkin berlaku pada bulan September, bukan kita tidak tahu, bukan kita tidak ambil peduli tetapi pada waktu ini kita sedang memberi perhatian yang rapi. Boleh dikatakan tiap-tiap kali kita adakan meeting – kesan-kesan yang ada hubung kait dengan exit tax yang telah kita kenakan dan perubahan-perubahan yang telah kita lakukan sebelum daripada itu adalah dikaji dengan begitu teliti dan kita menganggap keadaan pada waktu ini adalah terkawal dan belum lagi ada apa-apa cadangan untuk membuat sebarang perubahan tetapi sekali lagi saya menyatakan bahawa kita prihatin dan kita tidak mahu berlaku sesuatu yang akan membawa kerugian besar kepada negara kita. Pada waktu ini, setakat yang kita boleh membuat andaian mungkin keadaan tidak seburuk yang dijangka, mungkin berlaku oleh orang-orang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun pula, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan jumlah wang asing yang boleh dibawa keluar melalui exit tax ini pada bulan September? Berapa jumlah yang dianggarkan, sama ada US\$5 bilion ataupun lebih ataupun US\$30 bilion?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: [*Menyemak nota*] Tadi ada saya sebut US\$5 bilion yang mungkin mengalir keluar, yang itu telah saya katakan tadi ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Di dalam negara ini memang dana asing ada lebih daripada US\$5 bilion, US\$10 bilion atau US\$30 bilion, susah hendak kita anggarakan tetapi apakah anggaran pihak kementerian?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Yalah, saya tidak dapat hendak memberi satu jawapan yang boleh menjadi satu anggaran yang tepat kerana hal

yang berkaitan dengan pelaburan adalah perkara yang akan ditentukan oleh mereka yang melabur. Kalau mereka ingat ada keuntungan yang mungkin diperolehi, maka mereka tidak akan bawa keluar wang mereka tetapi jika mereka hilang confidence dan mereka ingat tidak ada untungnya jika sekiranya wang itu ditinggalkan di negara ini, maka tindakan sebaliknya akan dilakukan. Jadi, pada waktu ini sebagaimana yang saya katakan tadi, kita sedang perhati pergerakan ataupun movement dalam pasaran saham dan juga di dalam pelaburan dengan begitu teliti dan insya-Allah jika ada apa-apa yang kita fikirkan kita perlu lakukan demi menjaga kepentingan negara kita, kita akan lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pinjaman dari Jepun, kerajaan memang bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Tambun supaya kita tidak terlalu bergantung kepada pinjaman Yen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun kita membuat pinjaman daripada Jepun, pinjaman ini dibuat dalam dua jenis mata wang untuk mengurangkan risiko tukaran asing daripada US\$2.6 bilion yang diluluskan setakat ini, sebanyak 20.6% atau US\$550 juta dibuat dalam mata wang Ringgit Amerika (USD) manakala selebihnya sebanyak 79.4% atau US\$2.1 bilion dibuat dalam mata wang Yen.

Begitu juga pinjaman dari bank asing tempatan hampir kesemuanya dalam matawang USD. Walau apa pun, untuk melegakan kerisauan Ahli Yang Berhormat dari Tambun dalam menguruskan rizab dan hutang negara adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memastikan bahawa basket of currency, dengan izin, bukan sahaja mengambil kira keperluan perdagangan tetapi juga profil hutang luar negara supaya memberi natural hedge, dengan izin.

Saya ingin menafikan dakwaan bahawa Bank Dunia melengahkan pemberian pinjaman dan hanya meluluskan US\$404 juta baru-baru ini kerana kurang puas hati dengan langkah-langkah pengurusan ekonomi yang diperkenalkan dan projek pinjaman tidak dirancang dengan baik. Dakwaan tersebut adalah kurang tepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman US\$404 juta ini adalah berdasarkan permohonan sebenar yang ditentukan atas pilihan kerajaan. Bank Dunia

sebenarnya telah menawarkan sejumlah US\$435 juta bagi sektor sosial, namun kerajaan hanya mahukan US\$60 juta sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tuaran pula bangun.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ada lagi, ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Mengenai dengan hutang luar negara daripada luar. Kalau saya tidak silap tahun lalu lebih kurang pada bulan Disember, Setiausaha Parlimen telah memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pada saat itu hutang negara ialah RM150.4 bilion. Jadi saya ingin bertanya daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, berapakah hutang luar negara setakat ini dengan pinjaman-pinjaman yang baru yang diambil oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Dalam jawapan saya, perkara ini ada saya sentuh.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Mengenai keputusan hendak beri latihan tadi, minta maaf, tetapi mengenai penjelasan bahawa negara kita sendiri tidak mahu lebih daripada RM60 juta untuk sektor sosial sebagai pinjaman daripada Bank Dunia. Bukankah sebenarnya ialah oleh kerana tidak keupayaan kapasiti kita untuk menyenaraikan projek-projek yang boleh diterima oleh Bank Dunia bahawa International Open Biding dan bukan projek-projek di mana kontrak sudah diberikan semacam beberapa projek adalah dikemukakan dan tidak diterima dan bukannya ini sebenarnya patut dapat satu kajian. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak tahu apa yang berlaku, ia diberi nota oleh pegawai-pegawai berkenaan sahaja dan perlulah mungkin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengadakan satu siasatan sendiri dalam perkara ini dan jangan percaya semua yang terkandung dalam nota-nota yang diberi kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya tidak pernah mencurigai kewibawaan pegawai-pegawai saya dalam memberi maklumat kepada saya tetapi hujah Yang Berhormat gunakan tadi kurang tepat. Apa yang saya katakan di sini yang ditawarkan oleh Bank Dunia untuk kita pinjam ialah US\$435 juta bagi sektor

sosial tetapi kita hanya mahu US\$60 juta, apa kena mengena dengan argument Yang Berhormat telah berikan tadi, saya tidak nampak kerana kalaulah ia tidak yakin dengan apa yang kita laksanakan, masakan ia mahu lebih daripada apa yang kita hendak.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu apa original shopping list untuk projek-projek sosial yang dikemukakan kepada World Bank, khasnya apabila World Bank adalah misi-misi yang datang ke Malaysia pada bulan September dan bulan Disember. Bukankah original shopping list yang lebih daripada apa yang diperuntukkan dan diluluskan dalam US\$60 juta itu.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak memberi shopping list kerana saya tidak membawa shopping list, kalau begitu tidak usahlah tanya, manalah kita hendak bawa semua maklumat macam itu tetapi kalau hendak tahu juga perkara ini bukan rahsia, kita boleh beri.

Sambung jawapan saya tadi, manakala sebanyak US\$276 juta bagi sektor pendidikan dan US\$100 juta bagi program Y2K adalah dipersetujui oleh kedua bank.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan langkah kawalan modal dan penetapan kadar tukaran Ringgit yang diambil oleh kerajaan.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebelum saya cakap hendak minta penjelasan macam mana?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana nampaknya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah alih daripada isu World Bank yang saya bangkitkan tetapi lagi satu perkara yang ada saya bangkitkan dalam ucapan saya bahawa Bank Dunia ada membuat keputusan tidak akan memberi pinjaman selanjutnya selain daripada adalah modifikasi dalam capital controls dan apakah pendirian kerajaan dalam perkara ini?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini sebenarnya kita mahu mengurangkan hutang kita dan pada waktu ini dengan apa yang telah dapat kita perolehi daripada pinjaman-pinjaman yang boleh diberi kepada kita oleh negeri seperti Jepun adalah mencukupi pada waktu ini dan soal agensi ini memberi pandangan tentang apa yang kita lakukan ini, itu adalah sebenarnya pandangan dia dan kita tidak boleh hanya dengan sewenang-wenang membuat perubahan hanya kerana bank itu telah memberi pandangan tentang apa yang telah kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan langkah kawalan modal dan penetapan kadar tukaran Ringgit yang diambil oleh kerajaan perlu di.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, ini mustahak oleh kerana kita dalam Parlimen ini hendak memahami apa yang berlaku, bukan sana sini untuk tutup telinga. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa kita mahu kurangkan pinjaman kita, bukankah ini bertentangan dengan sourcing funding kerajaan yang di dalam Kertas Putih ini adalah sebut mahu konsortium bank asing RM1,300 juta Bank Sumitomo Nomura, Bank Pembangunan Islam, Bank Eksport Import Jepun – bukan, itulah tidak selaras dengan pendirian kerajaan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebab Yang Berhormat terlalu kalut sangat tadi hendak minta penjelasan, apa yang saya cakap Yang Berhormat tidak dengar. Saya kita setelah kita selesai membuat segala pinjaman daripada pihak Jepun tentang perbelanjaan yang kita perlukan, tentang pelaburan untuk projek-projek yang ada. Jadi apa yang World Bank buat hari ini dengan memberi pandangan kepada kita tentang apa yang kita lakukan untuk pinjaman-pinjaman yang mungkin kita hendak minta daripada bank itu. Itu yang saya tidak ambil kira lagi. Saya harap Yang Berhormat faham apa yang saya cakap tadi.

Berkenaan dengan langkah kawalan modal dan penetapan kadar tukaran Ringgit yang diambil oleh kerajaan perlu diperjelaskan di sini bahawa terdapat perbezaan di antara masalah yang dihadapi oleh Malaysia dengan yang dihadapi oleh Korea dan Thailand. Kedua-dua negara tersebut menghadapi hutang luar negara yang tinggi dan

ketidakupayaan membayar hutang menyebabkan mata wang mereka turun. Pinjaman Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) digunakan untuk membiayai bayaran khidmat hutang tersebut. Sebaliknya, hutang luar negara Malaysia adalah rendah dan penyusutan Ringgit adalah disebabkan oleh tekanan spekulatif yang berbangkit daripada kewujudan pasaran Ringgit di luar pesisir yang besar.

Selain dari itu, ketidakstabilan kadar tukaran asing menghalang kekesan langkah kerajaan untuk menstabilkan ekonomi. Oleh yang demikian, kerajaan perlu menetapkan kadar tukaran Ringgit dan mengenakan kawalan modal bagi membendung kegiatan spekulatif di pasaran luar pesisir bagi memastikan dasar dan langkah menstabilkan ekonomi dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Mengenai kesesuaian dasar kawalan mata wang yang diperkenalkan oleh Malaysia sedangkan negara-negara lain yang tidak mengenakan langkah tersebut turut mencapai kejayaan yang sama, ingin saya menjelaskan bahawa langkah yang dikenakan ada *trade-off*nya, dengan izin. Negara-negara di bawah kawalan IMF telah mengalami kadar pengangguran serta bilangan pembubaran syarikat yang lebih ketara berbanding dengan Malaysia. Negara-negara tersebut juga terpaksa membuka industri-industri serta sektor kewangannya kepada penyertaan pelaburan asing tanpa batasan.

Pengusaha-pengusaha tempatan terpaksa menjual perniagaan dan aset mereka kepada pelabur asing dengan harga yang rendah yang mana tidak sejajar dengan nilai yang sebenarnya. Dengan ini, negara-negara tersebut telah sedikit sebanyak kehilangan kuasa mengurus ekonomi mereka dan sesetengahnya terpaksa menggadaikan masa depan negara.

Tambahan pula, dasar fiskal dan kewangan yang ketat yang disyorkan oleh IMF bagi ekonomi di bawah kawalannya telah menyebabkan penguncupan ekonomi yang ketara. Malaysia adalah negara yang awal sekali mengubah strateginya dengan melonggarkan dasar fiskal serta kewangan. Pada peringkat awal, ramai ahli ekonomi, penganalisis pasaran serta agensi-agensi pelbagai hala mengkritik langkah yang diambil oleh Malaysia tetapi selepas itu, negara-negara lain yang terlibat serta IMF

sendiri sedar bahawa langkah yang diambil oleh Malaysia adalah yang sesuai. Negara-negara di bawah kawalan IMF juga kemudiannya turut melonggarkan dasar fiskal and kewangan masing-masing.

Tuan Yang DiPertua, saya juga ingin menjelaskan persoalan mengenai kejayaan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan pasaran saham. Ada Ahli Yang Berhormat menyatakan langkah tersebut tidak memberi kesan kerana pasaran saham gagal melantun. Sehubungan ini, perlu dinyatakan bahawa tujuan memperkenalkan langkah pada 1 September 1998 oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah untuk menstabilkan pasaran. Ini selaras dengan tanggungjawab berkanun BSKL untuk memastikan wujudnya urusan yang adil dan teratur ke atas sekuriti yang diperdagangkan melalui sistem yang dikendalikannya. Bukanlah menjadi tanggungjawab kerajaan atau badan-badan pengawal selia untuk melantun harga-harga sekuriti di pasaran.

Dalam konteks ini, kejayaan melaksanakan langkah yang diambil tidak dapat dinafikan. Seperti yang saya nyatakan semalam ketika membentangkan Kertas Putih, Indeks Komposit BSKL telah melonjak dari paras terendah 262.7 mata pada 1 September 1998 kepada 535.8 mata pada 5 April 1999. Malah semalam ketika BSKL ditutup ia telah melonjak kepada 556.9 mata. Lonjakan sebanyak 112 peratus sejak 1 September ini adalah tanda pemulihan keyakinan terhadap pasaran. Hakikat bahawa indeks komposit sekarang mampu bertahan di paras 500 mata adalah bukti bahawa langkah untuk menstabilkan pasaran telah mencapai kejayaan.

Tuan Yang DiPertua, mengenai usaha membantu syarikat-syarikat yang bermasalah akibat daripada krisis yang dihadapi sebagaimana yang telah dibangkitkan, sebenarnya usaha-usaha tersebut tidak melibatkan kewangan kerajaan. Kerajaan hanya memudahkan proses penstrukturan semula pinjaman korporat secara sukarela melalui Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC). Usaha ini adalah amat kritikal bagi memastikan pemulihan ekonomi diterajui oleh sektor swasta. Lebih-lebih lagi, usaha tersebut adalah untuk mengekalkan penutupan terutamanya syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang bergantung kepada syarikat besar ini dan dengan itu

mengelakkan kehilangan pekerjaan yang lebih tinggi serta masalah-masalah sosial yang berkaitan dengannya. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penyelesaian pinjaman Renong telah dilaksanakan oleh CDRC secara terbuka dan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan kebimbangan terhadap keupayaan Renong untuk membayar balik bon dalam masa yang ditetapkan, ingin saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa Renong hanya meminjam sebanyak RM4.4 bilion daripada PLUS dan sebagai tukar ganti akan mencagar semula harta tetap dan bolehubahnya yang mempunyai nilai pasaran semasa di antara RM4.8 bilion kepada RM5.0 bilion. Ini secara efektifnya mengurangkan risiko bayaran semula kepada PLUS.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai sama ada PLUS menerbitkan bon berisiko tinggi, ingin juga saya jelaskan di sini bahawa bon ini mempunyai nilai kredit yang kukuh. Di bawah garis panduan pasaran modal semua penerbitan bon hendaklah mendapat penarafan dari agensi penarafan. Dalam hubungan ini terbitan bon PLUS adalah tidak terkecuali.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat supaya kerajaan campur tangan di dalam pengurusan dari syarikat lain yang bermasalah adalah tidak wajar sekali. Biarlah para pemegang saham itu sendiri menentukan halatuju dan dasar pengurusan syarikat berkenaan. Kerajaan juga tidak harus mengambil alih kembali projek yang telah diswastakan, terutamanya memandangkan masalah ini timbul dalam keadaan kegawatan yang menjejaskan banyak pihak.

Ahli Yang Berhormat, anehnya bila kita membantu syarikat yang banyak memberi faedah kepada negara dan pekerja-pekerjanya yang sedang menghadapi masalah sementara, ia dicap *bailout*, dengan izin. Tetapi apabila *Long Term Capital Managemant* (LTCM) diselamatkan oleh Federal Reserve, ianya dianggap wajar tanpa mengira soal *moral hazard*, dengan izin walaupun bererti menyelamatkan bank milik mereka yang terdedah oleh masalah LTCM. **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Saya faham bahawa perenggan itu bukan ditulis oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, oleh kerana saya tidak pernah kata bahawa cara menyelamatkan Long Term Capital Management oleh pihak Amerika adalah wajar. Mana saya ada kata, sebab itulah saya harap speech writer lebih berjaga-jaga masa depan tetapi masalah di sini, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata atau memberi rasional, kenapa dalam pengambilan NPL (Non-Performing Loans) oleh Danaharta bahawa purata di tahun lalu ialah 61% nilai NPL tetapi untuk Bank Bumiputra dan untuk Sime Bank kenapa NPL mereka diambil at face value tanpa haircut yang ada disebutkan di dalam Nasional Economic Recovery Plan (NERP) yang disediakan oleh Nasional Economic Action Council yang perlu dibuat oleh kerana ada moral hazard yang diterima kenapa tidak ada haircut, nampaknya bukan tidak ada haircut, ada hair transplant, kenapa? Bukankah ini tidak adil kepada syarikat-syarikat yang lain yang mana perlulah ada haircut 30%, 40% dan bukannya ini pun tidak adil kepada pembayar-pembayar cukai oleh kerana kalau ada haircut untuk NPL sama ada Bank Bumiputra yang lebih daripada RM11 bilion dan Sime Bank, bahawa satu penjimatan RM5 bilion akan dicapai, yang boleh digunakan untuk maksud kegunaan yang baik iaitu sosial – mengapa ini tidak dibuat?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Minta maaf saya tidak ada detail yang diperlukan. Sebenarnya itu adalah satu soalan yang tepat yang memerlukan jawapan yang tepat, saya akan sampaikan jawapan kemudian.

Merujuk kepada isu keperluan dana sebanyak RM15 bilion untuk Danaharta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, saya yakin bahawa jumlah ini adalah mencukupi memandangkan objektif Danaharta bukanlah bertujuan untuk membeli semua NPL dalam sistem perbankan. Pembelian NPL berkenaan juga adalah berdasarkan nilai pasaran. Di samping itu, Danaharta mempunyai kuasa istimewa untuk melantik *Special Administrator*, dengan izin bagi mengurus peminjam korporat dengan hanya membeli sebahagian kecil dari nilai kasar NPL sesebuah bank. Ingin saya jelaskan juga bahawa keperluan RM15 bilion ini tidak termasuk jumlah yang diperlukan untuk mengeluarkan NPL Kumpulan Sime Bank dan

BBMB di mana ianya akan dilaksanakan melalui proses percantuman dan NPLnya akan dibiayai oleh dana berasingan daripada kerajaan.

Mengenai definisi dan pendedahan maklumat NPL, suka saya memaklumkan bahawa Bank Negara Malaysia mempunyai definisi yang jelas dan maklumat mengenainya diterbitkan di dalam Buletin Statistik bulanan.

Walaupun tempoh bagi bagi klasifikasi pinjaman tertunggak sebagai NPL telah diubah kepada enam bulan, Bank Negara Malaysia terus menerbitkan kadar NPL berdasarkan tiga bulan. Misalnya, kadar NPL bagi bulan Januari 1999 berdasarkan tiga bulan adalah 13.8%, manakala mengikut enam bulan adalah 8.6%. Tambahan lagi, kadar kenaikan NPL kian menurun berasaskan tiga bulan mahupun enam bulan. Kadar ini adalah jauh lebih rendah daripada anggaran yang diberikan oleh Moody yang menganggarkan NPL mencecah 30%. Ini dengan sendirinya mencerminkan kredibiliti dan taraf profesionalisme agensi pengiktirafan atau rating agencies.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa NPL bukanlah merupakan satu sahaja indikator bagi mengukur keteguhan sistem perbankan, malah indikator lain seperti general provision dan capital adequacy ratio, dengan izin, adalah juga penting. Dalam hubungan ini, sistem perbankan Malaysia memerlukan general provision di paras 1.5% sedangkan Indonesia, Filipina dan Thailand di paras 1%, manakala Korea 0.5%. Dari segi ini Malaysia adalah di paras 11.7% berbanding dengan Indonesia 4%, Korea 8%, Filipina 10% dan Thailand 8.5%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di kebanyakan negara maju sistem perbankan mereka tidak langsung melaporkan NPL. Di samping itu, kita masih mengekalkan peraturan berhemat yang lain. Sesuatu akaun tidak berbayar akan terus dikelaskan sebagai lapuk sekiranya ia telah tertunggak selama 12 bulan atau ke atas, manakala faedah terakru yang sebelumnya dikelaskan sebagai pendapatan akan ditolak balik daripada pendapatan semula hari pertama tunggakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan mengenai dasar penswastan, ingin saya menjelaskan bahawa penswastan akan terus memainkan peranan penting dalam pemulihan ekonomi. Semenjak pelaksanaannya, penswastan telah

menghasilkan banyak faedah kepada negara terutamanya dari segi pengurangan beban kewangan dan pentadbiran, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran serta membantu mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional. Oleh itu, kerajaan akan sentiasa memastikan semua program penswastan dilaksanakan mengikut plan induk penswastan yang telah ditetapkan.

Di samping itu, langkah akan diambil untuk menyelaraskan prosedur mewujudkan penyelarasan antara agensi yang terlibat secara mengadakan pemantauan yang rapi. Dalam melaksanakan dasar penswastan kerajaan sentiasa peka kepada pandangan rakyat dan memastikan setiap projek yang dilaksanakan tidak akan membawa kerumitan.

Dasar penswastan yang mendapat perhatian dari Ahli Yang Berhormat telah sebenarnya memberi banyak faedah kepada rakyat pengusaha bumiputera dan telah menjimatkan banyak perbelanjaan kerajaan. Dalam tempoh 1983 sehingga 1998 sebanyak RM129.1 bilion perbelanjaan modal kerajaan telah dapat dijimatkan di samping RM6.9 bilion perbelanjaan mengurus.

Sementara itu kerajaan juga telah memperolehi RM21.5 juta dari jualan ekuiti dan aset. Kesemua ini telah membantu kerajaan memperolehi lebihan dalam akaun keseluruhannya sejak tahun 1993 hingga 1997.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin:
Tanjong bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Kerajaan akan teruskan penswastan, adakah kerajaan akan menimbang untuk menswastakan beberapa kementerian seperti Kementerian Pelancongan sudah tidak ada wang dan menteri datang sini untuk tidur sahaja, bidang pelancongan sudah dapat pukulan hebat khasnya selepas JE dan 'CJM' virus outbreak. Adakah mungkin itu akan ditimbang?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Pada waktu ini saya tidak dapat mengumumkan sebarang langkah untuk menswastakan mana-mana satu agensi ataupun badan kerajaan. Saya menganggap adalah satu tuduhan yang tidak baik. Ahli

Yang Berhormat telah membuat tuduhan yang mensabitkan Menteri Pelancongan berkaitan dengan JE, kalau JE sudah berlaku dan memang pun kita tahu berlaku dan kalau ada pihak pelancong-pelancong yang buat keputusan tidak berani datang ke Malaysia setelah dengar berita itu, itu bukan satu kesalahan yang boleh dilemparkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelanconga. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Amat Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan mahu melemparkan, bukan menyalahkan Yang Berhormat Menteri Pelancongan oleh kerana apa yang berlaku di bawah bidang Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian tetapi dia kata bahawa outbreak itu tidak menjejaskan industri pelancongan tetapi semua orang tahu adalah menjejaskan, kenapa mahu berpura-pura tidak menjejaskan apabila kita tahu pelancongan mendapat satu pukulan yang hebat. Kita mahu menteri-menteri yang boleh menangani masalah-masalah, bukanlah mahu pura-pura sahaja.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ahli Yang Berhormat telah membawa tajuk yang tidak ditimbulkan dalam perbahasan kita ini. Mungkin pada waktu kenyataan ini dibuat kesan belum lagi terlihat apa yang telah berlaku dalam sektor pelancongan akibat daripada apa yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan isu spesifik, saya akan menjelaskan yang penting. Mengenai economic efficiency, dengan izin, yang telah diutarakan, ingin saya menjelaskan bahawa sememangnya kerajaan telah mengambil tindakan yang konkrit ke arah itu. Sebagai contoh, dalam industri kereta khususnya Proton perlu di rasionalisasikan. Kerajaan Malaysia mengeluarkan kereta Proton yang dapat bersaing dengan berkesan dengan keluaran kereta yang lebih lama bertapak di pasaran, memberi keyakinan bahawa negara berkemampuan untuk terlibat dalam industri berat.

Kerajaan mengambil perhatian serius ke atas pelaksanaan Kawasan Dagangan Bebas ASEAN (AFTA) kelak. Oleh itu langkah-langkah sedang diambil untuk

menghadapinya seperti meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran dan pasaran untuk mengurangkan kos, menggembelngkan usaha untuk meningkatkan keluaran komponen tempatan, meningkatkan R&D, mewujudkan pemuafakatan strategik dalam bidang pasaran dan teknologi dari luar negara serta membina keyakinan pelanggan ke atas kereta buatan Malaysia baik di pasaran dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kelembapan ekonomi tidak dapat dinafikan telah menjejaskan semua lapisan masyarakat termasuk kumpulan berpendapatan rendah dan golongan miskin. Menyedari perkara ini, kerajaan telah dan akan terus membela dan melindungi mereka daripada kesan negatif kelembapan ekonomi. Oleh itu kerajaan telah memastikan supaya peruntukan pembangunan bagi melaksanakan program-program pengurangan kemiskinan dan peningkatan kualiti hidup sentiasa mencukupi dan tidak dikurangkan.

Dalam hal ini, peruntukan asal Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) telah dikekalkan sementara peruntukan tambahan disalurkan kepada program penyediaan kemudahan infrastruktur luar bandar seperti pembinaan sekolah dan klinik serta bekalan air dan elektrik. Tindakan ini diambil bagi memastikan kualiti hidup kumpulan berpendapatan rendah dan golongan miskin khususnya di kawasan luar bandar tidak terjejas akibat dari kelembapan ekonomi.

Di samping itu, lebih banyak kemudahan kredit mikro telah disediakan untuk manfaat kumpulan berpendapatan rendah dan golongan miskin di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar. Kemudahan ini membolehkan mereka menyertai aktiviti perdagangan dan perniagaan kecil dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan isirumah.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat dari Tambun, langkah kerajaan melonggarkan syarat pemilikan ekuiti oleh pelabur asing dalam syarikat sektor pembuatan adalah dengan tujuan meningkatkan pelaburan asing dan menyusun dan seterusnya menjana semula pembangunan negara. Seperti yang dijelaskan dalam Kertas Putih dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, peraturan baru ini membenarkan rakyat asing memiliki sehingga 100% ekuiti syarikat pembuatan yang dilulus

penubuhannya di antara 31 Julai 1998 dan 31 Disember 2000 sahaja. Namun begitu kelonggaran ini tidak melibatkan beberapa aktiviti dan produk yang mampu dikeluarkan oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Mengenai dakwaan bailout, dengan izin, yang dikemukakan ingin saya menjelaskan bahawa dakwaan ini adalah tidak berasas sekali, apa yang kerajaan lakukan selama ini sebenarnya adalah untuk menyelamatkan dan mengelakkan syarikat-syarikat yang berdaya maju dan strategik supaya tidak lumpuh dan berkubur begitu sahaja kerana masalah credit crunch seperti yang dialami oleh syarikat-syarikat di negara lain yang turut terjejas oleh krisis kewangan.

Adalah tidak benar bahawa kerajaan hanya membantu syarikat-syarikat besar sahaja dalam kertas yang dibentangkan ada dinyatakan langkah-langkah kerajaan untuk membantu industri kecil dan sederhana seperti menyediakan dana pemulihan bagi industri kecil dan sederhana (IKS) dengan peruntukan permulaan RM750 juta. Selaras dengan usaha ini kerajaan juga telah menyusun semula pinjaman yang bermasalah, di samping itu kerajaan baru-baru ini telah mempermudah perolehan pinjaman daripada dana IKS sebanyak RM1.5 bilion melalui penglibatan syarikat jaminan kredit dan ini dengan sekali gus juga menjawab perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin mengenai IKS dalam perbahasan tadi. Seperti yang dijelaskan ...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, mengenai IKS. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa kerajaan bukan sahaja tolong orang korporat yang besar tetapi pun IKS. Kalau begitu kenapa kerajaan sampai sekarang telah rela untuk memberi bantuan kepada industri-industri babi yang mendapat satu krisis sehingga dekat bankrapsi dan satu kredit RM400 juta, saya pernah kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II dan kenapa dalam IKS, fund for food bahawa bidang industri menternak babi dikecualikan di mana tidak dibenarkan untuk memohon pinjaman-pinjaman daripada fund for food yang bernilai lebih daripada RM700 juta. Adakah kerajaan akan menimbang semula dan adakah Kabinet hari ini, oleh kerana hari ini time of the assent. Adakah kabinet hari ini membuat satu

keputusan supaya boleh memberi bantuan kepada bukan sahaja industri-industri menternak babi tetapi pun mangsa-mangsa bencana ini?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya memahami bahawa hal yang berkaitan dengan perkara ini telah pun dibahas dengan mengambil masa yang agak lama dalam Dewan ini iaitu semalam dan sebelumnya.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa hal yang berkaitan dengan perkara yang sedang ditangani oleh sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai isu ini belum selesai lagi, kita masih dalam peringkat mengadakan banyak lagi mesyuarat yang perlu membincang macam-macam perkara lagi yang bersabit dengannya, dan pada waktu ini saya tidak dapat mengumumkan apa yang dikehendaki tetapi dari semasa ke semasa apa bantuan yang boleh dikeluarkan oleh kerajaan akan dimaklumkan, kerana sebagaimana yang saya katakan pada waktu ini perhatian diberikan pada masalah yang begitu berat iaitu yang bersabit dengan wabak JE itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan dalam Kertas Putih di samping memberi bantuan kepada sektor hartanah kerajaan juga memberi tumpuan kepada sektor-sektor lain. Adalah tidak tepat jika Ahli Yang Berhormat mengatakan kerajaan hanya menumpukan kepada sektor korporat besar dan hartanah sahaja, contohnya kerajaan mengambil berat dalam menyediakan perumahan kos rendah dan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat supaya mengkaji semula matlamat kuantitatif Wawasan 2020, suka saya jelaskan di sini bahawa kita sentiasa mengkaji semula matlamat pembangunan negara berdasarkan perubahan kedudukan ekonomi dan sosial negara. Perlu juga dijelaskan bahawa matlamat kuantitatif yang ditetapkan dalam tiap-tiap rancangan pembangunan adalah juga mengambil kira faktor-faktor kualitatif seperti nilai-nilai positif dan bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh pendekkan, tidak banyak lagi sebelum 5.30 petang jawapan akan selesai diberikan, sedikit sahaja lagi. Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai isu transparency disclosure and corporate governance, dengan izin. Dalam hubungan ini kerajaan telah pun

memaklumkan laporan Jawatankuasa Pengendalian Korporat yang mana ia mengariskan antara lain tatacara pengendalian korporat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap jawapan saya tadi dapat membantu Ahli-ahli Yang Berhormat memahami dengan lebih mendalam pendirian kerajaan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan.

Akhir sekali, saya ingin memaklumkan bahawa semua perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan ini akan diberi perhatian yang teliti dan sewajarnya oleh kerajaan. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat memberi sokongan dan sama-sama berusaha untuk menjayakan rancangan dan meletakkan semula ekonomi ke landasan asalnya. Kita telah merancang untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara maju mengikut acuan kita sendiri dalam tempoh yang singkat

Tuan Lim Kit Siang: Terakhir!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Hendak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Ada masa sedikit sahaja.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya pun habis saya punya dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, boleh.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mempunyai kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi dan menyelesaikan masalah. Semoga dengan izin Allah S.W.T. kita dapat meninggikan martabat negara dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, makmur dan progresif serta dihormati dan akan menjadi kebanggaan kepada generasi akan datang untuk mewarisinya. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana kita dalam isu yang utama ialah resolution of confident. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi tahu Dewan yang mulia ini mengenai kesihatan terkini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh kerana Yang Amat Berhormat kata banyak khabar angin dan saya ingin mendapat maklumat yang tepat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tolong pendekkan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Semalam saya telah menziarahi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di IJN dan saya sendiri dapat bercakap dengan dia dan telah memaklumkan kepada beliau tentang beberapa perkara yang telah saya laksanakan bagi pihak beliau dan beliau dengar dan beliau boleh bercakap, beliau juga dalam keadaan yang stabil.

Saya telah dimaklumkan oleh Dr. Zainal iaitu physician yang menjaga beliau bahawa kedudukannya stabil yang perlu dilakukan pada waktu ini ialah memastikan beliau mendapat rehat secukupnya. Pada hari ini saya telah pun dimaklumkan tadi pada waktu makan tengah hari bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun berjalan dalam wadnya itu, di biliknya dan bergerak tetapi masih memerlukan rehat kerana penyakitnya itu memang memerlukan rehat. Tetapi saya telah menyatakan bahawa penyakitnya tidak ada hubung kait dengan sakit jantung kerana itu hanya sakit bronkitis dan ada kahak dalam paru-parunya yang perlu dikeluarkan habis sebelum beliau diisytiharkan sebagai sihat dan kuat. Saya telah memahami maklumat yang telah diberikan kepada saya. Itulah maklumat yang dapat saya berikan kepada Dewan ini, setelah saya lihat Yang Amat Berhormat sendiri dan setelah mendapat penerangan daripada doktor ataupun pakar perubatannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputus, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini menyedari akan perlunya diberi penjelasan yang sebenar mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menangani krisis ekonomi serta kedudukan semasa ekonomi negara kepada semua lapisan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa. Menyokong kerajaan melaksanakan dasar-dasar dan usaha-

usaha yang diperkenalkan untuk menangani krisis ekonomi yang dihadapi. Merestui dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenal untuk memulihkan ekonomi seperti dibentang dalam Kertas Perintah Bil. 6 Tahun 1999. Dalam merestui Kertas Putih Mengenai Status Ekonomi Malaysia, kerajaan dengan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka untuk bersama-sama membantu memulihkan ekonomi negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kita ada satu minit sahaja.

**USUL
UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

5.29 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Yang di-Pertua, saya Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, Ahli Parlimen Sipitang mencadangkan bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesembilan”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, kita sambung esok Yang Berhormat. [Ketawa]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.